

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS**

2025

HARI RABU : 5 FEBRUARI 2025

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO. 3, NO. 12 HINGGA NO. 97)

[SOALAN NO. 3 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN SOALAN NO. 59]

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan mekanisme pelaksanaan Skim Kemalangan Bukan Bencana Kerja (SKBBK) untuk melindungi individu terjejas dengan kemalangan di luar pekerjaan dan sejauh manakah skim ini dapat menangani cabaran risiko berkaitan kerja dan risiko di luar waktu kerja susulan peningkatan aturan kerja anjal oleh majikan di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon keizinan untuk menjawab secara bersekali soalan daripada **Yang Berhormat Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] dan Soalan No.59 daripada Yang Berhormat Datuk Seri M. Saravanan [Tapah].**

KESUMA berhasrat untuk melaksanakan Skim Kemalangan Bukan Bencana Kerja (SKBBK) yang akan ditadbir oleh PERKESO dalam memastikan liputan perlindungan **24 jam** sehari dalam tempoh **7 hari seminggu** kepada pekerja yang layak semasa tempoh penggajian. Skim Kemalangan Bukan Bencana Kerja (SKBBK) meliputi kemalangan yang **tidak terbit** daripada dan dalam masa menjalankan pekerjaan dan **tidak berkait** secara langsung dengan penggajianya. Skim yang dicadangkan akan meliputi kemalangan yang berlaku dalam Malaysia di luar waktu kerja termasuk kemalangan dalam perjalanan yang tidak berkaitan dengan pekerjaan.

KESUMA cakna dengan perubahan lanskap peralihan waktu kerja pada masa kini susulan peningkatan aturan kerja anjal atau aturan kerja fleksibel (FWA) oleh majikan di Malaysia kesan daripada perkembangan digitalisasi. Pelaksanaan SKBBK oleh PERKESO ini merupakan satu mekanisme perlindungan sosial dalam menangani cabaran risiko berkaitan kerja dan risiko di luar waktu kerja terutama bagi pekerja yang terlibat dengan FWA. Ini kerana risiko kemalangan yang tidak berlaku di pejabat serta waktu kerja seperti kelaziman.

Secara prinsipnya, Mesyuarat Kabinet telah bersetuju agar KESUMA melaksanakan SKBBK. KESUMA melalui PERKESO juga telah mengadakan sesi libat urus dengan para pemegang taruh bagi mendapatkan maklumbalas berkenaan cadangan pelaksanaan SKBBK bersama wakil dari pihak Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME), Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Persekutuan

NO SOALAN : 3

Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM), Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) di Lembah Klang, Sabah dan Sarawak. KESUMA menjangkakan Rang Undang-Undang bagi skim ini akan dapat dibentangkan di Mesyuarat Parlimen pada tahun ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR [KUANTAN]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR [KUANTAN] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tindakan Kementerian bagi mengatasi masalah jalan raya yang tidak rata dan berlekuk serta garisan jalan yang cepat pudar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya menerusi agensi-agensi di bawahnya sentiasa komited bagi memastikan rangkaian jalan raya Malaysia berada dalam tahap terbaik dan memberikan perkhidmatan yang selamat dan selesa kepada pengguna jalan raya. Jalan Persekutuan yang melibatkan Parlimen Kuantan adalah sepanjang jalan 85.44 km dan disenggara oleh konsesi penyenggaraan Jalan Persekutuan yang telah dilantik oleh Kerajaan. Berhubung pertanyaan Ahli Yang Berhormat berkenaan masalah jalan raya yang tidak rata dan berlekuk, itu ini adalah berpunca daripada kerosakan struktur jalan akibat muatan berat mahupun faktor cuaca. Oleh yang demikian, beberapa tindakan telah diambil oleh pihak Kementerian. Antaranya adalah:

- i. **Pemantauan kualiti bahan** - bagi memastikan kualiti bahan turapan yang dibekalkan mematuhi spesifikasi JKR yang berkuat kuasa, kawalan kualiti bermula daripada bahan binaan menerusi *plant trial* di setiap loji yang ingin membekalkan bahan turapan bagi kerja-kerja penyenggaraan Jalan Persekutuan. Pelaksanaan ujian-ujian kawalan kualiti semasa pembinaan juga dilaksanakan dan dipantau supaya mematuhi semua spesifikasi dan garis panduan yang telah dibangunkan oleh JKR seperti Spesifikasi Pembinaan Jalan (SPJ), Arahan Teknik Jalan (ATJ) dan Nota Teknik Jalan (NTJ). Kawalan kualiti yang dilaksanakan adalah bertujuan untuk menjamin prestasi dan jangka hayat reka bentuk dapat dipenuhi.
- ii. **Penggunaan bahan turapan teknologi terkini** - bagi meningkatkan ketahanan permukaan jalan yang disenggara, pihak Kementerian turut mengguna pakai teknologi turapan baharu (*specialty mix*) dalam kerja-kerja penyenggaraan jalan Persekutuan. Sehubungan itu, pelbagai kerjasama telah dijalankan oleh pihak Kementerian dengan pihak swasta dan agensi Kerajaan yang lain dalam usaha meneroka teknologi bahan turapan *specialty mix* dalam kerja-kerja penyelenggaraan jalan raya. Antara campuran bahan turapan *specialty mix* yang telah digunakan adalah getah tayar terpakai (*crumb rubber*), getah asli (*cuplump & latex*), polimer, fiber (asli & sintetik) dan plastik.

iii. **Pewartaan Perintah Sekatan Berat** - Perintah ini bertujuan untuk melindungi jalan dan jambatan di sepanjang Laluan Persekutuan daripada mengalami kerosakan akibat daripada kenderaan beroperasi melebihi had muatan yang dibenarkan. Penentuan had muatan ini adalah berdasarkan kepada penilaian teknikal tentang keupayaan jalan dan jambatan yang ada di laluan tersebut untuk menerima sesuatu bebanan kenderaan. Berdasarkan Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333), agensi yang yang berkuasa untuk menguatkuasakan Perintah Sekatan Berat adalah pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Oleh itu, penggunaan teknologi *High Speed-Weigh In Motion* (HS-WIM) akan dilaksanakan sebagai satu kaedah bagi membantu pelaksanaan penguatkuasaan kenderaan lebih had muatan secara automatik dan berterusan. Peruntukan cadangan penggunaan HS-WIM telah diluluskan dalam RMKe-12 di bawah Kementerian Pengangkutan sebagai pemilik projek dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sebagai agensi pelaksana.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi garisan jalan yang telah pudar, pelaksanaan kerja mengecat semula garisan jalan akan dilaksanakan mengikut perancangan dan senarai keutamaan Anggaran Penyenggaraan Jalan (APJ) berdasarkan peruntukan yang diterima Kementerian ini daripada pihak Kementerian Kewangan. Di samping itu, kementerian ini melalui JKR telah mewajibkan penggunaan *All Weather Thermoplastic* (AWT) sebagai bahan cat garisan jalan, bagi jalan Persekutuan. Bahan *glass bead* yang terkandung di dalam AWT ini berfungsi sebagai reflektor lampu kenderaan, yang meningkatkan *visibility* garisan jalan tersebut. Dengan penggunaan produk AWT yang mematuhi prosedur kerja dan spesifikasi, pihak KKR berharap isu garisan jalan pudar dapat diatasi secara berpanjangan.

Oleh itu, bagi Parlimen Kuantan pada tahun 2023 sehingga 2024 Kementerian ini telah memperuntukkan sebanyak RM24.2 juta di bawah program penyenggaraan rutin, penyenggaraan berkala pavemen dan berkala bukan pavemen yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi melalui Arahan Kerja (AK) dan semua kerja ini telah disiapkan sepenuhnya.

Di samping itu, bagi tahun 2025 Kementerian ini telah mengenal pasti dan merancang 16 bilangan kerja berkala pavemen yang bernilai RM27.32 juta dan 22 bilangan kerja berkala bukan pavemen bernilai RM5.49 juta di Jalan Persekutuan bagi Parlimen Kuantan. Berdasarkan perancangan tersebut

NO SOALAN : 12

terdapat 12 bilangan kerja di dalam Parlimen Kuantan yang melibatkan garisan jalan bernilai RM2.69 juta di bawah Program Berkala Bukan Pavemen. Walau bagaimanapun, kelulusan kerja ini adalah tertakluk kepada senarai keutamaan Anggaran Penyenggaraan Jalan (APJ) yang disediakan oleh JKR berdasarkan penilaian tahap kritikal kerosakan jalan bagi keseluruhan jaringan Jalan Persekutuan di bawah seliaan Kementerian ini.

Sehingga Januari 2025, kementerian ini telah memperuntukkan sebanyak 5 bilangan kerja berkala pavemen bernilai RM9.71 juta dan 1 bilangan kerja berkala bukan pavemen bernilai RM54 ribu di Parlimen Kuantan. Kesemua kerja – kerja ini akan dilaksanakan secara Arahan Kerja (AK) kepada syarikat konsesi dan dijangka siap sepenuhnya pada April 2025.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya sentiasa komited dalam memastikan jalan sentiasa dalam keadaan yang selamat dan selesa dengan menjalankan kerja-kerja penyenggaraan rutin sepanjang tahun.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN PANG HOK LIONG [LABIS] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah dan inisiatif yang akan diambil oleh Kementerian dalam usaha penjagaan kesihatan mata dan gigi rakyat terutamanya kanak-kanak yang masih bersekolah kerana kos perubatan dan pembelian peralatan bantuan semakin meningkat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. KKM telah melaksanakan pelbagai langkah dan inisiatif untuk meningkatkan penjagaan kesihatan pergigian murid di seluruh negara melalui Pasukan Kesihatan Pergigian Sekolah. Antaranya adalah:

- (a) Pencegahan kesihatan pergigian, termasuk saringan pergigian untuk mengesan lesi karies awal dan penyakit periodontal;
- (b) Perkhidmatan kesihatan pergigian kepada kanak-kanak dari prasekolah hingga peringkat sekolah menengah di tadika dan sekolah kerajaan setiap tahun; dan
- (c) Pendidikan kesihatan pergigian yang berterusan bagi mengajar murid cara-cara untuk menjaga kebersihan gigi dan mulut mereka, mengenali tanda-tanda masalah pergigian, serta cara-cara untuk melakukan pemeriksaan mulut sendiri.

2. Dengan pengesanan awal, penyakit pergigian dapat dirawat sebelum ia berkembang menjadi lebih serius, sekali gus mengurangkan risiko komplikasi jangka panjang. Rawatan pergigian yang diberikan pada peringkat awal tidak hanya lebih murah, tetapi juga mempunyai prognosis yang lebih baik. Sekiranya masalah pergigian dibiarkan tanpa rawatan, ia boleh berkembang menjadi masalah yang lebih serius dan memerlukan rawatan yang lebih kompleks dan mahal.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Bagi penjagaan kesihatan mata pula, antara langkah dan inisiatif yang telah dijalankan termasuklah:

- (a) saringan tahap penglihatan untuk pengesanan masalah rabun dan penyakit-penyakit mata setiap tahun bagi pelajar-pelajar sekolah Tahun 1, Tahun 6 dan Tingkatan 3 melalui Unit Pasukan Sekolah KKM;
- (b) pelaksanaan kempen kesedaran dan pendidikan kesihatan mata yang berterusan (Sambutan Hari Penglihatan Sedunia), iaitu mengadakan

NO SOALAN : 13

ceramah, pengedaran risalah dan penggunaan media sosial untuk mendidik ibu bapa dan kanak-kanak;

(c) rawatan sub-kepakaran mata kanak-kanak (Pediatric Ophthalmology) dibantu sepenuhnya oleh pihak Kerajaan di hospital-hospital yang terlibat antaranya Hospital Tunku Azizah, Hospital Kuala Lumpur, Hospital Selayang, Hospital Pulau Pinang;

(d) pertambahan perkhidmatan Optometri Primer di klinik kesihatan dari satu jawatan kepada 21 jawatan pada tahun 2024; dan

(e) pembetulan masalah rabun dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah di Malaysia dengan kerjasama awam-swasta (Public-Private Partnership) melalui program seperti berikut:

i. Program Vision For Education dan Program Sayangi Mata Anda : Kerjasama KKM dan Our Optometrist – PruBSN dan juga Our Optometrist – Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

ii. Program Clear Vision, Bright Kids: Kerjasama KKM dan Tun Hussein Onn Eye Hospital (THONEH).

iii. Program Care for Vision : PUSPANITA KKM – Rotary Club

iv. Program New Vision New Life : KKM – OPTIMAX Eye Specialist.

v. Program Amblyopia And Visual Impairment Screening (AVIS) Provider

4. Semua program dan intervensi yang dijalankan bagi penjagaan kesihatan mata diharapkan dapat meningkatkan perkhidmatan penjagaan mata terutama sekali kepada kanak-kanak. Pengesanan dan rawatan awal dapat mengelakkan masalah yang lebih serius seterusnya dapat membantu mengurangkan kos perubatan dan pembelian peralatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN ZAHARI BIN KECHIK [JELI]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN ZAHARI BIN KECHIK [JELI] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sejauh manakah peranan dan pelaksanaan Kementerian melalui FAMA bagi menjamin hasil pertanian pekebun dan petani di setiap daerah di Malaysia dapat dipasarkan di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sentiasa berusaha memastikan kebolehpasaran hasil pertanian keluaran para pekebun dan petani. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) Pertama: menggalakkan penglibatan pekebun dan petani dalam program Khidmat Pemasaran Ladang Kontrak. Program ini memberi jaminan pasaran melalui Perjanjian Jual Beli (Forward Agreement) yang dipersetujui bersama antara pengeluar dan pemasar. Selain itu, FAMA turut menawarkan insentif harga lantai sekiranya harga belian di peringkat ladang merundum bertujuan untuk membolehkan pengeluar mendapat harga yang lebih tinggi dari kos pengeluaran dan memperolehi modal pusingan bagi musim penanaman seterusnya;
- (ii) Kedua: mewujudkan rakan strategik pemasar menerusi program Rakan Pemasar Kontrak Pemasaran. Program ini bertujuan untuk membangunkan rakan strategik pemasar yang berperanan melaksanakan pembelian hasil pertanian daripada peserta Ladang Kontrak yang bernaung di bawah mereka sekali gus meningkatkan luang pasaran pengeluar;
- (iii) Ketiga: membangunkan outlet pemasaran seperti Pasar Tani, Pasar Tani Kekal, Gerai Buah-Buahan Segar dan Agrobazaar. Outlet-outlet ini berperanan untuk menyediakan luang pasaran kepada pengeluar bagi memasarkan hasil pertanian terus kepada pengguna;
- (iv) Keempat: melaksanakan program jualan terus seperti Jualan Agro MADANI. Program ini merupakan alternatif luang pasaran untuk memasarkan hasil pertanian terus kepada pengguna tanpa melalui orang tengah;
- (v) Kelima: melaksanakan program galakan pasaran. Pelbagai program galakan pasaran seperti Kempen Lebihkan Makan Buah-Buahan dan Sayur-Sayuran Tempatan, FAMAFest, Pameran Perdagangan Domestik dan Karnival IAT telah dilaksanakan untuk meningkatkan kadar

NO SOALAN : 14

penggunaan dan permintaan terhadap hasil pertanian tempatan; dan

(vi) Keenam: menggalakkan jualan komoditi secara dalam talian menerusi portal Agrobazaar Online. Portal ini merupakan platform alternatif kepada pengeluar untuk memasarkan produk secara dalam talian yang diperkenalkan sejak tahun 2014.

2. Pada masa yang sama, FAMA turut memperkuuh aspek logistik dan pemasaran bagi membantu pekebun dan petani. Antara insiatif yang dilaksanakan adalah:

(i) Pertama: membangunkan Pusat Pengumpulan Ladang (PPL). Pusat ini bukan sahaja berperanan sebagai tempat pengumpulan hasil pertanian tetapi juga menyediakan kemudahan seperti penggredan, pembungkusan dan pelabelan;

(ii) Kedua: menyediakan perkhidmatan kenderaan perdagangan. FAMA turut menyediakan perkhidmatan sewaan kenderaan bagi membantu petani memasarkan hasil pertanian terus ke Pusat Operasi dan outlet pemasaran FAMA di setiap negeri;

(iii) Ketiga: menyediakan kemudahan bilik sejuk. FAMA telah menambah baik fasiliti bilik sejuk sedia ada bagi memastikan hasil pertanian kekal segar dan berkualiti sehingga sampai ke pasaran; dan

(iv) Keempat: menggalakkan pematuhan terhadap Peraturan-Peraturan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan Keluaran Pertanian) 2008 atau lebih dikenali sebagai Peraturan GPL

di sepanjang rantaian bagi mengurangkan isu pembaziran di samping dapat memastikan keluaran pertanian dipasarkan mengikut keperluan pasaran.

3. Kementerian melalui FAMA terus komited dalam melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menjamin kebolehpasaran hasil pertanian pekebun dan petani di setiap daerah di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [BANGI]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [BANGI] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :

a. langkah-langkah intervensi untuk wanita dalam sukan melalui Kod Sukan Selamat dan perancangan Kementerian untuk memperkasakan kod tersebut

b. bilangan aduan yang dikendalikan serta statusnya yang terkini dengan pecahan jenis kes (gangguan seksual, salah laku psikologi, salah laku fizikal, buli, antun seksual dan lain-lain).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sepanjang tahun 2024 Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah melaksanakan sebanyak 48 program advokasi melibatkan penyertaan seramai 6,642 orang peserta dalam kalangan atlet, jurulatih, pegawai, pentadbir sukan dan sebagainya. Program advokasi juga telah dilaksanakan di peringkat sekolah dan institut pendidikan tinggi (IPT) sejak bulan April 2024 melibatkan seramai 38,096 orang peserta dalam kalangan pelajar dan pegawai.

KBS juga telah pun membuat pindaan ke atas Jadual Kedua dan Jadual Ketiga, Akta Pembangunan Sukan 1997 [Akta 576] iaitu Perlembagaan Atau Kaedah-Kaedah Badan Sukan yang mula berkuatkuasa pada 10 Mac 2023. Selaras dengan pindaan ini, semua badan sukan di peringkat kebangsaan, negeri, daerah dan kelab perlu memastikan aktiviti sukan masing-masing dikendalikan dalam persekitaran sukan yang selamat, dan berintegriti.

Dalam usaha memperkasakan pelaksanaan Kod Sukan Selamat, KBS akan meneruskan program advokasi dan kesedaran di peringkat akar umbi bagi memastikan seluruh komuniti sukan memahami peranan dan tanggungjawab masing-masing. Program ini akan diselaraskan oleh 44 orang *focal point* sukan selamat yang telah dilantik dari kalangan pegawai KBS, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Sebagai langkah pencegahan, semua organisasi berkaitan sukan juga perlu membuat semakan latar belakang sebelum melantik mana-mana jurulatih atau pegawai teknikal terutamanya yang melibatkan kanak-kanak. Kewajipan menandatangani akuanji pematuhan Sukan Selamat serta Polisi Perlindungan Kanak-kanak dalam mana-mana kontrak atau lantikan juga merupakan antara langkah awal yang perlu diterapkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah keseluruhan aduan adalah sebanyak 28 aduan dari tahun 2023 hingga 2024 dengan pecahan kes seperti berikut:

NO SOALAN : 15

(a) Sebanyak 16 kes telah diselesaikan dengan pecahan seperti berikut:

- (i) Penderaan Seksual (2 kes)
- (ii) Penderaan Mental (3 kes)
- (iii) Penderaan Fizikal (2 kes)
- (iv) Buli (4 kes)
- (v) Ugutan (2 kes)
- (vi) Antunan Seksual (2 kes)
- (vii) Pengabaian (1 kes)

(b) Sebanyak 11 kes yang masih aktif dengan pecahan seperti berikut:

- (i) Penderaan Seksual (4 kes)
- (ii) Penderaan Mental (2 kes)
- (iii) Penderaan Fizikal (2 kes)
- (iv) Pengabaian (3 kes)

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN
FAKHRURAZI [KUALA KEDAH]**

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

**YB DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI [KUALA KEDAH] minta
MENTERI KESIHATAN menyatakan :**

- a. statistik perjawatan pegawai farmaseutikal dan fisioterapi yang sedang berkhidmat di KKM antara tahun 2022-2024
- b. skim dan inisiatif yang ditawarkan ke atas pegawai farmaseutikal dan fisioterapi, bertujuan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan mereka di KKM.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terima kasih kepada YB Kuala Kedah yang bertanyakan mengenai statistik pegawai dan inisiatif ditawarkan bagi skim perkhidmatan farmasi dan fisioterapi.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, klasifikasi perkhidmatan farmasi dan fisioterapi di bawah Kementerian Kesihatan (KKM) meliputi skim perkhidmatan pegawai farmasi, penolong pegawai farmasi, pegawai pemulihan perubatan fisioterapi dan jurupulih perubatan fisioterapi. Perincian anggota bagi tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti berikut:

Klasifikasi Perkhidmatan	Tahun		
	2022	2023	2024
Farmasi	17,087	17,091	17,310
Fisioterapi	1,821	1,871	1,924

3. Berhubung inisiatif yang ditawarkan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan. Bagi skim perkhidmatan farmasi, Kementerian Kesihatan telah dan sedang melaksanakan inisiatif termasuk:

- a. menawarkan Latihan Dalam Perkhidmatan dan Cuti Belajar dengan Hadiah Latihan Persekutuan bagi meningkatkan kemahiran teknikal dan klinikal di dalam atau luar negara; dan
- b. menambah baik proses lantikan bagi Pegawai Farmasi menerusi perbekalan lantikan terus di gred naik pangkat (*lateral entry*) di bawah Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA).

NO SOALAN : 16

4. Manakala, bagi skim perkhidmatan fisioterapi, antara inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan Kementerian Kesihatan adalah:

- a. memastikan standard penyampaian perkhidmatan mematuhi piawaian yang telah ditetapkan melalui pemantauan KPI;
- b. membangunkan kapasiti pegawai secara berterusan melalui kursus, latihan sangkutan di fasiliti kepakaran, pendidikan lanjutan; dan
- c. penggunaan buku log *credentialing* (dengan izin) untuk memastikan prosedur kerja selamat dan memenuhi piawaian amalan klinikal yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN
CHIK [BALIK PULAU]**

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB DATO' MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [BALIK PULAU] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sejauh manakah Kementerian telah memastikan supaya dasar zero potholes dilaksanakan dengan segera dan memastikan agar setiap kerja penampalan jalan yang dibuat adalah mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Aku Janji *Zero Potholes* yang diadakan pada Tahun 2020 antara Kementerian Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya dan Syarikat Konsesi Jalan Persekutuan merupakan inisiatif memperkuatkan komitmen Kementerian ini terhadap penyampaian perkhidmatan penyenggaraan Jalan Persekutuan. Selain itu, program ini juga adalah kesinambungan kepada Program *Zero Potholes* yang telah diperkenalkan pada tahun 2016. Program ini telah ditambah baik dengan pelaksanaan dan pemantauan yang lebih efisien melalui Sistem Aplikasi Pemantauan *Potholes* secara atas talian. Sistem ini dibangunkan bagi pemantauan status kerja penampalan *potholes* Jalan Persekutuan di Semenanjung Malaysia secara atas talian melalui penggunaan aplikasi di telefon bimbit, tablet dan komputer.

Sistem ini bertujuan untuk memastikan setiap tindakan pemberian dilaksanakan dalam tempoh 24 jam (kerja tampalan sementara) atau dalam tempoh 3 hari (kerja tampalan kekal) selepas kerosakan dikenal pasti atau selepas aduan diterima, selari dengan Piagam Pelanggan Kementerian Kerja Raya Malaysia dan Kontrak Perjanjian Penswastaan Penyenggaraan Jalan Persekutuan. Setiap kerja penampalan jalan yang dilaksanakan perlu mematuhi spesifikasi dan prosedur yang ditetapkan oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia.

Berdasarkan rekod tampalan *potholes* bagi tahun 2024, bilangan *potholes* yang telah dibaiki adalah sebanyak 3955 bilangan *potholes* bagi sepanjang jaringan Jalan Persekutuan di Semenanjung Malaysia dan 51,949 bilangan *potholes* bagi sepanjang jaringan Jalan Persekutuan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya Malaysia sentiasa komited dalam memastikan Jalan Persekutuan sentiasa dalam keadaan yang selamat dan selesa digunakan dengan menjalankan kerja-kerja penyenggaraan rutin secara berjadual sepanjang tahun.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB [GERIK]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB [GERIK] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejauh manakah keberhasilan strategi KBS untuk merombak program-program atlet pelapis sedia ada termasuk Program Podium serta inisiatif pembangunan atlet muda di peringkat akar umbi untuk mengenal pasti bakat-bakat atlet muda menerusi Program Pelapis Negeri dengan kerjasama Kerajaan Negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian melalui Majlis Sukan Negara (MSN) dengan kerjasama Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK), Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Kementerian Pendidikan (KPM) dan Institut Sukan Negara (ISN) sedang giat melaksanakan Program Podium dan Program Pelapis Kebangsaan. Seramai 350 atlet daripada 19 jenis sukan menjalani latihan yang berstruktur di bawah Program Podium manakala seramai 261 atlet daripada 15 jenis sukan di bawah program Pelapis Kebangsaan. Bagi atlet para pula, seramai 81 atlet daripada 8 jenis sukan iaitu boccia, para badminton, para memanah, para olahraga, para renang, para ping pong, para powerlifting dan tenis berkerusi roda sedang giat menjalani latihan di bawah bimbingan jurulatih-jurulatih yang berkelayakan.

Melalui pelaksanaan program ini, beberapa kejayaan telah dicapai di peringkat antarabangsa seperti:

1. Natasha Mohamed Roslan, sukan tenpin boling telah menjuarai Piala Dunia 2025 di Hong Kong pada 5 hingga 15 Januari 2025;
2. pasukan lelaki, sukan tenpin boling telah mendapat emas dalam Piala Dunia 2025 di Hong Kong pada 5 hingga 15 Januari 2025;
3. pasukan lelaki, sukan menembak dalam acara 10m air pistol memenangi pingat emas dalam Kejohanan Menembak Asia Tenggara ke-46 di Taoyuan, Chinese Taipei pada 18 hingga 20 Januari 2025; dan
4. acara berpasukan lelaki para (kecacatan intelektual) meraih pingat perak di Kejohanan Dunia Para Persekutuan Boling Antarabangsa di Kowloon, Hong Kong pada 17 hingga 24 Januari 2025.

MSN giat melaksanakan program pembangunan Bakat dan Pelapis Negeri dengan kerjasama pemegang-pemegang taruh utama seperti PSK, Kementerian Pendidikan (KPM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Majlis Sukan Negeri-Negeri secara berterusan bagi memastikan lebih ramai atlet pelapis yang berbakat dilahirkan. Sehingga kini, seramai 5,239 atlet sedang menjalani latihan di bawah kendalian 257 jurulatih di 278 Pusat

NO SOALAN : 18

Latihan Daerah (PLD) di bawah Program Bakat telah ditubuhkan di seluruh Malaysia. Di bawah Program Pelapis Negeri pula tumpuan diberikan kepada pelaksanaan program latihan melibatkan 17 jenis sukan di 269 Pusat Latihan Negeri (PLN) yang memberi peluang latihan kepada seramai 4,112 atlet di bawah bimbingan 282 jurulatih.

Program latihan yang berstruktur dan bersistematik untuk tempoh jangka panjang ini membantu melahirkan lebih ramai atlet-atlet pelapis negara yang berdaya saing khususnya persiapan ke arah Sukan Malaysia (SUKMA) dan kejohanan peringkat Kebangsaan. Seramai 938 atlet Program Pelapis Negeri dan 355 atlet Program Bakat telah menyertai SUKMA Sarawak 2024 dan berjaya memenangi sebanyak 118 pingat emas, 114 pingat perak dan 120 pingat gangsa.

Jawatankuasa Peringkat Tertinggi (HLC) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat (YAB) Timbalan Perdana Menteri telah bersetuju untuk memberi tumpuan bagi sukan-sukan yang menawarkan bilangan pingat yang banyak iaitu sukan tempur, akuatik renang dan olahraga. Bagi sukan akuatik renang dan olahraga, pelaksanaan program melibatkan pengenalpastian bakat-bakat baharu bermula seawal umur 9 tahun di peringkat daerah, negeri, zon dan seterusnya kebangsaan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan (KPM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Manakala bagi sukan tempur, pelaksanaan program adalah dengan kerjasama bersama pihak badan-badan beruniform seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan BOMBA.

Pihak Kementerian juga akan memperkenalkan Program Pembangunan Bakat 8 Sukan Olimpik yang melibatkan sukan akuatik renang, akuatik terjun, badminton, berbasikal, memanah, skuasy, taekwondo dan olahraga bermula dari peringkat akar umbi dalam usaha untuk melahirkan atlet-atlet yang terbaik ke Sukan Olimpik. Program pembangunan yang khusus seperti struktur kejurulatihan yang lebih baik, lebih banyak peluang pertandingan dalam dan luar negara, *athletes and competition pathway*, kem-kem bakat dan program tindik dengan pasukan kebangsaan akan disediakan untuk atlet remaja terbaik di peringkat negeri.

Bagi program pembangunan atlet para, sebanyak 17 sirkit sukan para termasuk satu Karnival Sirkit Sukan Para Kebangsaan akan dilaksanakan pada tahun ini sebagai platform pendedahan kejohanan kepada atlet-atlet

NO SOALAN : 18

baharu dan sebagai medan pemilihan serta persediaan atlet pelapis para negeri untuk diserapkan ke program Pelapis Kebangsaan atau Program Podium dan seterusnya dipilih untuk mewakili negara di Temasya Sukan Para ASEAN, Thailand.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN YUSUF BIN ABD WAHAB [TANJONG MANIS]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN YUSUF BIN ABD WAHAB [TANJONG MANIS] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan berapa jumlah nelayan yang aktif berbanding jumlah nelayan yang berdaftar di Parlimen Tanjung Manis. Apakah Kementerian akan melakukan pemutihan pemegang kad nelayan yang tidak aktif supaya kad baharu dapat dikeluarkan kepada nelayan baharu yang layak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Merujuk kepada rekod pendaftaran Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) yang terkini, sebanyak empat ratus lapan puluh lima (485) buah vesel penangkapan ikan berdaftar di Tanjung Manis, Sarawak. Dari jumlah tersebut, sejumlah seratus lapan puluh dua (182) buah vesel aktif dan tiga ratus tiga (303) vesel tidak aktif di Tanjung Manis.
2. DOF sentiasa menjalankan program pemutihan lesen dari semasa ke semasa, khususnya terhadap lesen vesel yang tidak diperbaharui melebihi tiga (3) tahun, pemegang lesen telah keluar dari industri atau meninggal dunia. Daripada tahun 2022 sehingga 2024, sebanyak sembilan belas (19) lesen vesel penangkapan ikan di Sarawak telah dibatalkan, termasuk dua (2) lesen vesel zon C2 di Tanjung Manis. Pada tahun 2024, sebanyak 46 lesen sampan khas telah diluluskan kepada nelayan tradisional zon A baharu yang layak di daerah Belawai - Tanjung Manis.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH SALAMIAH BINTI MOHD
NOR [TEMERLOH]**

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB PUAN HAJAH SALAMIAH BINTI MOHD NOR [TEMERLOH] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sejauh manakah analisa kos-manfaat terhadap pulangan pelaburan bagi program IPR mengambil kira penyertaan peserta IPR yang diluluskan setakat ini berbanding unjuran asal 100,000 isi rumah miskin tegar dan golongan B40 serta kelangsungan IPR terhadap kesan pengganda untuk jangka panjang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga Januari 2025, sejumlah 7,068 golongan sasar miskin tegar, miskin dan B40 telah menyertai program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR). Jumlah berkenaan merangkumi 3,628 peserta di bawah Inisiatif Usahawan Tani (IPR – INTAN), 322 peserta Inisiatif Usahawan Makanan (IPR – INSAN), 890 peserta di bawah Inisiatif Operator Perkhidmatan (IPR – IKHSAN) serta 2228 peserta di bawah pendekatan Basmi Miskin Tegar (BMT).

Pelaksanaan IPR juga telah terbukti memberikan impak dalam membantu golongan sasar untuk menjana pendapatan tambahan secara mampan. Program IPR – INTAN misalnya yang dilaksanakan di lebih 50 lokasi telah memberi manfaat kepada 3,628 orang peserta. Peserta menerima pendapatan melalui elauan sementara menunggu tuaian sebanyak RM500 sebulan dan jualan hasil tanaman.

Sebagai contoh, para peserta yang mengusahakan tanaman cili fertigasi di Putrajaya telah berjaya meraih pendapatan bersih bulanan berjumlah antara RM2,200 hingga RM5,600 untuk pusingan pertama dan kedua tanaman cili.

Dalam tempoh dua pusingan pengeluaran tanaman cili tersebut, hasil jualan peserta adalah berjumlah RM718,341 berbanding penyaluran peruntukan sebanyak RM3,089,200 yang merangkumi penyediaan tapak projek, infrastruktur asas, tanaman, kos operasi serta bimbingan kepada peserta. Diunjurkan bahawa pulangan pelaburan Kerajaan kepada projek ini akan dikembalikan dalam tempoh 4 pusingan atau 2 tahun sahaja lagi.

Menerusi pelaksanaan IPR – INSAN pula, seorang peserta yang mengoperasikan mesin layan diri di Hospital Melaka telah berjaya meraih purata hasil jualan bulanan melebihi RM10,000. Program ini sedikit sebanyak telah merubah kehidupan keluarga peserta yang sebelum ini bergantung kepada pekerjaan suami sebagai buruh.

IPR – INSAN telah memberikan pulangan yang sangat memberangsangkan kepada pelaburan Kerajaan. Daripada bayaran sewaan mesin layan diri sebanyak RM935,070 yang telah dibayar oleh Kerajaan pada tahun 2024,

NO SOALAN : 20

Peserta IPR – INSAN telah berjaya memperoleh hasil jualan melebihi 3 kali ganda iaitu sebanyak RM3.1 juta.

Di bawah BMT pula, peserta diberikan bantuan peralatan dan latihan berasaskan minat dan kebolehan. Skop projek adalah merangkumi program pertanian, keusahawanan, pemasaran dan pemadanan pekerjaan. Melalui program ini, seramai 411 peserta telah memperoleh peningkatan melebihi RM1,198 iaitu kadar Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Makanan.

Menerusi pelaksanaan program ini, terdapat peserta yang memperolehi pendapatan purata berjumlah RM4,000 sehingga RM8,000 sebulan hasil daripada perniagaan makanan kiosk berkelompok di medan selera yang dibangunkan di Kampung Rhu Muda, Marang, Terengganu.

Selain itu, peserta IPR turut diberikan pelbagai latihan mengikut keperluan seperti pengurusan kewangan, latihan kemahiran dan latihan semasa bekerja (*on-the-job training*) serta dipantau secara berterusan bagi menjamin kelangsungan program ini.

Dalam mempergiat usaha untuk membasmi kemiskinan, Kerajaan telah dan sedang melaksanakan beberapa inisiatif jangka sederhana dan panjang selaras dengan Kerangka Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat. Ini termasuklah dengan meningkatkan pendapatan golongan sasar, mewujudkan peluang pekerjaan bagi meningkatkan taraf hidup golongan miskin, peningkatan akses kepada sokongan sosial seperti pendidikan dan kesihatan serta perumahan bagi meningkatkan tahap kualiti hidup serta meningkatkan daya tahan dan kesejahteraan isi rumah miskin. Sehubungan itu, Kerajaan mempelawa semua pihak untuk membantu memperluaskan pelaksanaan IPR bagi manfaat golongan sasar di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha Kementerian untuk mengawal perbezaan caj rawatan perubatan di hospital swasta bagi pesakit yang mempunyai kad insurans kesihatan dengan pesakit yang tiada kad insurans kesihatan serta mewajibkan hospital swasta menyenaraikan caj rawatan bagi jenis-jenis rawatan perubatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] dan Peraturan-Peraturan di bawahnya adalah Akta yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi mengawal fi dan caj yang dikenakan oleh kemudahan dan pusat jagaan kesihatan swasta. Fi dan caj ini secara khususnya dikawal melalui Jadual Fi iaitu Jadual Ketujuh dan Jadual Ketiga Belas Akta 586. Fi yang dikawal di bawah Akta 586 melalui Jadual Fi ini adalah fi profesional (perundingan dan prosedur). Ianya memperuntukkan harga siling atau had maksimum yang boleh dikenakan oleh pengamal perubatan di hospital atau klinik swasta.
2. Antara contoh fi dan caj prosedur semasa yang dikawal di bawah Akta 586 adalah seperti prosedur *Appendicectomy* yang mana caj maksimum adalah ditetapkan pada kadar RM2,135 untuk fi pakar bedah dan pakar bius. Walaubagaimanapun, terdapat juga fi dan caj-caj lain yang tidak dikawal selia di bawah Akta 586 ini seperti caj perkhidmatan kejururawatan, caj peralatan perubatan, caj alat pakai buang (jarum, picagari, gauze dan lain lain), dan caj ujian makmal. Selaras dengan ucapan YAB PMX ketika menjawab soalan PMQT tahun lalu, KKM juga dalam proses mengemas kini Jadual Fi Akta 586.
3. Berkenaan saranan Ahli Yang Berhormat supaya penyedia perkhidmatan swasta menyenaraikan caj rawatan, perkara ini boleh dilihat dalam dua aspek iaitu sebelum rawatan dijalankan dan selepas satu prosedur atau rawatan itu dijalankan.
 - (a) Bagi sebelum rawatan dijalankan, ia adalah sebahagian dari Peraturan sedia ada di bawah Akta 586 bahawa atas permintaan pesakit, setiap penyedia perkhidmatan swasta perlu menyediakan maklumat mengenai sebarang rawatan yang dicadangkan serta kemungkinan kos rawatan tersebut, dan sekiranya melanggar

NO SOALAN : 21

peruntukan ini penyedia perkhidmatan ini boleh dikenakan hukuman denda tidak lebih RM10,000 atau penjara bagi tempoh tidak lebih tiga bulan;

(b) Bagi selepas mendapatkan rawatan, perkara ini telah pun menjadi amalan semasa di mana atas permintaan pesakit, pesakit akan diberikan resit yang menunjukkan dengan terperinci jenis rawatan serta caj bagi setiap rawatan yang telah dijalankan.

4. KKM melalui Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS) mengalu-alukan mana-mana pihak untuk membuat aduan berkaitan fi dan seterusnya pihak CKAPS akan menyiasat aduan tersebut, di mana tindakan boleh diambil sekiranya hospital swasta didapati melanggar mana-mana peraturan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK DR. NIK NUHAMMAD ZAWAWI BIN
SALLEH [PASIR PUTEH]**

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB DATUK DR. NIK NUHAMMAD ZAWAWI BIN SALLEH [PASIR PUTEH] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan tindakan pihak Kementerian dalam mengatasi penurunan jumlah FDI daripada RM75.4 Bilion pada 2022 kepada RM40.4 Bilion pada 2023 dan dijangka terus menurun pada tahun 2024 dan 2025.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) mendapati bahawa masih lagi terdapat **kesamaran** dan pelbagai pertanyaan berhubung **data pelaburan** seperti mana yang dilaporkan oleh MITI menerusi Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (**MIDA**), **berbanding** Jabatan Perangkaan Malaysia (**DOSM**). Kekeliruan ini boleh mendatangkan implikasi besar kepada negara kerana ianya berkait rapat dengan tahap **keyakinan masyarakat umum**, termasuk **komuniti pelaburan** terhadap **reputasi Malaysia** sebagai negara yang berdaya maju.
2. Sebagai makluman, **Jawatankuasa Tindakan Penyelarasan Pelaburan dan Perdagangan (JTPPP)** pada **7 Disember 2023** telah membincangkan **isu perbezaan data pelaburan** yang dilaporkan oleh MITI/MIDA dan DOSM, yang mana, kedua-dua pihak iaitu MITI/MIDA dan DOSM telah membentangkan mengenai **definisi** serta **kaedah perolehan data** masing-masing. Berikutan itu, JTPPP antara lain, telah **bersetuju** dengan pemakaian istilah “**Pelaburan Asing (Foreign Investment - FI)**” oleh MIDA, manakala bagi DOSM pula menggunakan istilah “**Pelaburan Langsung Asing (Foreign Direct Investment - FDI)**”.
3. Tindakan ini diambil dalam usaha untuk **mengurangkan kekeliruan** dan meningkatkan **kecekapan** dalam **pelaporan** serta **analisis pelaburan** dalam negara. Perkara ini juga telah **dilaporkan** dan diambil maklum oleh **Jemaah Menteri** pada **12 Jun 2024** dan perkara ini **telah pun dijelaskan** kepada Dewan yang mulia ini bagi beberapa **soalan-soalan serupa** yang dibangkitkan dari kalangan Ahli-ahli yang Berhormat sebelum ini.
4. Justeru itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk sekali lagi memberi penerangan ringkas berkenaan **perbezaan maklumat pelaburan MITI/MIDA dan DOSM** untuk tujuan pemahaman oleh semua ahli Dewan yang mulia ini:

i. PERTAMA: Pelaburan Asing (*Foreign Investment – FI*) yang Diumumkan oleh MITI/MIDA

- a. Sejak tahun **2004**, MITI/MIDA telah diberi **mandat** oleh **Jemaah Menteri** untuk menyelaras serta menyediakan **laporan komprehensif** secara **berkala** pada setiap suku tahunan berkaitan **prestasi pelaburan swasta** yang **diluluskan** dalam pelbagai sektor ekonomi negara yang merangkumi **sektor utama, perkilangan, dan perkhidmatan**;
- b. Laporan prestasi pelaburan ini terdiri daripada gabungan maklumat-maklumat daripada **61 buah Kementerian dan Agensi** (termasuk MIDA) berkenaan **cadangan projek baharu** dan **pembesaran/pelbagaian** yang telah mendapat kelulusan lesen, insentif, permit, status, geran atau pinjaman mudah;
- c. Bagi **pengelasan aktiviti ekonomi** mengikut **sektor** dan **sub-sektor** pula, pelaporan adalah berdasarkan **Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia** (*Malaysia Standard Industrial Classification - MSIC*) yang diterbitkan oleh DOSM;
- d. Lazimnya, sesebuah projek yang diluluskan **mengambil masa** di antara **18 hingga 24 bulan** untuk dilaksanakan bergantung kepada skala, kompleksiti projek dan keadaan ekonomi semasa. Manakala, projek yang **direalisasikan** pula adalah merujuk kepada projek yang telah **memulakan operasi**, sedang dalam **pembinaan** bangunan atau kilang **atau** sedang dalam **pemasangan mesin dan peralatan**;
- e. Berdasarkan jumlah pelaburan yang dilaporkan, pecahan **FI** dan **DI** dihitung melalui **pengagihan ekuiti tempatan** atau **asing** dalam setiap projek untuk mendapatkan gambaran menyeluruh tentang pelaburan tersebut; dan
- f. Sebagai contoh, pada **tahun 2022**, Malaysia telah mencatatkan pelaburan yang diluluskan dalam pelbagai sektor ekonomi dengan jumlah pelaburan sebanyak **RM267.7 bilion**. Daripada jumlah ini, **FI** menyumbang sebanyak **RM163.3 bilion** atau **61%** daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan bagi tahun **2022** dan baki

RM104.4 bilion atau **39%** disumbangkan oleh **DI**;

g. **Prestasi pelaburan** bagi **tahun 2023** pula mencatatkan **nilai yang tertinggi** dalam sejarah, dengan nilai **RM329.5 bilion**, **peningkatan** sebanyak **23%** berbanding tahun 2022. Daripada jumlah ini, **FI** menyumbang sebanyak **RM188.4 bilion** atau **57.2%** daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan dan baki **RM141.1 bilion** atau **42.8%** disumbangkan oleh **DI**; dan

h. Manakala **prestasi pelaburan** bagi tempoh **Januari sehingga September 2024** pula terus **meningkat** sebanyak **10.7%** kepada **RM254.7 bilion** berbanding tempoh yang sama pada tahun 2023. Daripada jumlah ini, **FI** menyumbang sebanyak **RM106.7 bilion** atau **41.9%** dan baki **RM148.0 bilion** atau **58.1%** disumbangkan oleh **DI**.

ii. KEDUA: Pelaburan Langsung Asing (*Foreign Direct Investment – FDI*) yang Diumumkan oleh DOSM

a. Nilai **FDI** yang dilaporkan oleh DOSM pula merujuk kepada pelaburan dalam konteks **aliran masuk** dan **keluar pelaburan asing**, dengan fokus kepada aktiviti pelaburan sebenar, berdasarkan **transaksi kewangan** yang dilakukan oleh syarikat-syarikat asing. Manakala definisi FDI yang diterima pakai atau digunakan adalah pemilikan **sekurang-kurangnya 10% pegangan** dan **kuasa undi** dalam **syarikat gabungan** di Malaysia; dan

b. Sebagai contoh, **laporan DOSM** seperti yang dirujuk oleh Yang Berhormat merupakan **FDI** yang direkodkan pada tahun **2023** berjumlah **RM40.4 bilion**, berbanding **RM75.4 bilion** pada **tahun sebelumnya**.

5. Kesimpulannya, **pelaporan MIDA** menekankan **impak** dan **hasil pembangunan** yang dijana oleh projek-projek yang diluluskan, di mana ia secara berterusan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dan menjadi **petunjuk keyakinan pelabur** terhadap **prospek** ekonomi negara. Sebaliknya, **pelaporan DOSM** lebih tertumpu kepada aspek **kewangan** dan **statistik makroekonomi** dengan memberi **ilustrasi sebenar aliran masuk dan keluar modal asing**.

NO SOALAN : 22

6. Berdasarkan prestasi dan keadaan ekonomi semasa, Kementerian ini amat **optimistik** bahawa **momentum peningkatan prestasi pelaburan dapat diteruskan**.
7. Kerajaan akan terus melipatgandakan usaha dalam merangka strategi dan inisiatif baharu termasuklah memperkenalkan **reformasi dasar pelaburan** bagi meningkatkan lagi keyakinan pelabur serta mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai **destinasi pelaburan yang berdaya saing di peringkat global** dan seterusnya kekal menjadi **destinasi pilihan** para pelabur.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' VERDON BIN BAHANDA [KUDAT]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB DATO' VERDON BIN BAHANDA [KUDAT] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan jumlah pembinaan baharu rumah PPRT dan baik pulih rumah PPRT di Parlimen Kudat sepanjang tahun 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2024, Parlimen Kudat telah diluluskan sebanyak 373 unit rumah di bawah Program Perumahan Rakyat Sejahtera (PPRS) iaitu 61 unit Bina Baharu dan 312 unit Baik Pulih yang meliputi kos RM10,738,000.00. Berikut adalah pecahan mengikut daerah di Parlimen Kudat:

DAERAH	BINA BAHARU	BAIK PULIH
Banggi	2	72
Kudat	15	94
Pitas	44	146
JUMLAH	61	312

Bagi tahun 2025, KKDW terus komited untuk meneruskan inisiatif PPRS bagi membantu golongan yang berkelayakan. Sebanyak 869 unit PPRS Bina Baharu dan 2,922 unit PPRS Baik Pulih diperuntukkan untuk negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan dengan peruntukan RM143.6 juta. Pemohonan boleh dikemukakan melalui pelbagai saluran sama ada melalui permohonan secara individu, sistem e-Kasih atau Pejabat Daerah dan tertakluk kepada ketersediaan peruntukan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SRI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN [KUBANG KERIAN]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB DATO' SRI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN [KUBANG KERIAN] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan status terkini penggubalan Rang Undang-Undang (RUU) bagi penubuhan Lembaga Ruminan Negara (LRN) yang dikatakan sudah berada di fasa akhir pada tahun 2022.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang memperhalusi cadangan penubuhan Lembaga Ruminan Negara dengan meneliti model yang bersesuaian bagi memastikan penubuhan Lembaga ini berdaya tahan dan mampu mengatasi isu-isu yang dihadapi oleh industri ruminan.
2. Sebelum Lembaga ini ditubuhkan, Pasukan Interim Lembaga Ruminan Negara telah diwujudkan bagi merangka hala tuju serta kaedah pengoperasian Lembaga, menyelaras dan memperkemaskan jaringan industri melalui libat urus, perundingan dan advokasi. Ketika ini, kajian sedang dilaksanakan untuk menentukan kebolehlaksanaan di samping menyediakan opsyen yang boleh dipertimbangkan oleh Kerajaan dalam menetapkan pendekatan pembangunan serta kerangka institusi yang sesuai bagi pembangunan industri ruminan Malaysia yang berdaya maju dan lestari. Aktiviti kajian yang menyokong matlamat ini termasuklah analisis perbandingan model agensi dalam dan luar negara dari segi fungsi dan operasi perniagaan.
3. Penilaian terhadap ekosistem industri serta model perniagaan yang diguna pakai oleh agensi dalam dan luar negara akan membantu proses merangka fungsi dan kuasa Lembaga yang seterusnya diterjemahkan dalam konteks perundangan melalui penggubalan Rang Undang-Undang (RUU) Tubuh Lembaga mengikut kesesuaian.
4. Kajian adalah untuk tempoh tujuh (7) bulan dan dijangka berakhir pada pertengahan tahun 2025. Berdasarkan hasil kajian dan penilaian-penilaian lain yang berkaitan, cadangan halatuju penubuhan Lembaga Ruminan Negara dijangka akan dibentangkan untuk pertimbangan Mesyuarat Jemaah Menteri pada akhir tahun ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN MOHAMAD SHAFIZAN HAJI KEPLI [BATANG LUPAR]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN MOHAMAD SHAFIZAN HAJI KEPLI [BATANG LUPAR] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapa panjang dalam unit kilometer keseluruhan Jalan Persekutuan di Sarawak yang bukan Lebuhraya Pan Borneo serta berapa peruntukan yang akan diagihkan bagi kerja penyelenggaraan jalan-jalan tersebut untuk tahun 2025.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sentiasa berusaha dari semasa ke semasa untuk memastikan jalan persekutuan di negara ini berada dalam keadaan selamat dan selesa. Panjang keseluruhan Jalan Persekutuan di Sarawak tidak termasuk Jalan Persekutuan Lebuh Raya Pan Borneo adalah sepanjang 756.375 KM. Panjang jalan ini merangkumi Jalan Persekutuan di Bahagian Kuching, Sibu, Miri, Sri Aman, Samarahan, Serian, Sarikei, Bintulu dan Limbang.

Kementerian ini telah memperuntukkan sejumlah **RM186.95 juta** bagi Tahun 2025 untuk program kerja pembaikan dan penyenggaraan Jalan Persekutuan di Sarawak merangkumi Penyenggaraan Rutin, Berkala Pavemen dan Berkala Bukan Pavemen, Penyenggaraan Kecil Jambatan serta Penyenggaraan Lampu Jalan dan Lampu Isyarat

Pecahan peruntukan yang telah diluluskan oleh Kementerian ini bagi kerja-kerja pembaikan dan penyenggaraan Jalan Persekutuan di Sarawak adalah seperti berikut:

Bil	Program Penyenggaraan	Peruntukan yang Diluluskan
1.	Penyenggaraan Rutin	RM35,000,000.00
2.	Penyenggaraan Kecil Jambatan	RM2,700,000.00
3.	Berkala Bukan Pavemen	RM10,500,000.00
4.	Berkala Pavemen	RM86,050,000.00
5.	Berkala Pavemen (G1 - G4)	RM42,500,000.00
6.	Berkala Bukan Pavemen (G1 - G4)	RM7,500,000.00
7.	Penyenggaraan Lampu Jalan dan Lampu Isyarat (OS28000)	RM2,700,000.00
Jumlah		RM186,950,000.00

NO SOALAN : 25

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah skop Kerja Penyenggaraan Rutin, pihak syarikat konsesi yang dilantik ini perlu melakukan rondaan Pemeriksaan Rutin jalan persekutuan dengan kekerapan 2 kali seminggu. Ini adalah untuk memastikan jika terdapat sebarang kerosakan jalan seperti jalan berlubang, kerja tampaian lubang hendaklah dilaksanakan dalam tempoh 24 jam selaras dengan dasar KKR yang melancarkan dasar sifar lubang atau ‘zero pothole’ di Jalan Persekutuan seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi membaik pulih jalan-jalan dalam status kritikal, Kementerian Kerja Raya menyediakan program penyenggaraan turapan berdasarkan notis kerosakan (Notice of Defects / NOD) yang disediakan oleh pihak syarikat penyenggaraan. Melalui NOD ini, Kementerian Kerja Raya akan menyenaraikan program penyenggaraan turapan ini mengikut keutamaan dan keperluan mendesak untuk dikemukakan kepada Kementerian Kewangan bagi kelulusan peruntukan. Pelaksanaan program penyenggaraan ini adalah tertakluk kepada kelulusan peruntukan dari Kementerian Kewangan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN KAMAL BIN ASHAARI [KUALA KRAU]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN KAMAL BIN ASHAARI [KUALA KRAU] minta MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH menyatakan :

a. status peruntukan sebanyak RM1.8 bilion untuk Jalan Luar Bandar dan Jalan Perhubungan Desa melibatkan projek membina dan menaik taraf jalan kampung dan desa khususnya di Kuala Krau

b. strategi terperinci untuk menyelesaikan masalah kerosakan jalan perhubungan di kawasan penempatan Orang Asli.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk Makluman Yang Berhormat, peruntukan yang diluluskan bagi Program Jalan Luar Bandar (JALB) tahun 2025 adalah sebanyak RM1.57 bilion bagi pelaksanaan 383 projek JALB yang masih aktif di seluruh Malaysia.

Bagi Negeri Pahang, peruntukan yang diluluskan adalah sebanyak RM157.9 juta melibatkan pelaksanaan 36 projek yang masih aktif, di mana 15 projek dalam fasa Pra Pelaksanaan, 20 projek di peringkat Pembinaan dan 1 projek dalam fasa Pasca Pelaksanaan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pada tahun 2024 sebanyak 10 Projek Jalan Perhubungan Desa (JPJ) berjumlah RM1.398 Juta telah diluluskan KKDW kepada Parlimen Kuala Krau, kesemua projek ini telah siap dilaksanakan.

Manakala bagi tahun 2025 peruntukan JPJ bagi negeri Pahang adalah sebanyak RM11.5 juta. Pihak Yang Berhormat bolehlah mengemukakan permohonan untuk tindakan awal Kementerian. Permohonan akan dipertimbangkan sekiranya menepati skop projek JPJ & PAMS KKDW tertakluk kepada kos dan peruntukan yang diluluskan oleh agensi pusat.

Kerajaan juga mengambil maklum tentang kepentingan akses jalan perhubungan di kawasan pedalaman terutamanya di perkampungan Orang Asli. Sepanjang Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), Kerajaan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM250 juta bagi tujuan penyediaan jalan yang selamat dan kondusif yang di 853 kampung Orang Asli.

Daripada peruntukan tersebut, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sedang melaksanakan tiga (3) projek membina baru jalan dengan jumlah kos bernilai RM 151 juta dan bakinya adalah bagi pelaksanaan kerja-kerja menaiktaraf, membaikpulih dan menyelenggara jalan menerusi Projek Menaiktaraf Jalan Raya Di Kampung Orang Asli (KOAs) Semenanjung Malaysia.

Disebabkan kelulusan siling tahunan yang terhad, agihan peruntukan bagi kerja-kerja membina dan menaiktaraf jalan di KOAs tidak dapat menampung keperluan sebenar di lapangan. Justeru, sehingga tahun 2024 JAKOA hanya dapat

NO SOALAN : 26

melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf jalan di KOA Seboi, Kuala Krau dengan kos sebanyak RM100,000.00.

Walau bagaimanapun, JAKOA sentiasa bekerjasama dengan Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh serta Jabatan Kerja Raya (JKR) sekiranya terdapat sebarang kerosakan jalan di KOA di daerah Temerloh.

Selain itu, bagi tujuan untuk menyelesaikan masalah kerosakan jalan di perkampungan Orang Asli, JAKOA akan mengambil langkah seperti berikut;

- i. Mengenalpasti keperluan jalan perhubungan di perkampungan Orang Asli;
- ii. Mendapatkan kebenaran izin lalu/penggunaan tanah daripada pemilik tanah/rizab;
- iii. Membuat permohonan peruntukan bagi membina, menaiktaraf dan menyelenggara jalan ke Kementerian Ekonomi;
- iv. Memastikan jalan sedia ada di perkampungan Orang Asli didaftarkan di dalam Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS); dan
- v. Menjalin kerjasama dengan rakan strategi seperti Jabatan Teknikal, Pejabat Daerah dan Tanah, Jabatan Perhutanan, Kerajaan Negeri dan agensi lain yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN SUHAIZAN KAIAT [PULAI]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN SUHAIZAN KAIAT [PULAI] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah selanjutnya yang akan diambil oleh KESUMA dan KPT untuk memastikan program latihan amali berstruktur seperti ILHAM KESUMA dapat terus meningkatkan kebolehpasaran graduan terutama dalam menangani masalah graduan yang bekerja dalam pekerjaan yang tidak setara dengan kelayakan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui Talent Corp telahpun merangka satu pakej holistik ILHAM KESUMA (Berstruktur, Berbayar dan Berkualiti). Ini merupakan salah satu usaha KESUMA untuk memastikan pelajar dapat mengikuti latihan industri yang menjadi kewajipan sebelum pelajar bergraduasi dan menggalakkan majikan menyediakan lebih banyak peluang latihan industri dengan intervensi daripada kerajaan. Sehingga 31 Disember 2024, seramai 146,038 orang pelajar telah mendapat latihan industri.

Antara latihan yang ditawarkan adalah seperti seperti berikut:

I. MySiP (National Structured Internship Programme), TalentCorp.

Syarikat mendapat manfaat dari insentif cukai MySIP melibatkan potongan cukai berganda (double tax deduction) MNC, GLC dan SME.

II. Geran Padanan Latihan Industri untuk Perusahaan Kecil & Sederhana (LiKES), TalentCorp.

Dilancarkan pada 18 Mac 2024 untuk menyokong latihan industri dalam PKS dan syarikat baharu. Melalui LiKES, PKS menawarkan elauan minimum RM500 hingga RM600 sebulan kepada pelatih, dan TalentCorp membayar semula separuh daripada elauan tersebut.

III. Dasar Progresif 1:3, Talent Corp.

Nisbah cadangan satu (1) kepada tiga (3) penempatan latihan untuk setiap pas pekerjaan (EP) yang diluluskan.

IV. Internship Training Scheme (ITS), HRDCorp:

Skim yang direka untuk memberi bantuan kewangan kepada pelajar atau pelatih yang menjalani latihan di organisasi perniagaan pilihan mereka. Skim ini menggalakkan syarikat untuk memanfaatkan levi yang dicarum kepada HRD Corp bagi mengambil pelatih, dengan insentif kewangan sehingga RM500/ bulan selama maksimum lapan (8) bulan.

V. National Internship Policy:

Seterusnya pembangunan satu (1) Dasar Latihan Industri yang lebih menyeluruh dengan mengambilkira manfaat daripada inisiatif dan program sedia ada melibatkan Institusi Pengajian Tinggi, majikan dan pelatih latihan industri.

Justeru, kerjasama erat antara KESUMA dan KPT dalam membangunkan Dasar Latihan Industri yang menyeluruh ini akan dapat membantu menangani isu ketidakpadanan graduan dalam sektor pekerjaan (pekerjaan tidak setara dengan kelayakan).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah Kementerian dalam membentuk satu jawatankuasa bebas sebagai jaminan perlindungan bagi sesiapa yang mengalami masalah buli dan gangguan di peringkat awal untuk mengelakkan isu seperti kes buli doktor di Hospital Lahad Datu dan kes rogol di India.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara dasarnya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak mempunyai jawatankuasa bebas bagi menjamin perlindungan kepada warga KKM yang mengalami masalah buli dan gangguan di peringkat awal. Walau bagaimanapun, bagi memastikan isu buli mudah diadu dan ditangani secara telus, KKM pada 1 Oktober 2022 telah melancarkan sistem aduan buli secara dalam talian iaitu sistem MyHELP bagi membolehkan pegawai menyalurkan aduan mengenai insiden buli terus kepada Unit Integriti, Ibu Pejabat KKM tanpa perlu melalui penyelia atau ketua jabatan.
2. Antara langkah KKM bagi membantu petugas kesihatan yang terkesan akibat masalah buli dan menghadapi gangguan adalah:
 - (a) menyediakan perkhidmatan dalam memberi sokongan emosi dan intervensi awal berkaitan kesihatan mental kepada petugas kesihatan melalui Talian Krisis Kesihatan Mental atau Talian HEAL 15555 menerusi Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan (NCEMH);
 - (b) KKM juga bakal mengeluarkan “Garis Panduan Pengurusan Buli di Tempat Kerja Bagi Anggota KKM” menerusi NCEMH yang bertujuan meningkatkan kesedaran berhubung isu buli di tempat kerja, kepentingan persekitaran kerja yang baik, menjelaskan prosedur pelaporan, langkah-langkah pencegahan dan intervensi terhadap individu dan organisasi;
 - (c) membangunkan Nota Poket kesihatan Mental di Tempat Kerja yang mengandungi informasi berkaitan panduan penjagaan kesihatan mental di tempat kerja khususnya dalam memperkasa penjagaan kesihatan mental kendiri dalam kalangan warga kerja. Nota Poket ini telah diedarkan kepada semua wakil kementerian, agensi, dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO);
 - (d) memperluas perkhidmatan kaunseling oleh Pegawai Psikologi terlatih serta Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB);
 - (e) menyediakan platform digital, MyMinda menerusi aplikasi MySejahtera bagi memperluaskan capaian dan akses kepada perkhidmatan kesihatan

mental;

- (f) memperkasa Pasukan Mental Health and Psychosocial Support (MHPSS) di peringkat negeri daerah dan hospital yang akan turun ke lapangan bagi mengenal pasti petugas kesihatan yang memerlukan bantuan awal psikologi atau Psychological First Aid (PFA);
- (g) memperkenalkan program House Officer Encouragement and Reassurance Through Sharing and Support (HEARTS) di peringkat hospital bagi memberi sokongan dan membina daya tahan pegawai perubatan siswazah; dan
- (h) menyediakan program sokongan kepada pegawai perubatan dan petugas kesihatan lain yang dinamakan sebagai “Kintsukuroi” di hospital.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHONG ZHEMIN [KAMPAR]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN CHONG ZHEMIN [KAMPAR] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan berapa lama masa akan diberikan kepada U Mobile untuk melancarkan rangkaian 5G kedua dan bilakah pengguna dijangka mendapat manfaat daripada rangkaian kedua 5G ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sedang menilai Pelan Perniagaan Terperinci (*Detailed Business Plan*) yang telah dikemukakan oleh U Mobile Sdn Bhd (U Mobile) kepada MCMC. Notis Anugerah dijangka dikeluarkan kepada U Mobile pada Februari 2025 bagi membolehkan U Mobile melaksanakan pembangunan rangkaian 5G kedua, tertakluk kepada kelulusan Pelan Perniagaan Terperinci tersebut.

U Mobile perlu menyelesaikan beberapa obligasi di bawah Perjanjian Pemegang Saham (*Shareholder Agreement*) yang ditandatangani oleh U Mobile dan penyedia rangkaian mudah alih bersama DNB terlebih dahulu, sebelum U Mobile boleh menyediakan perkhidmatan rangkaian 5G kedua. Proses ini memerlukan tempoh masa sekurang-kurangnya lima bulan untuk diselesaikan. Walau bagaimanapun, U Mobile boleh menjalankan kerja-kerja awalan di tapak berdasarkan Pelan perniagaan Terperinci yang telah diluluskan oleh MCMC.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN MOHAMAD
JAN [PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN MOHAMAD JAN [PERMATANG PAUH] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk menghentikan tradisi memperaga wanita seksi dalam sebarang acara sukan permotoran yang dianjurkan oleh Kementerian atau syarikat berkaitan Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

KBS mengambil maklum maklumbalas daripada Yang Berhormat Permatang Pauh. Sensitiviti mengenai budaya dan agama di dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia adalah perkara yang sangat penting.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program MotoGP ini dianjurkan oleh Dorna Sports S.L yang berpangkalan di Sepanyol. Kejohanan ini telah dianjurkan sejak 75 tahun lepas. Pada tahun 2024, kejohanan MotoGP ini dianjurkan di 21 litar seluruh dunia. Kejohanan ini terus menarik minat penonton tempatan dan luar negara dan pada tahun 2024, sebanyak 184,923 penonton membanjiri SIC sewaktu kejohanan ini dan dimeriahkan dengan kehadiran lebih 18,000 pelancong asing. Mengikut kajian impak ekonomi yang telah dilakukan oleh SIC, pada tahun 2022 penganjuran acara ini memberi impak positif lebih RM150 juta kepada unjuran ekonomi negara.

Gadis litar yang bertugas semasa kejohanan merupakan petugas promosi bagi atau sebagai duta jenama syarikat-syarikat yang terlibat semasa kejohanan dan ditentukan oleh penganjur iaitu Dorna Sports. Ini termasuklah aktiviti pemasaran, penyiaran dan promosi pasukan. Manakala peranan SIC adalah sebagai penyedia fasiliti dan kemudahan yang terdapat di litar. Walau bagaimanapun, KBS melalui SIC dari semasa ke semasa mengadakan libat urus dengan penganjur untuk menambahbaik kualiti dan perincian kandungan sewaktu kejohanan ini dianjurkan di negara ini dan pada masa sama mengambil kira sensitiviti budaya dan agama negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan mengapa Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) mengambil masa yang lama untuk memproses permohonan dan pembaharuan lesen jika dibandingkan dengan Singapura. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mempercepat proses ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada tahun 2024, KPKM telah menerima permohonan baharu bagi lesen mengimport Makanan Haiwan Atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan di bawah Akta Makanan Haiwan 2009 sebanyak lapan puluh sembilan (89) permohonan. Manakala, bagi pembaharuan lesen pula adalah sebanyak lima ratus sepuluh (510) permohonan.
2. Proses untuk meluluskan permohonan baharu mengambil masa selama lima puluh sembilan (59) hari bekerja yang melibatkan tiga (3) peringkat iaitu semakan dokumen, verifikasi di lapangan dan kelulusan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Makanan Haiwan.
3. Manakala kelulusan bagi pembaharuan lesen pula melibatkan semakan dokumen sahaja dan mengambil masa selama 14 hari bekerja.
4. KPKM akan menambah baik proses meluluskan permohonan baharu seperti berikut:
 - (i) Menambah baik sistem permohonan dalam talian yang membolehkan semakan dibuat dengan lebih mudah dan mengambil masa yang singkat bagi mempercepatkan proses kelulusan; dan
 - (ii) Mesyuarat akan bersidang dengan lebih kerap untuk memperakukan semakan dan meluluskan permohonan, berbanding kekerapan dua (2) bulan sekali.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN DATUK
HUSSEIN [SEMBRONG]**

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN DATUK HUSSEIN [SEMBRONG] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan strategi Kementerian untuk memperluas penggunaan '*Emerging Technology*' yang merangkumi AI/*Smart System*, data raya dan teknologi 'rantai blok' dalam sektor pertanian bagi meningkatkan hasil pengeluaran dan memelihara daya tahan hasil pertanian memandangkan seluruh dunia telah ke arah Revolusi Perindustrian (IR) 4.0.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sentiasa mempergiatkan peluasan penggunaan Emerging Technology berteraskan teknologi Dasar Revolusi Perindustrian Keempat Negara (Dasar 4IR Negara) iaitu teknologi kecerdasan buatan (AI), sistem pertanian pintar berteraskan Internet benda (IoT) dan sistem daya jejak menggunakan Teknologi Rantaian Blok (blockchain). Inisiatif ini adalah selaras dengan Teras 1: Mendukung Pemodenan dan Pertanian Pintar yang digariskan dalam Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0). KPKM juga merupakan ahli dalam Kluster Emerging Technology yang diterajui oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi di bawah Dasar 4IR Negara yang turut memberi tumpuan kepada sektor pertanian.
2. Antara strategi yang dilaksanakan oleh KPKM adalah membangunkan sistem pertanian pintar berteraskan IoT dan AI untuk meningkatkan kualiti pengeluaran pertanian. Di samping itu, KPKM telah membangunkan aplikasi AI bagi sistem amaran awal dalam menangani ancaman perosak dan penyakit merentasi subsektor tanaman, perikanan dan ternakan untuk meningkatkan daya tahan hasil pertanian.
3. Bagi subsektor tanaman, KPKM melalui Jabatan Pertanian (DOA) sedang membangunkan sistem mengesan serangan perosak lebih awal melalui analisis data raya serangan perosak, mengenal pasti simptom serangan menggunakan AI dan mengesan kehadiran perosak menerusi penderia IoT.
4. Penggunaan teknologi terkini juga diperluaskan dalam industri padi menerusi Projek Ladang Padi IR4.0 oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di tapak projek perintis seluas 42 hektar. Projek ini bertujuan untuk mewujudkan sistem sokongan keputusan (decision support system) dengan aplikasi teknologi AI, analitik data raya (big data analytic) dan aplikasi teknologi IoT dalam menambah baik pengurusan penanaman padi. Sementara itu, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah memperkenalkan sistem amaran awal bagi serangan perosak benah perang berasaskan teknologi AI dan IoT dalam industri padi. Sistem ini berupaya memberikan maklumat risiko serangan perosak kepada para petani lebih awal supaya langkah pencegahan

boleh diambil.

5. Bagi subsektor perikanan, Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) telah membangunkan sistem saringan awal penyakit udang (SHOS-Spotter) berteraskan teknologi AI untuk memantau tahap kesihatan udang. DOF juga bekerjasama dengan Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk pengesahan penyakit bintik putih pada ikan marin menggunakan teknologi AI.
6. Untuk mengesan penyakit dalam subsektor ternakan dengan lebih awal, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) menggunakan teknologi Polymerase Chain Reaction (PCR) dan Next Generation Sequencing (NGS). Penggunaan PCR dan NGS yang melibatkan data raya dan AI memberi maklumat tentang genetik, faktor virulen dan pola sejarah haiwan ternakan. Teknologi ini dapat mengesan patogen dengan lebih cepat dan menjalankan penilaian risiko yang komprehensif untuk kawalan penyakit.
7. Seterusnya bagi teknologi rantai blok, DVS telah membangunkan Sistem MyWalet Blockchain yang mula digunakan sejak tahun 2022. Sistem ini bertujuan untuk memperkuuhkan daya jejak antara pengusaha rumah burung walet sehingga ke pengeksport bagi menjamin kualiti dan keselamatan produk, serta meningkatkan kepercayaan pengguna terhadap keselamatan produk sarang burung walet Malaysia agar lebih berdaya saing di peringkat global.
8. KPKM akan terus mempergiatkan penggunaan Emerging Technology seiring dengan perkembangan teknologi semasa sebagai inisiatif untuk meningkatkan kualiti pengeluaran dan daya tahan sektor agromakanan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan :

a. berapa jumlah peruntukan yang disalurkan kepada Rumah Ibadah Bukan Islam (RIBI) pada tahun 2023 dan 2024

b. bagaimana Kerajaan merancang untuk meningkatkan peranan Ahli-ahli Parlimen dalam proses pengagihan dana kepada Rumah Ibadah Bukan Islam (RIBI).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan MADANI meraikan kepelbagaian kaum dalam negara sebagai usaha membina sebuah negara Malaysia MADANI yang makmur. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa mengutamakan aspek keterangkuman semua pihak dalam memperoleh manfaat daripada Kerajaan. Dalam hal ini, KPKT turut memberikan perhatian kepada Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI).

Pada tahun **2023**, KPKT telah meluluskan peruntukan sebanyak **RM24.7 juta** melibatkan inisiatif penyelenggaraan ke atas **205 RIBI** di seluruh negara. Melalui Inisiatif Belanjawan **Tahun 2024**, KPKT telah diperuntukkan sejumlah **RM50 juta** untuk melaksanakan Inisiatif Penyelenggaraan RIBI di seluruh negara. Untuk itu, pada tahun **2024**, KPKT telah meluluskan sebanyak **430** permohonan melibatkan peruntukan sebanyak **RM48.9 juta**.

Kerajaan MADANI melalui **Belanjawan Tahun 2025** memperuntukkan sejumlah **RM50 juta** bagi meneruskan Inisiatif RIBI. KPKT mensasarkan **200 RIBI** menerima sumbangan penyaluran peruntukan dengan jumlah maksimum **RM250,000** bagi setiap RIBI. Sasaran bilangan 200 RIBI akan bertambah sekiranya jumlah yang dipohon oleh setiap RIBI tidak melebihi had maksimum yang ditetapkan.

Pada masa ini, KPKT telah menyediakan platform kemudahan permohonan inisiatif secara dalam talian melalui **Sistem e-RIBI**. Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan melalui pautan sistem eribi.kpkt.gov.my. Permohonan yang diterima oleh KPKT diproses dan dipertimbangkan mengikut kriteria serta syarat kelayakan utama yang telah ditetapkan dalam **Garis Panduan Inisiatif RIBI**. Antara **syarat kelayakan** adalah seperti berikut:

1. Organisasi hendaklah **berdaftar** di bawah entiti undang-undang seperti Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS), Suruhanjaya Syarikat

Malaysia (SSM) dan sebagainya;

2. Organisasi hendaklah mempunyai **akaun bank** atas nama organisasi dan mengemukakan maklumat serta salinan akaun bank yang disahkan oleh pihak bank; dan
3. Organisasi hendaklah memajukan salinan **dokumen status tanah yang telah disahkan** Geran tanah dan/atau dokumen status pemilikan tanah, dan perjanjian sewa bangunan/tanah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN ABAS [MERSING]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN ABAS [MERSING] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :

a. perancangan serta tindakan Kementerian bagi mengatasi kekurangan doktor pakar perubatan pelbagai bidang di sektor perkhidmatan awam

b. kaedah penyelesaian berkenaan isu caj perkhidmatan bayaran perubatan di hospital swasta yang semakin membebankan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terima kasih YB Mersing yang bertanyakan berkenaan perancangan Kementerian Kesihatan mengatasi kekurangan pakar perubatan. Keduanya berkenaan isu caj perkhidmatan bayaran perubatan di hospital swasta.
2. Setakat 31 Disember 2024, seramai 8,293 pakar perubatan berkhidmat di Kementerian Kesihatan (KKM) meliputi 8,275 pakar perubatan lantikan tetap dan 18 pakar perubatan lantikan kontrak. Dalam usaha meningkatkan bilangan pakar perubatan pelbagai bidang di sektor perkhidmatan awam khususnya dalam bidang kepakaran yang kritikal, antara inisiatif yang telah dilaksanakan KKM adalah seperti berikut:
 - (a) KKM telah berjaya melaksanakan pindaan Akta Perubatan 1971 (Akta 50) untuk menambah baik kualiti dan kuantiti pakar perubatan yang akan dilahirkan sama ada melalui program sarjana atau laluan parallel;
 - (b) menyediakan sebanyak 1,650 slot latihan pengajian kepakaran Sarjana Perubatan bagi tahun 2025 di 8 buah Universiti Awam bagi 23 bidang kepakaran;
 - (c) meningkatkan slot latihan program pengajian kepakaran Parallel Pathway tajaan KKM sehingga 600 slot setiap tahun melibatkan 14 bidang kepakaran mulai tahun 2025 berbanding 52 slot pada tahun 2022. Sehingga kini, seramai 696 pelatih yang sedang menjalani latihan kepakaran ini dengan tajaan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) KKM;
 - (d) menawarkan kemudahan yang setara dengan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) dengan HLP kepada pegawai perubatan dan pegawai pergigian lantikan kontrak KKM melalui Program Latihan Kepakaran (PLK) dengan Biasiswa KKM untuk mengikuti pengajian kepakaran Sarjana Perubatan, Sarjana Pergigian dan Parallel Pathway di institusi dalam/luar negara mulai sesi 2022/2023; dan
 - (e) menawarkan slot tajaan HLP kepada pakar perubatan dalam latihan Subkepakaran dan Area of Interest. Sebanyak 125 bidang subkepakaran

NO SOALAN : 34

dan 111 bidang Area of Interest telah ditawarkan setiap tahun oleh KKM. Sehingga kini seramai 1,162 pakar perubatan diluluskan untuk menjalani latihan subkepakaran/ Area of Interest.

3. Bagi menampung penempatan pakar perubatan yang tamat pengajian kepakaran pada setiap tahun, KKM juga telah diluluskan pewujudan 800 jawatan pakar perubatan pada setiap tahun mulai tahun 2023. Terdahulu, pewujudan tambahan jawatan pakar perubatan dilaksanakan secara tukar ganti (trade off) dengan perjawatan tetap pegawai perubatan sedia ada di KKM.
4. Seterusnya, berkenaan isu caj perkhidmatan bayaran perubatan di hospital swasta. KKM telah menguatkuasakan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] dan Peraturan-Peraturannya sejak 1 Mei 2006 yang turut mengawal fi yang dikenakan oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta melalui Jadual Fi (Jadual Ketujuh dan Ketiga Belas). Jadual Fi ini mengawal selia fi profesional (perundingan dan prosedur) dengan memperuntukkan harga siling atau had maksimum yang boleh dikenakan oleh pengamal perubatan di hospital atau klinik swasta.
5. Kos rawatan di fasiliti kesihatan swasta merangkumi fi profesional pengamal perubatan dan fi fasiliti kesihatan swasta. Fi fasiliti yang antara lainnya terdiri daripada caj perkhidmatan kejururawatan, caj peralatan perubatan, caj alat pakai buang (jarum, picagari, gauze dan lain lain) dan caj ujian makmal tidak dikawal selia oleh KKM.
6. Bagi memastikan kos rawatan di hospital swasta tidak meningkat dengan sewenang-wenangnya, KKM telah mengambil langkah-langkah berikut:
 - (a) memastikan hospital mengadakan prosedur ketidakpuasan hati (grievance procedure) ke atas semua aduan;
 - (b) memastikan hospital swasta serta pengamal perubatan dan pergigian swasta mematuhi fi profesional seperti yang termaktub di dalam Jadual Ketiga Belas; dan
 - (c) membolehkan pesakit mendapat maklumat mengenai anggaran caj yang akan dikenakan sebelum rawatan dimulakan melalui financial counselling oleh hospital swasta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK [KUALA NERUS]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB DATO' DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK [KUALA NERUS] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan garis masa (*milestones*) secara komprehensif penaiktarafan Hospital Besut dan Hospital Dungun kepada status Hospital Berpakar bagi menangani isu kekurangan hospital pakar yang kritikal di Terengganu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Hospital Besut dan Hospital Dungun telah pun diiktiraf sebagai hospital berpakar semenjak tahun 2024 lagi.
2. Pada masa ini, Hospital Besut sudah menawarkan 10 kepakaran asas manakala Hospital Dungun mempunyai 7 kepakaran asas yang akan dipertingkatkan secara berfasa bergantung kepada sumber tenaga kerja dan peruntukan yang mencukupi.
3. Cadangan untuk membina sebuah Blok Tambahan Hospital Besut berkapasiti 196 katil di tapak seluas 1.75 ekar di dalam kawasan Hospital Besut serta menaik taraf bangunan sedia ada di hospital berkenaan. Projek akan dimohon dalam Rancangan Malaysia akan datang namun pelaksanaan projek tertakluk kepada ketersediaan peruntukan Kerajaan.
4. Hospital Dungun baharu telah mula beroperasi pada Ogos 2024 dengan penambahan kapasiti sebanyak 110 katil menjadikan jumlah katil semasa sebanyak 218. Hospital ini berjarak 2.5km dari Hospital Dungun lama sedia ada.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]**

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN HAJI AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan status pelantikan Ketua Pengarah J-KOM baharu susulan mantan Ketua Pengarah J-KOM yang ditamatkan perkhidmatan sejak September 2024 selepas hanya 6 bulan memegang jawatan serta sejauh manakah rombakan fungsi terhadap organisasi berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Ketua Pengarah Jabatan Komunikasi Komuniti (J-KOM) yang baharu telah dilantik berkuatkuasa mulai 15 Januari 2025. Pelantikan ini adalah selaras dengan usaha Kerajaan untuk memperkuatkkan keberkesanan komunikasi strategik dan pengurusan naratif dalam menyampaikan dasar, program dan inisiatif kerajaan kepada rakyat.

J-KOM juga telah mengemas kini fungsi baharu jabatan selari dengan perubahan visi dan misi baharu J-KOM. Perubahan visi dan misi ini telah dirangka dengan teliti bagi memastikan jabatan ini mampu memenuhi keperluan semasa dan cabaran masa depan. Antara fungsi baharu jabatan ialah memastikan maklumat berkaitan dasar Kerajaan dapat disampaikan dengan berkesan ke peringkat komuniti.

Selain itu, fungsi J-KOM juga telah diperkemaskan bagi memperkuuh hubungan antara kaum melalui program-program dan aktiviti-aktiviti J-KOM. Ini penting untuk memastikan kestabilan sosial serta mengurangkan konflik yang mungkin timbul akibat perbezaan pandangan.

Perubahan visi, misi dan fungsi Jabatan dijajarkan semula bagi mencapai hala tuju baharu Jabatan yang akan menekankan komunikasi inklusif dan efektif dengan strategi yang menghargai kepelbagaian masyarakat, serta menggunakan pelbagai medium sebaran untuk meningkatkan kesedaran dan penglibatan masyarakat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB [PARIT]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB [PARIT] minta MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN menyatakan status perkembangan usaha rintis penanaman padi lima musim dalam tempoh dua tahun di Bota Kiri, Perak seperti diumumkan pada Belanjawan 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah memperkenalkan satu inisiatif bagi melonjakkan produktiviti hasil padi menerusi program penanaman padi lima (5) musim dalam tempoh dua (2) tahun (5M2T). Selain untuk meningkatkan hasil padi dan pendapatan pesawah, program ini dijangka dapat mengubah landskap semasa pola penanaman padi daripada dua (2) kali setahun atau 4 musim dalam tempoh 2 tahun kepada lima (5) kali dalam tempoh dua (2) tahun. Program 5M2T telah dilaksanakan secara rintis di tiga (3) lokasi terpilih di bawah seliaan Jabatan Pertanian Negeri Kedah di Kuala Kedah, Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) di Lambor Kiri dan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Wilayah I, II, III dan IV. Pelaksanaan ini melibatkan keluasan sejumlah 443.113 hektar dan penyertaan seramai 319 orang pesawah.
2. Bagi penanaman 5M2T di Bota Kiri secara khusus, program ini melibatkan keluasan penanaman 119.12 hektar dan bilangan pesawah seramai 19 orang. Dari segi status pelaksanaan 5M2T di Bota Kiri, ia di peringkat akhir bagi melengkapkan kitaran musim kelima. Prestasi semasa pelaksanaan bagi musim kelima, hanya akan dapat diketahui selepas musim kelima penanaman yang dijangka akan dituai pada bulan April 2025.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah konkrit bagi memastikan bekalan beras putih tempatan berada di pasaran dengan secukupnya dan tiada lagi isu manipulasi beras putih import yang telah lama berlarutan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) peka dan prihatin terhadap isu pembekalan beras putih tempatan (BPT) di pasaran yang mula timbul semenjak pertengahan tahun 2023. Justeru itu, pelbagai pendekatan intervensi telah dilaksanakan oleh KPKM bagi memastikan keberadaan bekalan BPT untuk memenuhi keperluan rakyat walaupun subsektor padi dan beras ini berdepan dengan pelbagai faktor yang mempengaruhi kos dan produktiviti pengeluaran padi dan beras negara.
2. Sebagai penyelesaian terhadap isu berkaitan BPT dan beras putih import, KPKM telah merombak strategi melalui pelaksanaan reformasi menyeluruh dalam industri padi dan beras secara berfasa sejak Oktober 2024 yang bertujuan untuk meningkatkan daya saing industri, memperkuat kebijakan pesawah serta menjamin bekalan beras negara.
3. Pada masa ini, perincian mengenai langkah-langkah yang bakal diambil sedang dimuktamadkan dan akan dimaklumkan setelah mendapat persetujuan oleh Kerajaan. Untuk makluman juga, KPKM turut membuat penilaian jangka pendek, sederhana dan panjang sekiranya langkah-langkah tersebut dilaksanakan bagi memastikan industri padi dan beras terus mampan dan berdaya saing. Justeru, KPKM memerlukan sedikit masa lagi sebelum satu penyelesaian tuntas dapat diumumkan kepada semua pihak. Adalah diharapkan, segala usaha yang sedang dilaksanakan mendapat sokongan dari semua pihak demi kebaikan serta masa depan industri padi dan beras negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN [HULU SELANGOR]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN [HULU SELANGOR] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan usaha dan perancangan Kementerian dalam menjalankan kerjasama dengan institusi pendidikan tinggi atau agensi penyelidikan bagi memajukan lagi teknologi Sistem Binaan Berindustri (IBS) dalam pembinaan infrastruktur seperti jambatan dan jalan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya (KKR) bersama agensi-agensi seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memajukan teknologi ini termasuk memperluaskan penggunaan IBS dalam pembinaan infrastruktur seperti jambatan dan jalan di Malaysia.

KKR melalui LLM telah mewajibkan pematuhan penggunaan IBS sebanyak 70% bagi komponen struktur dalam pembinaan lebuh raya mengikut Perjanjian Konsesi Lebuhraya, selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia, PK 1.10. Penggunaan IBS ini termasuk dalam pembinaan struktur landas angkat (*elevated structure*) seperti tiang (*cast in-situ column*), rasuk (*beam*), dan tembok tepi jambatan (*parapet*). Bagi memastikan pelaksanaan teknologi ini dapat dijalankan secara berkesan, LLM telah bekerjasama dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam membangunkan Garis Panduan Pembinaan Kawasan Rehat & Rawat / Hentian Sebelah Lestari. Garis panduan ini turut mengambilkira komponen Pembinaan Lestari seperti IBS yang merupakan salah satu topik di dalam garis panduan tersebut. Dengan adanya garis panduan ini, penggunaan IBS dapat dipertingkatkan dan sekaligus menyokong kemampuan dalam pembangunan infrastruktur lebuh raya secara berterusan.

Di samping itu, KKR juga berusaha untuk terus memajukan penggunaan IBS dalam pembinaan jambatan dengan melaksanakan kajian melalui Cawangan Jalan JKR dan Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREaTE). Kajian ini melibatkan kaedah pra-tuang (*precast*) untuk beberapa komponen jambatan, seperti tembok landas (*precast abutment*), tiang jambatan tunggal (*precast single leaf column*), dan jambatan bermodular pasang siap keluli (*modular steel bridge*). Kajian ini turut mendapat kerjasama daripada CIDB, universiti tempatan, serta pemain industri. Ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan penggunaan IBS dalam pembinaan jambatan dan mengurangkan penglibatan buruh.

KKR juga telah bekerjasama dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Institut Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA Institute) dalam usaha memajukan teknologi IBS. Di samping itu, kerjasama antara Institut

NO SOALAN : 39

Penyelidikan Pembinaan Malaysia (CREAM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) juga telah berjaya menghasilkan formula IBS *Interlocking Hollow Block System* (IHBS), yang menggunakan campuran bahan mesra alam seperti tanah laterit, abu palma, dan abu arang batu. Formula ini bertujuan untuk menghasilkan bahan binaan yang lebih mesra alam, dengan memanfaatkan sisa pertanian dan perlombongan yang mudah didapati.

KKR komited memastikan teknologi IBS terus maju seiring dengan Dasar Pembinaan Negara 2030. Melalui kerjasama strategik dengan institusi pengajian tinggi, agensi penyelidikan, dan sektor swasta, teknologi IBS akan terus diperkembangkan bagi menghasilkan infrastruktur berkualiti tinggi yang mampan serta kos yang efektif.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH [ROMPIN]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB DATO' ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH [ROMPIN] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan statistik terkini miskin tegar mengikut pecahan negeri dan benarkah Kerajaan telah berjaya mencapai sasaran menoktahkan miskin tegar di beberapa buah negeri sehingga akhir 2024 seperti yang di umumkan oleh YAB Perdana Menteri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan Bank Data Kemiskinan Nasional eKasih sehingga 31 Disember 2024, bilangan ketua isi rumah (KIR) miskin tegar adalah 1,793.

Dari segi pecahan mengikut **negeri** dan **wilayah**, pecahan KIR miskin tegar adalah seperti berikut:

Bil.	Negeri	Jumlah
1.	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	507
2.	Kedah	314
3.	Johor	298
4.	Selangor	168
5.	Terengganu	124
6.	Kelantan	81
7.	Sabah	80
8.	Pulau Pinang	67
9.	Perak	57
10.	Pahang	46
11.	Wilayah Persekutuan Labuan	43
12.	Sarawak	8
13.	Wilayah Persekutuan Putrajaya	0
14.	Melaka	0
15.	Negeri Sembilan	0
16.	Perlis	0
JUMLAH		1,793

Sumber: Data e-Kasih

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha Kerajaan untuk menoktahkan kemiskinan tegar telah menunjukkan kemajuan yang sangat memberangsangkan, terutamanya melibatkan 4 buah negeri yang telah mencatatkan sifar miskin tegar. Usaha akan terus dipergiat untuk menoktahkan miskin tegar di negeri-negeri lain.

NO SOALAN : 40

Dalam mempergiat usaha untuk membasmi kemiskinan, Kerajaan telah dan sedang melaksanakan beberapa inisiatif jangka sederhana dan panjang selaras dengan Kerangka Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat. Ini termasuklah dengan meningkatkan pendapatan golongan sasar, mewujudkan peluang pekerjaan bagi meningkatkan taraf hidup golongan miskin, peningkatan akses kepada sokongan sosial seperti pendidikan dan kesihatan serta perumahan bagi meningkatkan tahap kualiti hidup serta meningkatkan daya tahan dan kesejahteraan isi rumah miskin.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan dengan terperinci berapa kos yang telah dibelanjakan untuk memasang sistem imbasan muka atau *Face Scanner* di pintu masuk wad atau kecemasan di hospital-hospital di seluruh Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Projek pemasangan sistem imbasan muka atau Face Scanner di pintu masuk wad atau kecemasan di hospital-hospital di seluruh Sabah telah dilaksanakan untuk kesemua 24 hospital di negeri Sabah melalui kontrak Sewaan Sistem Kawalan Keselamatan Bagi Hospital-Hospital Di Jabatan Kesihatan Negeri Sabah Untuk Tempoh Tiga (3) Tahun mulai 1 Ogos 2023 hingga 31 Jun 2026 dengan nilai kontrak keseluruhan berjumlah RM24 juta. Nilai kos sewaan sebulan berjumlah RM667,439.60.
2. Tender ini telah dimuktamadkan oleh Perbendaharaan Malaysia Sabah selaras dengan tatacara perolehan secara tender seperti ketetapan Pekeliling Perbendaharaan/Perolehan Kerajaan (PP/PK) 2.2 – Tender Terbuka.
3. Skop kontrak adalah meliputi penyediaan dan pemasangan pelbagai peralatan termasuk Facial Recognition Time & Attendance, Photobeam, Sistem Integrasi Panel (SIP) Kawalan, Facial Recognition Access Control dan Electromagnetic Lock With Backup Power Box, kamera 4MP/8MP POE Bullet/Dome/PTZ Camera, Touch Screen Monitor 21, Alarm Panel, Wireless Panic Button, dan lain-lain peralatan yang berkaitan.
4. Pelaksanaan Sistem Kawalan Keselamatan di kesemua 24 hospital KKM di Sabah telah membawa manfaat yang signifikan seiring dengan aspirasi Malaysia Madani dalam menggalakkan pendigitalan melalui pengautomasian sistem keselamatan serta meningkatkan kecekapan pengoperasian kawalan keselamatan di hospital-hospital yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan mengapa ramai wakil pengedar PROTON di kalangan Bumiputera gulung tikar. Sikap pengurusan PROTON di bawah Geely menganaktirikan pengedaran model kereta antara syarikat 1S dengan 3S. 1S merupakan syarikat Bumiputera. Apakah tindakan MITI dalam membantu pengedar Bumiputera dari terus pupus dalam pengedaran PROTON.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sejak tahun 2017, salah satu daripada program transformasi PROTON adalah pelaksanaan operasi berdasarkan wakil-wakil niaga melalui naik taraf pusat 3S/4S baharu, yang mana piawaiannya dirujuk pada amalan terbaik industri automotif serantau dalam aspek saiz bangunan, jumlah kemudahan dan kakitangan serta sasaran pencapaian operasi dan kewangan, bertujuan untuk:
 - i. Meningkatkan tahap kepuasan pelanggan sepanjang pengalaman pemilikan melalui perkhidmatan bersepadu di pusat 3S/4S;
 - ii. Meningkatkan produktiviti dan kecekapan operasi; dan
 - iii. Meningkatkan keuntungan perniagaan *Dealer Network*.
2. Semua wakil niaga dan servis telah disarankan untuk mengkaji dan seterusnya membuat pelaburan strategik dalam pusat 3S/4S baharu seiring dengan pelan perniagaan 10 tahun PROTON. PROTON sentiasa mengalu-alukan penglibatan wakil-wakil di kalangan syarikat Bumiputera dalam menjayakan pelan perniagaan jangka masa panjang PROTON.
3. Bagi menggalakkan penyertaan dan menyokong pengoperasian pengedar Bumiputera, PROTON telah melaksanakan beberapa program seperti:
 - i. **Program Perkongsian Amalan Terbaik Peniaga (Dealer Best Practise - Mentor Mentee)**: Seminar perkongsian praktis terbaik di antara pengedar-pengedar PROTON merangkumi:
 - a. Peningkatan penjanaan jualan korporat;
 - b. Pengurusan operasi jualan dan selepas jualan;
 - c. Pengurusan dan operasi pengedar berbilang;

- d. Inisiatif pemasaran; dan
 - e. Pengalaman terbaik pelanggan.
- ii. **Kem Perniagaan Automotif (*Automotive Business Bootcamp - Kolaborasi Bersama pihak MARii*)**: Kursus kepada pengedar terpilih untuk memperkuuhkan dan memperkembangkan perniagaan;
- iii. **Latihan Pemilik dan Ketua Pengedar (*Dealer Principal Training*)**: Latihan ini diberikan kepada semua pemilik dan ketua pengedar bagi memastikan kelancaran dan penambah baik dalam operasi dan prestasi pengedar;
- iv. **Sesi Khas Pengedar dan Pengurusan PROTON (*One to One session Dealer Management & PROTON Management*)**: Aktiviti dan perbincangan bersama di antara pihak Pengurusan PROTON dan Pengedar berkenaan prestasi dan mencari penyelesaian bagi masalah masalah yang dihadapi oleh pihak pengedar secara berkala;
- v. **Sesi khas bersama Pengedar dan Pengurusan Bank**: Perbincangan bagi membantu mendapatkan tambahan dana bagi pembangunan perniagaan dan juga meningkatkan jualan;
- vi. **Insentif khas bagi pengedar yang menaik taraf**: Tujuan insentif ini adalah untuk mengalakkan penambah baik taraf kemudahan oleh pengedar bagi meningkatkan kepuasan pelanggan dan seterusnya meningkat jualan; dan
- vii. **Penyelarasani polisi jualan untuk pengedar Bumiputera**: Membuat penyelarasani dalam polisi jualan untuk membantu pengedar Bumiputera mencapai insentif berkaitan dalam aktiviti jualan dan pemasaran.
4. Selain daripada program-program yang dilaksanakan oleh PROTON, Kerajaan juga memberikan sokongan dan menyediakan bantuan kewangan untuk pembangunan pengedar-pengedar PROTON. Di bawah “*Automotive Development Fund - ADF*” yang diperkenalkan pada tahun 2020, hampir RM18 juta daripada RM20 juta peruntukan ADF telah dibelanjakan untuk menaik taraf premis perniagaan pengedar PROTON

NO SOALAN : 42

melalui pelaksanaan PROTON *Network Upgrading Programme* (PNUP) di seluruh negara. Sehingga kini, lebih 50 daripada 72 pengedar Bumiputera PROTON telah menerima manfaat melalui peruntukan ini.

5. Melalui inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan dan juga PROTON, diharap pengedar-pengedar Bumiputera dapat kekal berdaya saing dan berkembang dalam industri automotif yang semakin kompetitif.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi menambah baik penguatkuasaan berhubung penafian gaji dan eksplorasi buruh membabitkan pekerja asing yang berdaftar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) telah dipertanggungjawabkan untuk memberi kelulusan awal atau *prior approval* kepada majikan yang berhasrat untuk menggajikan pekerja asing di bawah Seksyen 60K Akta Kerja 1955 [Akta 265]. Setiap permohonan akan disemak oleh JTKSM bagi memastikan majikan tidak mempunyai kes tertunggak berkaitan apa-apa keputusan, perintah atau arahan yang dikeluarkan di bawah Akta 265, tiada kes tertunggak berkaitan apa-apa sabitan di bawah Akta 265, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4), Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446 atau Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732). Selain itu, JTKSM akan memastikan majikan tidak pernah disabitkan untuk apa-apa kesalahan di bawah undang-undang berkaitan pemerangan orang dan buruh paksa.

Bagi menangani isu penafian gaji dan eksloitasi buruh yang membabitkan pekerja asing yang berdaftar, JTKSM mengambil langkah tegas dengan menjalankan pemeriksaan ke atas majikan secara berkala, menjalankan siasatan aduan yang diterima dan mengadakan operasi penguatkuasaan dari semasa ke semasa.

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 21,573 pemeriksaan telah dijalankan ke atas majikan di seluruh Semenanjung Malaysia. Hasil pemeriksaan tersebut, sebanyak 3,788 notis pematuhan telah dikeluarkan dan telah dipatuhi oleh majikan. Bagi kes aduan, sebanyak 9,991 aduan telah diterima dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 9,726 kes aduan telah selesai disiasat. Selain itu, JTKSM juga menjalankan 502 operasi penguatkuasaan bersepadu bersama agensi lain yang memfokuskan kepada isu perburuhan dan 61 operasi penguatkuasaan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670] bagi membanteras aktiviti pemerdagangan orang khususnya buruh paksa

melalui Pasukan Khas Penguatkuasaan (PKP).

Daripada keseluruhan aktiviti tersebut, sebanyak 689 tawaran kompaun telah dikeluarkan dan 352 tindakan pendakwaan telah diambil ke atas majikan yang melanggar undang-undang perburuhan.

Kerajaan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Antara Menteri Dalam Negeri dan Menteri Sumber Manusia Mengenai Pengurusan Pekerja Asing Kali Ke-8, Bilangan 2/2023 telah memutuskan bahawa salah satu mekanisme untuk menangani isu eksplorasi pekerja asing adalah melalui Program Pertukaran Majikan (PTM) Khas. Bagi tempoh Mei 2023 sehingga 10 Januari 2025, operasi pemindahan pekerja di bawah PTM khas telah dilaksanakan melibatkan 3,406 orang pekerja asing daripada 32 majikan asal kepada 71 majikan baharu. Program ini dilaksanakan bagi membantu pekerja asing yang dibawa masuk ke negara ini secara sah untuk mendapat pekerjaan yang sewajarnya.

JTKSM juga giat menjalankan program pendidikan perburuhan untuk meningkatkan kesedaran awam terutamanya kepada majikan supaya lebih memahami tanggungjawab mereka dan menjaga hak serta kebijakan pekerja termasuk pekerja asing di bawah undang-undang perburuhan. Pada tahun 2024, sebanyak 228 program telah dijalankan di seluruh Semenanjung Malaysia dengan jumlah peserta seramai 15,953 orang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menambah baik proses permohonan penganjuran konsert terutamanya dalam memastikan aspek keselamatan pengunjung sentiasa diberi keutamaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi melalui Unit Permohonan Penggambaran Filem Asing dan Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL) merupakan pusat setempat yang berperanan sebagai urus setia Jawatankuasa PUSPAL untuk menyelaras dan memproses permohonan kemasukan artis dan kru luar negara. Keanggotaan Jawatankuasa PUSPAL terdiri daripada 16 kementerian/jabatan/agensi Kerajaan termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM). Peranan PDRM dalam Jawatankuasa PUSPAL adalah untuk memberi pandangan dan nasihat dalam hal-hal berkaitan keamanan, keselamatan dan ketenteraman awam.

Garis Panduan PUSPAL telah disediakan sebagai rujukan kepada penganjur persembahan mengenai aspek-aspek keselamatan yang perlu dipatuhi dalam penganjuran suatu persembahan melibatkan artis luar negara antaranya seperti berikut:

- i. penganjur hendaklah memastikan keselamatan daripada segi pemeriksaan badan dan beg pengunjung dibuat oleh petugas keselamatan terlatih di semua pintu masuk;
- ii. penganjur hendaklah berurus dengan PDRM bagi mendapatkan permit mengadakan persembahan, kawalan lalu lintas atau apa-apa bantuan dan perkhidmatan yang melibatkan peranan pihak PDRM;
- iii. penganjur hendaklah mengemukakan pelan prosedur keselamatan semasa mengemukakan permohonan persembahan kepada PUSPAL;
- iv. penganjur hendaklah melantik petugas keselamatan dan perubatan yang terlatih dengan nisbah yang munasabah dengan bilangan pengunjung yang dijangka hadir; dan

NO SOALAN : 44

- v. Penganjur hendaklah memastikan air minuman adalah tersedia dan mencukupi serta diletakkan di kawasan yang mudah dilihat dan dicapai oleh pengunjung sepanjang tempoh persembahan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA [PASIR SALAK]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA [PASIR SALAK] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kadar peratusan dan jumlah lambakan pekerja asing di Malaysia serta peratusan pekerja asing yang paling ramai di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak 18 Mac 2023, Kerajaan telah membuat keputusan untuk membekukan kuota pengambilan pekerja asing baharu sehingga suatu tarikh yang akan diumumkan kelak.

Sehingga **31 Disember 2024**, jumlah keseluruhan penduduk bekerja berjumlah **16,779, 500** orang. Daripada jumlah tersebut **2,368,422** orang atau 14 peratus merupakan pekerja asing. Peratusan ini menunjukkan keberadaan pekerja asing dalam negara adalah terkawal kerana masih berada di bawah had siling yang ditetapkan oleh Kerajaan iaitu pekerja asing tidak melebihi 15% daripada jumlah penduduk bekerja negara.

Peratusan terbesar pekerja asing adalah terdiri daripada pekerja warga Bangladesh yang mewakili **37.96 peratus (898,970 orang)** daripada keseluruhan pekerja asing di Malaysia. Ini diikuti dengan pekerja warga Indonesia sebanyak **24.58% (582,108 orang)** dan pekerja warga Nepal sebanyak **15.63% (370,127 orang)**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI [JELUTONG]**

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menaik taraf Klinik Kesihatan Jalan Perak di Jelutong, Pulau Pinang ataupun menambah peralatan perubatan di klinik tersebut kerana keadaan klinik semakin sesak akibat jumlah pesakit yang semakin meningkat dewasa ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia sememangnya mempunyai perancangan untuk membina sebuah klinik kesihatan baharu bagi menggantikan KK sedia ada di tapak yang sama. Projek ini dicadang untuk dimohon ke Kementerian Ekonomi dalam Rolling Plan 1 Rancangan Malaysia Ke-13 (RP1 RMKe-13).
2. Untuk makluman, beberapa kerja naik taraf klinik telah dilaksanakan di Klinik Kesihatan Jalan Perak sepanjang tahun 2023/2024.
 - (a) Kerja-kerja menaiktaraf stor racun Unit Vektor;
 - (b) Kerja-kerja dan ubahsuai pemberian bilik dan ruang di Unit Ortodontik;
 - (c) Kerja-kerja menaik taraf bilik stor bahan pergigian di Pejabat Pergigian Daerah Timur Laut;
 - (d) Kerja-kerja pendawaian semula elektrik; dan
 - (e) Kerja-kerja menaik taraf kafeteria untuk dijadikan pejabat Unit Vektor dan Makmal Entomologi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB [PARIT]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB [PARIT] minta MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN menyatakan :

- a. statistik import makanan negara pada tahun 2024 dan perinciannya
- b. usaha yang dibuat oleh Kementerian untuk mengurangkan jumlah import tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) komited dalam melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menjamin bekalan makanan negara terutamanya melalui pengeluaran bahan makanan domestik. Walau bagaimanapun, sumber import diperlukan kerana terdapat komoditi agromakanan yang tidak dapat dihasilkan secara domestik disebabkan beberapa faktor yang menjadi cabaran antaranya kesesuaian iklim, pengeluaran yang tidak ekonomik serta kekangan sumber seperti tanah dan tenaga kerja. Selain itu, permintaan pengguna turut mempengaruhi import makanan, kesan daripada gaya hidup, peningkatan tahap pendapatan dan perubahan persekitaran.
2. Data tahun 2024 hanya tersedia bagi tempoh Januari hingga Oktober. Secara keseluruhan, data awalan bagi tempoh Januari hingga Oktober 2024 menunjukkan bahawa nilai import agromakanan negara mencecah RM77.86 bilion, melibatkan 12 kumpulan agromakanan utama. Import lima (5) kumpulan agromakanan yang tertinggi adalah seperti berikut:
 - (i) kopi, koko, teh dan rempah bernilai RM18.26 bilion;
 - (ii) bijirin dan sediaan bijirin bernilai RM11.16 bilion;
 - (iii) keluaran dan sediaan makanan lain seperti sos, marjerin dan lemak, susu isian dan makanan bayi bernilai RM7.60 bilion;
 - (iv) bahan makanan untuk ternakan bernilai RM6.98 bilion; dan
 - (v) sayur-sayuran bernilai RM6.74 bilion.
3. Lima (5) negara sumber import utama bagi komoditi agromakanan ke Malaysia bagi tempoh Januari hingga Oktober 2024 adalah China bernilai RM9.13 bilion, Thailand bernilai RM6.57 bilion, Argentina bernilai RM5.68 bilion, India bernilai RM5.50 bilion dan Brazil bernilai RM4.92 bilion.
4. KPKM sentiasa berusaha untuk meningkatkan pengeluaran hasil pertanian tempatan dalam mengurangkan jumlah makanan import. Antara inisiatif dan program yang sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:

NO SOALAN : 47

- (i) melaksanakan program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan yang telah mencatatkan peningkatan purata hasil padi sehingga 10.45 tan metrik per hektar sekali gus meningkatkan pendapatan pesawah dan mengurangkan bebanan kepada kos penanaman padi;
 - (ii) menghasilkan bawang merah kecil secara domestik bagi menampung 30 peratus keperluan penduduk negara kerana pada masa ini Malaysia bergantung sepenuhnya kepada sumber import. Pada tahun 2024, penanaman bawang merah kecil berskala besar berjaya dilaksanakan di kawasan seluas 59.62 hektar dengan penglibatan 43 peserta dan hasil sebanyak 44.05 tan metrik telah direkodkan;
 - (iii) memperkasa industri akuakultur dalam mengurangkan tekanan terhadap sumber perikanan semula jadi. Pada tahun 2024, pengeluaran akuakultur mencatatkan pencapaian hampir 92 peratus daripada sasaran 500 ribu tan metrik, manakala pengeluaran benih tempatan mencapai 110 peratus daripada sasaran, iaitu sebanyak 7.7 bilion ekor benih;
 - (iv) meningkatkan pengeluaran daging lembu tempatan antaranya memperkasa aktiviti biak baka oleh pemain industri; dan
 - (v) memperkasa aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I).
5. KPKM komited dalam melaksanakan inisiatif dan program dengan sokongan daripada pelbagai kementerian, agensi dan kerajaan negeri serta pemain industri bagi memperkasa sektor agromakanan untuk memenuhi agenda keterjaminan makanan negara seterusnya mengurangkan kadar kebergantungan kepada makanan import.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN BAKRI BIN JAMALUDDIN [TANGGA BATU]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN BAKRI BIN JAMALUDDIN [TANGGA BATU] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah pelan tindakan progresif dalam usaha mengurangkan kebergantungan bahan makanan haiwan ternakan yang majoriti bahannya diimport.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Langkah yang diambil oleh pihak KPKM dalam usaha mengurangkan kebergantungan terhadap import bahan mentah bagi makanan haiwan ternakan terbahagi kepada jangka masa pendek dan jangka masa panjang.

(a) Jangka masa pendek:

- (i) menjalin kerjasama dengan syarikat swasta, syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), dan koperasi untuk melabur dalam pembangunan industri jagung bijian; dan
- (ii) mewujudkan insentif kepada pengusaha jagung bijian dari segi reimbursement dan matching grant di bawah Program Keterjaminan Makanan.

(b) Jangka masa panjang:

- (i) mengurangkan kebergantungan kepada sumber jagung import sebanyak 30% menerusi inisiatif penanaman jagung bijian dalam negara. Pada tahun 2023 pengeluaran hasil jagung bijian telah menunjukkan peningkatan sebanyak seribu sepuluh (1010) tan metrik berbanding tahun 2022 sebanyak lapan ratus tiga puluh lima (835) tan metrik;
- (ii) menjalankan kajian bagi menghasilkan makanan ternakan tempatan berasaskan isirung sawit seperti palm kernel cake/palm kernel expeller (PKC/PKE), dedak beras, mil ikan dan mil ofal ikan, larva Black Soldier Fly (BSF), sisa hampas soya; dan
- (iii) program pengembangan di Negeri dan Daerah kepada penternak/usahawan untuk mempelbagaikan bahan makanan ternakan daripada sumber tempatan seperti tanaman rumput, hasil sampingan industri pertanian (jerami), pelepas kelapa sawit, makanan terumus sendiri (total mixed ration) bagi mengurangkan kos makanan ternakan ruminan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' WIRA DR. KU ABD RAHMAN BIN KU ISMAIL [KUBANG PASU]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB DATO' WIRA DR. KU ABD RAHMAN BIN KU ISMAIL [KUBANG PASU] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan ke manakah perginya beras putih tempatan dan apakah langkah Kementerian bagi mengembalikan semula beras putih ini ke pasaran tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) peka dan prihatin terhadap isu pembekalan Beras Putih Tempatan (BPT) di pasaran yang mula timbul semenjak pertengahan tahun 2023. Pelbagai pendekatan intervensi telah dilaksanakan oleh KPKM bagi memastikan keberadaan bekalan BPT untuk memenuhi keperluan rakyat walaupun industri berdepan dengan pelbagai faktor yang mempengaruhi kos dan produktiviti pengeluaran padi dan beras negara.
2. Hasil daripada sesi libat urus dengan pemain industri, pengilang dan pemborong beras berdepan dengan kenaikan kos pengeluaran dan menghadapi kesukaran untuk menjual BPT pada harga kawalan maksimum yang ditetapkan oleh Kerajaan sejak tahun 2008, iaitu pada harga RM2.60 sekilogram.
3. Sebagai penyelesaian terhadap isu yang membekalkan BPT, KPKM telah merombak strategi melalui pelaksanaan reformasi menyeluruh dalam industri padi dan beras secara berfasa sejak Oktober 2024 yang bertujuan untuk meningkatkan daya saing industri, memperkuatkan kebijakan pesawah serta menjamin bekalan beras negara. Pada masa ini, perincian mengenai langkah-langkah yang bakal diambil sedang dimuktamadkan dan akan dimaklumkan setelah mendapat persetujuan oleh Kerajaan.
4. Untuk makluman juga, KPKM turut membuat penilaian jangka pendek, sederhana dan panjang sekiranya langkah-langkah tersebut dilaksanakan bagi memastikan industri padi dan beras terus mampan dan berdaya saing. Justeru, KPKM memerlukan sedikit masa lagi sebelum satu penyelesaian tuntas dapat diumumkan kepada semua pihak. Adalah diharapkan, segala usaha yang sedang dilaksanakan mendapat sokongan dari semua pihak demi kebaikan serta masa depan industri padi dan beras negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SRI DR. WEE JECK SENG [TANJUNG PIAI]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB DATO' SRI DR. WEE JECK SENG [TANJUNG PIAI] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pertimbangan Kementerian untuk mewartakan kawasan berisiko banjir sebagai zon larangan pembangunan dan apakah wujud perancangan bagi mengetatkan penguatkuasaan undang-undang penggunaan tanah bagi pembinaan harta tanah dalam mengurangkan risiko bencana alam di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan, Jadual 9, Senarai 2 telah menggariskan bahawa segala hal ehwal dalam pentadbiran tanah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, bagi mewartakan sesuatu kawasan berisiko banjir sebagai zon larangan pembangunan adalah **di dalam lingkungan bidang kuasa Negeri**, di mana **pewartaan tanah dibuat oleh Menteri Besar / Ketua Menteri berdasarkan jenis tanah (negeri / persekutuan / hakmilik)**. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat juga, **pewartaan sesuatu kawasan perlu mengambil kira keberkesanan dan impaknya dari aspek polisi dan perundangan** kepada masyarakat dan pembangunan seperti berikut:

- i. status pemilikan tanah diwartakan (pemilikan persendirian). Sekiranya tanah tersebut adalah milik persendirian, Kerajaan perlu menanggung jumlah pampasan yang tinggi;
- ii. perancangan pembangunan pada masa akan datang. Pembangunan hanya akan dapat dilaksanakan setelah tamat tempoh pewartaan;
- iii. nilai harta tanah di kawasan tersebut dan kawasan sekitarnya. Proses pewartaan akan mempengaruhi nilai harta tanah seterusnya memberi kesan kepada pemilik dan perancangan pembangunan di kawasan sekitar ; dan
- iv. rancangan pembangunan melalui Rancangan Tempatan (RT) dan Rancangan Struktur Negeri (RSN) yang telah ditetapkan oleh PBT.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) **bertanggungjawab menaik taraf sistem perparitan dan saliran sedia ada di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang dikenal pasti sebagai “hotspot” banjir** iaitu sesuatu kawasan berkenaan

NO SOALAN : 50

mengalami kekerapan banjir sebanyak tiga (3) kali dan ke atas dalam tempoh tiga (3) tahun berturut-turut. Justeru, PBT hanya berkuasa untuk membuat semakan dan pengenalpastian kawasa “*hotspo* banjir, tetapi tidak mewartakannya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN EDWIN ANAK BANTA [SELANGAU]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN EDWIN ANAK BANTA [SELANGAU] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah status terkini perancangan projek rakyat iaitu Loji Air Stapang, Loji Air Selangau dan Loji Air Sangan yang telah diluluskan pada 2016.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, skop pembinaan loji yang dimaksudkan akan dilaksanakan oleh Kementerian melalui tiga (3) projek berikut:

- i. Projek Menaiktaraf Loji Air Sekuau, Selangau, Bahagian Sibu, Sarawak telah sedia ditender dan akan memberi manfaat kepada 1,221 pintu rumah di kawasan Sekuau;
- ii. Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Wilayah Sangan, Bahagian Bintulu, Sarawak telah sedia ditender dan akan memberi manfaat kepada 1,277 pintu rumah di kawasan Sangan; dan
- iii. Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Sg. Arip, Bahagian Sibu, Ulu Baoh & Sebakong, Bahagian Mukah, Sarawak dalam peringkat rekabentuk terperinci oleh perunding dan akan memberi manfaat kepada 2,263 pintu rumah di kawasan Sg. Arip, Ulu Baoh dan Sebakong.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI [KUALA LANGAT]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI [KUALA LANGAT] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh mana langkah-langkah telah diambil untuk meningkatkan kadar penghunian kediaman dan ruang pejabat di kawasan tumpuan perumahan tidak terjual dan kerjasama dengan sektor swasta untuk mengatasi isu lebihan harta tanah yang tidak berpenghuni.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan MADANI sentiasa memberikan **komitmen yang berterusan** dalam memastikan **setiap rakyat mempunyai tempat tinggal tanpa mengira sama ada secara pemilikan atau sewaan (*shelter for all*)**. Justeru, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bersedia untuk menggembung usaha dan inisiatif bagi memastikan hasrat ini tercapai sama ada melalui dasar mahupun program sedia ada.

Isu lambakan rumah siap dibina tidak terjual (overhang) adalah disebabkan oleh wujudnya kesenjangan di antara permintaan dan penawaran rumah dalam pasaran. Ini merupakan situasi di mana perumahan yang dibina **tidak memenuhi keperluan penduduk setempat** sama ada daripada aspek **kuantiti, kualiti mahupun harga** berbanding pendapatan.

Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (*National Property Information Centre*, NAPIC), bagi data awalan suku ketiga tahun 2024 (Q3 2024), bilangan unit rumah siap dibina tidak terjual **memperlihatkan momentum yang lebih memberangsangkan**, di mana unit siap dibina tidak terjual merekodkan penurunan kepada **21,968 unit bernilai RM13.85 bilion, berbanding 22,642 unit bernilai RM14.24 bilion** pada suku kedua (Q2) 2024.

Namun, bagi memastikan isu lambakan rumah siap dibina tidak terjual dapat dikawal, Kerajaan sedang melaksanakan beberapa tindakan seperti berikut:

1. **pemetaan harga Rumah Mampu Milik (RMM)** berdasarkan pendapatan median mengikut negeri dan daerah yang diperoleh daripada tinjauan Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2022. Pemetaan ini bertujuan sebagai **panduan kepada pemaju swasta serta agensi penyedia perumahan** dalam aspek perancangan pemajuan terutamanya dalam penetapan harga jualan yang lebih kompetitif sesuai dengan latar belakang sosio-ekonomi penduduk setempat. Maklumat ini

boleh diakses melalui **Dashboard Maklumat Rumah Mampu Milik** di laman web Malaysia Urban Observatory (MUO) iaitu <https://www.muo.gov.my;>

2. membangunkan **Sistem Analitis Data Raya (BDA) Perumahan** sebagai sumber rujukan berpusat bagi data perumahan. BDA Perumahan ini adalah merupakan sistem yang akan menghimpunkan data-data perumahan dan akan menjadi **sumber rujukan bagi pihak-pihak berkepentingan termasuk pihak swasta** bagi data-data perumahan khususnya dalam proses perancangan pemajuan perumahan. Sistem ini akan turut memaparkan maklumat penawaran rumah oleh pemaju di satu-satu lokaliti;
3. menggalakkan **Kajian Kebolehlaksanaan atau Feasibility Study** sebelum sesuatu pemajuan dilaksanakan bagi satu-satu kawasan, termasuk oleh pemaju swasta. Ini bagi memastikan rumah yang dibina adalah berdasarkan kemampuan rakyat seterusnya mengelakkan rumah tersebut tidak terjual; dan
4. bagi menggalakkan pembelian rumah, Kerajaan juga turut menyediakan jaminan had pembiayaan sehingga RM500,000 bagi pembelian rumah pertama kepada mereka yang tidak mempunyai pendapatan tetap atau penyata gaji seperti golongan *gig economy* termasuk golongan muda serta berpendapatan rendah dan sederhana. Inisiatif ini dilaksanakan melalui **Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) di bawah inisiatif i-Biaya**. Skim Jaminan ini tidak terhad untuk kediaman baharu sahaja, tetapi termasuk juga rumah sedia ada atau rumah lelongan.

Dalam aspek penghunian kediaman dan ruang pejabat di kawasan tumpuan perumahan tidak terjual, Laporan Pasaran Harta Separuh Pertama 2024 oleh NAPIC telah menyatakan bahawa usaha Kerajaan untuk memperkenalkan inisiatif dan projek pemangkin dijangka dapat memacu pengembangan pasaran harta tanah dan memperkuuh permintaan harta tanah. Antaranya adalah

NO SOALAN : 52

projek *Rapid Transit Link* (RTS) di Johor, Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), peluasan sektor e-dagang serta pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. HAJAH HALIMAH ALI [KAPAR]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB DR. HAJAH HALIMAH ALI [KAPAR] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :

- a. usaha bagi pemutihan kilang haram di Kapar dan senaraikan nama kilang haram yang telah berjaya diputihkan
- b. masalah yang dihadapi pihak Kementerian yang menyebabkan mereka gagal diputihkan sejak 2008.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik bermula tahun 2020 sehingga bulan Jun 2024, bilangan kilang berdaftar dan kilang haram yang beroperasi tanpa lesen/ permit oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Daerah Kapar yang merupakan kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya DiRaja Klang (MBDK) adalah seperti berikut:

BIL	JUMLAH (bilangan)	TAHUN				
		2020	2021	2022	2023	2024
1.	Kilang Berdaftar	1,661	3,245	4,033	3,934	3,816
2.	Kilang Haram	1,097	1,096	882	1,064	1,092

Dalam usaha menghentikan pengoperasian kilang haram yang sedia ada, MBDK telah menjalankan sebanyak 405 operasi penguatkuasaan secara bersepada dengan agensi-agensi berkaitan iaitu Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi pengeluaran notis/ tindakan pemotongan bekalan elektrik dan Pengurusan Air Selangor (Air Selangor) bagi tindakan pemotongan bekalan air bagi tempoh empat (4) tahun iaitu sejak tahun 2020 sehingga 2024. Selaras dengan Undang-undang Kecil (UUK) Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MPK) Tahun 2007, MBDK telah mengeluarkan kompaun terhadap pemilik kilang atas kesalahan menjalankan aktiviti industri tanpa kebenaran, mengeluarkan notis penutupan dan melaksanakan sitaan premis.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa menyeru semua PBT untuk memperkasakan tindakan penguatkuasaan secara bersepada

NO SOALAN : 53

melalui konsep ‘*whole of government*’ antara jabatan dalaman PBT, jabatan dan agensi Kerajaan lain di peringkat kerajaan tempatan seperti Pejabat Daerah dan Tanah, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan penyedia perkhidmatan utiliti agar penguatkuasaan terhadap kilang-kilang yang beroperasi secara haram ini dapat dikenakan mengikut peruntukan perundangan masing-masing.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat juga, antara faktor-faktor dan kekangan semasa penguatkuasaan dijalankan adalah seperti berikut:

1. Pemilik tanah tidak berkemampuan untuk membayar premium tambahan yang terlalu tinggi walaupun telah diberi potongan oleh Kerajaan Negeri. Kadar premium ini adalah berdasarkan kepada penilaian tanah yang dijalankan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH);
2. Pemilikan tanah yang ramai dan menyebabkan pemilik-pemilik tanah enggan membuat permohonan tukar syarat dan permohonan Kebenaran Merancang; dan
3. Pemilik menjalankan operasi kilang yang berbeza berbanding kelulusan lesen sebenar dan beroperasi secara berselindung bagi mengaburi pihak berkuasa.

Walau bagaimanapun, langkah penguatkuasaan yang proaktif akan terus dilaksanakan sebagai usaha untuk mengawal dan memastikan semua kilang yang dibangunkan adalah berdaftar berdasarkan peraturan yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL
RAHMAN [MUAR]**

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN [MUAR] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan tindakan yang diambil oleh Kementerian bagi memastikan bekalan barang kawalan mencukupi terutamanya ketika musim perayaan oleh sesetengah pihak yang ingin mengaut keuntungan lebih dengan menaikkan harga lebih tinggi ketika waktu biasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui jabatan dan agensi di bawahnya telah mengambil langkah-langkah seperti berikut bagi memastikan bekalan makanan utama mencukupi menjelang musim perayaan bagi mengelakkan berlakunya kenaikan harga barang:
 - (i) meneruskan dasar membenarkan kemasukan ternakan hidup untuk fidlot dan sembelihan dari negara yang telah diluluskan untuk import iaitu Australia dan Thailand;
 - (ii) meneruskan kemasukan daging lembu/kerbau sejuk beku dan daging ayam serta keratan ayam dari negara pengeksport yang diluluskan seperti Australia, Brazil, Thailand dan India;
 - (iii) pemantauan kemasukan anak ayam umur sehari dan anak ayam pullet di ladang agar pengeluaran dapat dioptimumkan;
 - (iv) pencegahan dan kawalan penyakit ayam terutamanya penyakit High Pathogenic Avian Influenza (HPAI) dan Newcastle Disease (ND), Penyakit Kuku dan Mulut (FMD), Lumpy Skin Disease (LSD) dan penyakit pembiakan seperti Brusella bagi mengelakkan kematian yang boleh mengurangkan pengeluaran;
 - (v) melaksanakan sekatan eksport bagi spesies ikan terpilih pada pra dan pasca perayaan di bawah Kaedah-Kaedah Pemasaran Ikan 2010, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia; dan
 - (vi) menyediakan stok simpanan ikan sejuk beku bagi menampung bekalan ikan di kawasan Tengah, Selatan, Utara dan Pantai Timur Semenanjung Malaysia.
2. Selain daripada itu, KPKM melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) berusaha memastikan ketersediaan bekalan makanan kawalan di pasaran terutama ketika musim perayaan menerusi strategi pemasaran berikut:

NO SOALAN : 54

- (i) membuat belian terus hasil ladang melalui 42 buah pusat operasi di seluruh negara. Bermula Februari 2025, FAMA menganggarkan untuk membuat belian ayam berjumlah 188.89 tan metrik dan telur ayam sebanyak 2,486,022 biji bagi memastikan bekalan musim perayaan mencukupi di pasaran;
- (ii) luang pasaran kepada pengeluar bagi memasarkan hasil pertanian terus kepada pengguna meliputi penjualan sayur, buah dan hasilan ternakan. FAMA pada sedang merangka program jualan pra syawal di outlet Pasar Tani dan Jualan Agro Madani seluruh negeri; dan
- (iii) memastikan bekalan import mencukupi untuk memenuhi permintaan pengguna. Berdasarkan rekod trend bekalan import, didapati permintaan bagi bekalan makanan antaranya seperti cili, tomato serta halia adalah tinggi pada bulan sebelum dan bulan perayaan utama di Malaysia. Bagi memastikan bekalan makanan ini dapat diakses oleh pengguna, FAMA akan memastikan bekalan tersebut turut dijual menerusi outlet pemasaran FAMA dan juga program jualan terus yang dilaksanakan pada harga yang munasabah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB KAPTEN AZAHARI BIN HASAN [PADANG RENGAS]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB KAPTEN AZAHARI BIN HASAN [PADANG RENGAS] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan langkah-langkah untuk mengurangkan kadar kemalangan di hadapan Sekolah Menengah Tun Perak dan Sekolah Kebangsaan Tun Dr. Ismail di Padang Rengas (FT001), termasuk usaha pembaikan infrastruktur jalan raya, pemasangan lampu isyarat serta bonggol.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian amat mengambil berat akan isu keselamatan jalan raya khususnya di Jalan Persekutuan seluruh negara. Kementerian ini ada melaksanakan Program Menaiktaraf Infrastruktur Keselamatan Jalan Raya khusus untuk pejalan kaki melalui skop Lintasan Pejalan Kaki Searas Berlampu Isyarat (LPKSI) dan Pembinaan Jejantas Pejalan Kaki.

Bagi skop ini, lokasi yang memenuhi spesifikasi seperti mempunyai aktiviti lintasan pejalan kaki serta kawasan yang mempunyai kemalangan melibatkan pejalan kaki dikenal pasti. Pemilihan dan kaedah penambahbaikan melalui pelaksanaan LPKSI atau Jejantas Pejalan Kaki ini akan dilaksanakan tertakluk kepada kesesuaian lokasi yang dikenal pasti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lokasi cadangan yang dimaksudkan terletak di Laluan FT001 yang merupakan laluan utama dengan kelajuan yang tinggi. Namun, bagi meredakan kelajuan, pelbagai kaedah keselamatan telah disediakan seperti menyediakan jalur rentas kuning, perabot jalan seperti *anti climb railing* (dengan izin) dan papan tanda jalan yang bersesuaian. Di samping itu juga, bagi memudahkan lintasan pejalan kaki di lokasi yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat, sebuah fasiliti jejantas pejalan kaki di hadapan Sekolah Kebangsaan Tun Dr. Ismail yang kurang 100m dari Sekolah Menengah Tun Perak telah disediakan dan mula digunakan pada tahun 90-an. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lokasi yang dimaksudkan telah dilaksanakan penambahbaikan infrastruktur berkaitan keselamatan. Walau bagaimanapun, bagi cadangan Ahli Yang Berhormat, iaitu cadangan pembinaan lampu isyarat dengan bonggol atau LPKSI adalah tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan. Berdasarkan waran, jumlah bilangan pejalan kaki yang tinggi dan laluan utama dengan kelajuan yang tinggi, penyediaan jejantas adalah pilihan terbaik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemantauan keberkesanan akan terus dilaksanakan pada setiap masa oleh pihak Kementerian dan Jabatan Kerja Raya terutamanya di kawasan lokasi kemalangan atau berisiko kemalangan yang telah dilaksanakan Lintasan Pejalan Kaki Searas Berlampu Isyarat dan Jejantas Pejalan Kaki di samping mengenal pasti lokasi-lokasi baharu di seluruh negara. Program ini akan diteruskan pelaksanaannya agar aspek keselamatan

jalan raya sentiasa dapat dipertingkatkan.

Kementerian sentiasa mengambil maklum dan memohon peruntukan untuk pelaksanaan Lintasan Pejalan Kaki Searas Berlampu Isyarat dan Jejantas Pejalan Kaki di lokasi-lokasi Jalan Persekutuan yang dikenal pasti jika telah memenuhi kriteria dan tertakluk kepada kelulusan Agensi Pusat mengikut keutamaan dan ketersediaan agihan peruntukan pembangunan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN HAJI ONN BIN ABU BAKAR [BATU PAHAT]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN HAJI ONN BIN ABU BAKAR [BATU PAHAT] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan jumlah Projek Bantuan Rumah Orang Asli yang dilaksanakan pada tahun 2024 serta jumlah kos keseluruhan projek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Di dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12), Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM35.0 juta di bawah Projek Bantuan Rumah Orang Asli (PBROA) kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) bagi tujuan pelaksanaan bantuan Bina Baru (BB) dan Baik Pulih (BP) rumah masyarakat Orang Asli.

Siling projek yang diluluskan pada Rolling Plan 4 (RP4), Tahun 2024 adalah sebanyak RM8.0 juta. Daripada jumlah tersebut, JAKOA telah membelanjakan sebanyak RM7.9 juta bagi pembinaan sebanyak 279 rumah dan membaik pulih sebanyak 1,217 rumah di perkampungan Orang Asli Semenanjung Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB KAPTEN AZAHARI BIN HASAN [PADANG RENGAS]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB KAPTEN AZAHARI BIN HASAN [PADANG RENGAS] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan penyelesaian kepada isu klinik kesihatan yang daif dan sesak, adakah terdapat perancangan untuk menaik taraf bangunan dan pendawaian elektrik di Klinik Kesihatan Padang Rengas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Klinik Kesihatan Padang Rengas merupakan salah satu fasiliti kesihatan primer di bawah Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Kuala Kangsar. Fasiliti ini merupakan fasiliti jenis 4 berdasarkan purata kedatangan pesakit harian, iaitu seramai 324 pesakit sehari. Fasiliti ini dibina di atas tapak tanah berkeluasan 3 ekar dan memulakan operasinya pada tahun 1963 dengan menawarkan perkhidmatan kesihatan primer kepada 8,090 penduduk di bawah kawasan operasinya.
2. Skop perkhidmatan kesihatan yang disediakan di Klinik Kesihatan (KK) Padang Rengas adalah seperti berikut:
 - (a) Rawatan pesakit luar;
 - (b) Perkhidmatan kesihatan ibu dan anak;
 - (c) Perkhidmatan kecemasan;
 - (d) Pergigian;
 - (e) Farmasi;
 - (f) Makmal;
 - (g) Pengimejan (x-ray);
 - (h) Rawatan kepakaran oleh Pakar Perubatan Keluarga;
 - (i) Perkhidmatan jangkau luar seperti lawatan ibu mengandung dan perkhidmatan perawatan domisiliari;
 - (j) Perkhidmatan klinik berhenti merokok, dan lain-lain.

3. Sebanyak dua (2) projek naik taraf fasiliti telah dilaksanakan di KK Padang Rengas dari tahun 2021 hingga 2024, seperti berikut :

Tahun	Skop Kerja	Kos Projek (RM)
2021	Pembaikan dan Naiktaraf Bangunan, Sistem Kejuruteraan dan Infra di Klinik Kesihatan Padang Rengas	500,000.00
2024	Kerja-kerja naik taraf dan pembaikan di klinik pergigian padang rengas, serta kerja- kerja lain berkaitan.	409,708.60
JUMLAH		909,528.60

4. Kementerian Kesihatan Malaysia sekali lagi akan menjalankan projek naik taraf Klinik Kesihatan Padang Rengas dalam Projek Klinik Daif bagi tahun 2025. Naik taraf projek akan melibatkan kerja-kerja pembaikan awam, pendawaian elektrik dan mekanikal yang berkaitan dengan sejumlah peruntukan sekitar RM1 juta bagi meningkatkan keselesaan petugas serta pelanggan.

5. Kementerian Kesihatan sentiasa menilai beban kedatangan harian fasiliti kesihatan dan secara berfasa akan menaik taraf mengikut keperluan keutamaan dan keperluan semasa. Bagi perancangan jangka masa panjang, KKM kini di peringkat awal penilaian tapak tambahan yang terletak bersebelahan dengan klinik sedia ada bagi tujuan membina blok tambahan yang baru. Projek ini akan dipohon di bawah RMK-14 setelah proses perolehan tanah selesai kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan hala tuju dan perancangan Kementerian untuk mengawal kenaikan caj hospital swasta yang tidak munasabah dengan *whole of government approach*. Nyatakan perancangan Kementerian dari semua aspek termasuk perundangan, kawal selia, penguatkuasaan, DRG, CRG dan sebagainya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menguatkuasakan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] dan Peraturan-Peraturannya sejak 1 Mei 2006 yang turut mengawal fi yang dikenakan oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta melalui Jadual Fi (Jadual Ketujuh dan Ketiga Belas). Jadual Fi ini mengawal selia fi profesional (perundingan dan prosedur) dengan memperuntukkan harga siling atau had maksimum yang boleh dikenakan oleh pengamal perubatan di hospital atau klinik swasta.
2. Kos rawatan di fasiliti kesihatan swasta merangkumi fi profesional pengamal perubatan dan fi fasiliti kesihatan swasta. Fi fasiliti yang antara lainnya terdiri daripada caj perkhidmatan kejururawatan, caj peralatan perubatan, caj alat pakai buang (jarum, picagari, gauze dan lain lain) dan caj ujian makmal tidak dikawal selia oleh KKM. Selaras dengan ucapan YAB PMX ketika menjawab soalan PMQT tahun lalu, KKM juga dalam proses mengemas kini Jadual Fi Akta 586.
3. Pada masa ini, KKM mengawal kenaikan caj hospital swasta dengan mengambil langkah-langkah berikut:
 - (a) Memastikan hospital mengadakan prosedur ketidakpuasan hati (grievance procedure) ke atas semua aduan;
 - (b) Memastikan hospital swasta serta pengamal perubatan dan pergigian swasta mematuhi fi profesional seperti yang termaktub di dalam Jadual Ketiga Belas; dan
 - (c) Membolehkan pesakit mendapat maklumat mengenai anggaran caj yang akan dikenakan sebelum rawatan dimulakan melalui financial counselling oleh hospital swasta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN [SRI GADING]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN [SRI GADING] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah aspek utama yang akan menjadi keutamaan untuk disemak semula dalam Pelan Tindakan Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030 (DPLB 2030) bagi memastikan ia selari dengan fokus Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) telah melancarkan Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030 (DPLB 2030) pada 27 Jun 2019. DPLB 2030 yang dirangka berdasarkan Rancangan Malaysia Kesebelas dan Matlamat Pembangunan Mampan, mengandungi sepuluh (10) teras antaranya Ekonomi, Keusahawanan, Modal Insan, Prasarana, Belia, Wanita dan Tadbir Urus Berkesan. DPLB 2030 mempunyai pelan tindakan yang khusus bagi mencapai wawasan "Luar Bandar yang Sejahtera, Inklusif, Mampan dan Holistik". Pelan tindakan tersebut mengandungi 33 pernyataan dasar, 88 strategi dan 181 langkah tindakan yang dapat membantu membangunkan kawasan luar bandar, mempertingkat taraf hidup dan kesejahteraan masyarakat luar bandar.

KKDW akan memastikan semakan semula Pelan Tindakan Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030 (DPLB 2030) adalah selari dengan fokus Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13) dan juga Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera (PuTERA 35). Setiap projek dan program yang telah dilaksanakan perlu diukur untuk menilai pencapaian, mengenal pasti jurang dan memperbaiki kelemahan dalam perkhidmatan kepada masyarakat desa yang pastinya memerlukan perancangan yang lebih berani dan radikal.

KKDW akan menyusun strategi dan mencipta pelbagai *game-changer* untuk menjana perubahan, menghasilkan idea baharu dan memastikan kejayaan dicapai supaya setiap strategi dan inisiatif dalam Pelan Strategik DPLB 2030 bukan sahaja relevan dengan keperluan semasa, tetapi juga saling melengkapi dan memberi impak yang lebih besar bagi memastikan kementerian ini berada di laluan yang tepat untuk membangunkan masyarakat desa.

Antara fokus utama dalam semakan Pelan Strategik DPLB adalah untuk memperkuatkannya aktiviti ekonomi yang berdaya saing serta berimpak tinggi, menambah baik akses kepada infrastruktur dan kemudahan sosial seperti yang terdapat di kawasan bandar. Perhatian khusus juga akan diberikan kepada pembangunan luar bandar di Sabah dan Sarawak, serta sokongan kepada masyarakat Orang Asli. Selain itu, aspek pembangunan belia dan wanita luar

NO SOALAN : 60

bandar turut diberi perhatian dengan harapan agar mereka menjadi lebih progresif dan berdaya saing dalam pasaran kerja.

KKDW dan agensi turut melaksanakan program pendigitalan keusahawanan bagi membolehkan usahawan desa mendigitalkan pengurusan perniagaan yang seterusnya dapat meningkatkan kapasiti perniagaan mereka serta akan merealisasikan kewujudan *dashboard* digital, bank data, dan sistem pemetaan interaktif untuk memantau prestasi projek secara langsung.

Semakan semula ini juga akan terus memperkasa modal insan melalui program TVET@KKDW dengan memfokuskan kepada program TVET yang *High Growth and High Value* (HGHV).

Kesemua program-program di bawah semakan semula ini akan meneruskan program-program yang dilaksanakan oleh KKDW selain menekankan pendekatan *cross-functional*, di mana kerjasama merentas kementerian dan agensi akan menjadi pemacu utama dalam memastikan keberkesanan setiap inisiatif yang dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN DATUK
HUSSEIN [SEMBRONG]**

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN DATUK HUSSEIN [SEMBRONG] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan komitmen Kementerian untuk menyelesaikan isu Projek Program Rumah Malaysia di Sungai Sepuluh, Paloh, Sembrong yang telah dikategorikan sebagai projek sakit sejak 2018 meskipun lawatan oleh pihak Kementerian telah dilakukan pada Jun 2024 dan pemaju telah diberi lanjutan tempoh namun masih tiada kemajuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, selaras dengan konsep MADANI yang menekankan prinsip ‘Tiada yang tertinggal’ atau *Leave No One Behind*, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa fokus dan komited dalam memastikan pembangunan yang mampan dan seimbang dapat dicapai di semua negeri di Malaysia dalam semua bidang fokus di bawah Kementerian ini.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, projek Rumah Malaysia (Disewa) (RMS) Sembrong, Johor melibatkan pembinaan 400 unit rumah kluster satu (1) tingkat dengan kemudahan seperti tadika, surau, gerai dan balai komuniti. Bagi projek ini, tarikh milik tapak adalah pada 12 Oktober 2021, manakala tarikh siap semasa bagi projek ini selepas diberikan lanjutan masa (*extension of time*) adalah pada 23 November 2025.

Sehingga bulan Januari 2025, kemajuan kerja fizikal adalah sebanyak 45.10% (sebenar) berbanding 63.76% (jadual) iaitu dengan kelewatian sebanyak 18.66% (lewat 35 hari). Justeru, mengambil kira prestasi pelaksanaan ini, pihak pengurusan KP KT telah mengadakan beberapa **sesi intervensi bagi memastikan pihak kontraktor dapat mencapai prestasi fizikal seperti yang telah dijadualkan**. Berdasarkan pemantauan semasa, kontraktor kini sedang giat menjalankan kerja-kerja fizikal di tapak seperti kerja pembinaan dinding, kerja pendawaian, kerja pemasangan kekuda bumbung (*roof trusses*) dan kerja melepa dinding (*plastering*).

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, walaupun projek ini telah dikategorikan sebagai projek lewat jadual, pihak Kementerian masih memberikan peluang kepada syarikat untuk memperbaiki prestasi pembinaan di tapak melalui pemantauan berkala setiap bulan dengan menetapkan sasaran kemajuan yang perlu dicapai oleh syarikat. Prestasi kontraktor ini akan terus dipantau secara rapi dan secara berkala oleh pihak KP KT melalui mesyuarat tapak yang diadakan secara bulanan serta melalui siri-siri mesyuarat seperti Mesyuarat Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian (MTPK) yang dipengerusikan oleh YB Menteri.

NO SOALAN : 61

Namun, sekiranya kontraktor tidak mencapai prestasi kerja yang memuaskan, perkara ini akan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa *Contract Coordination Panel* untuk penentuan hala tuju projek selanjutnya dan kontrak boleh ditamatkan sekiranya prestasi tidak mencapai sepertimana yang dijadualkan.

Dalam hal ini, KPKT komited bagi memastikan kontraktor dapat menyiapkan projek dalam tempoh yang telah ditetapkan demi kepentingan rakyat. Ini membuktikan komitmen tidak berbelah bahagi Kerajaan MADANI bagi memastikan rakyat mendapat akses kepada perumahan yang mampu dimiliki tanpa membelakangkan aspek kualiti rumah yang disediakan untuk keselesaan rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan status pembinaan jeti nelayan di Pengkalan Leban, Sungai Rambai, Jasin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) komited dalam menyediakan kemudahan infrastruktur perikanan kepada nelayan tempatan termasuk penyediaan kemudahan infrastruktur jeti yang baik, selamat dan selesa untuk digunakan bagi tujuan aktiviti perikanan.
2. Untuk makluman, cadangan pelaksanaan projek pembinaan jeti di Pengkalan Leban, Sungai Rambai, Jasin telah dimasukkan dalam senarai permohonan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13). Pada masa ini, proses kerja-kerja ukur pra-hitungan bagi tujuan perizaban tanah untuk kegunaan komuniti nelayan sedang dilaksanakan dan skop serta spesifikasi kerja sedang dimuktamadkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN YUSUF BIN ABD WAHAB [TANJONG MANIS]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN YUSUF BIN ABD WAHAB [TANJONG MANIS] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah perancangan untuk membaiki ban pertanian di pantai Kampung Sebako, Bahagian Mukah yang rosak disebabkan banjir musim tengkujuh baru-baru ini. Air laut sudah masuk melalui ban yang rosak ke kawasan pertanian dan merosakkan hasil tanaman penduduk.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pihak Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian sentiasa berusaha dalam memastikan hala tuju pembangunan infrastruktur pertanian dilaksanakan di seluruh negara termasuk di Negeri Sarawak. KPBM sedia maklum masalah kerosakan struktur kawalan air dan pemendapan ban yang dialami di Kampung Sebako Sedi di bawah Parlimen Tanjong Manis.
2. Untuk makluman Yang Berhormat Ahli Parlimen Tanjong Manis, penyelesaian bagi masalah kerosakan struktur kawalan air dan pemendapan ban yang dialami di Kampung Sebako Sedi telah diselaraskan di dalam Projek Mengatasi Banjir Pantai di Negeri Sabah dan Sarawak di bawah Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN NURUL AMIN BIN HAMID [PADANG TERAP]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN NURUL AMIN BIN HAMID [PADANG TERAP] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan :

- a. berapa jumlah pekerja GIG yang mempunyai caruman aktif dalam platform penyedia perkhidmatan termasuk sektor penghantaran makanan dan pengangkutan penumpang
- b. bagaimana Kementerian memastikan penggubalan Akta baharu pekerja gig dijajarkan dengan penubuhan Suruhanjaya Ekonomi Gig bagi memperkuuh kebijakan dan ekosistem industri GIG.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia ini, berdasarkan statistik PERKESO, sehingga 31 Disember 2024 jumlah pekerja gig yang mempunyai caruman aktif di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789] dalam platform penyedia perkhidmatan seramai 322,232 orang bekerja sendiri (OBS). Daripada jumlah tersebut, seramai 303,522 pencarum yang terlibat dalam sektor penghantaran makanan dan pengangkutan penumpang.

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti mana Dewan Yang Mulia sedia maklum, pada 12 Julai 2024, KESUMA telah memperoleh mandat melalui Memorandum Jemaah Menteri bertajuk *Cadangan Penggubalan Akta Baharu Khusus untuk Pekerja Gig*. Berlandaskan mandat tersebut, KESUMA telah memulakan langkah proaktif dengan menggubal Rang Undang-Undang (RUU) Pekerja Gig melalui penubuhan Jawatankuasa Kerja RUU Pekerja Gig. Jawatankuasa ini telah mengadakan sebanyak enam (6) sesi bengkel dan sebelas (11) Sesi Libat Urus (SLU) yang meliputi seluruh pelosok Malaysia, termasuk Sabah dan Sarawak. SLU ini melibatkan penyertaan memberangsangkan seramai 1,800 individu yang terdiri daripada pelbagai lapisan pemegang taruh, pemain industri, penyedia platform, pekerja gig, wakil kementerian serta agensi kerajaan persekutuan, dan wakil kerajaan negeri. Kesemua maklum balas dan pandangan yang diperolehi dari sesi libat urus ini telah diteliti dan diambil kira dalam memantapkan draf RUU Pekerja Gig sebelum diangkat kepada Jabatan Peguam Negara untuk kelulusan.

Untuk Makluman Ahli-ahli Dewan Yang Mulia ini, sekiranya tiada halangan KESUMA akan membentangkan RUU Pekerja Gig bagi bacaan kali pertama dalam Mesyuarat Pertama, Dewan Rakyat kali ini.

Tuan Yang di-Pertua,

RUU Pekerja Gig ini adalah untuk memberi perlindungan yang menyeluruh untuk pekerja gig. RUU ini dirangka khusus untuk menjamin kebajikan pekerja gig dengan memastikan hak dan kebajikan mereka dipelihara. RUU Pekerja Gig akan memberi fokus kepada empat perkara asas iaitu definisi, pendapatan, mekanisme kilanan dan perlindungan sosial kepada pekerja gig dan entiti kontrak.

Manakala Suruhanjaya Ekonomi Gig pula yang pada dasarnya dipersetujui untuk ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri, akan memberi fokus kepada aspek yang lebih strategik dan menyeluruh, seperti pembangunan modal insan melalui *upskilling* dan *reskilling*, pemantauan komprehensif, serta menetapkan hala tuju pembangunan ekonomi gig di Malaysia. Gabungan sinergi kedua-dua inisiatif ini diyakini mampu melonjakkan sektor gig ke tahap yang lebih mampan dan inklusif.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN
ABDULLAH [LANGKAWI]**

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH [LANGKAWI] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian merancang untuk memperkenalkan skim insurans yang melindungi petani dan penternak selain pesawah padi bagi memastikan kelestarian dan keterjaminan makanan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sentiasa cakna mengenai kepentingan untuk membangunkan skim insurans atau takaful pertanian bagi meringankan beban para petani yang terkesan akibat bencana alam, perosak tanaman dan penyakit. Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank) telah diberi kelulusan untuk meneraju skim takaful pertanian.
2. Produk pertama skim takaful pertanian iaitu Skim Takaful Tanaman Padi (STTP) telah dilancarkan pada September 2024. Kini, Agrobank sedang dalam proses membangunkan Rancangan Perniagaan Strategik yang antaranya memberi tumpuan kepada penyediaan takaful komoditi pertanian selain padi secara komprehensif selaras dengan matlamat untuk memperluaskan perlindungan kepada lain-lain komoditi pertanian dalam negara.
3. Agrobank menyasarkan untuk mengemukakan perincian tawaran produk skim perlindungan takaful dan rangka kerja operasi bagi lain-lain komoditi kepada Bank Negara Malaysia (BNM) pada suku pertama 2025 untuk pertimbangan selanjutnya.
4. KPKM sentiasa komited dalam usaha untuk memperkenalkan skim insurans yang melindungi petani dan penternak yang terkesan bagi memastikan kelestarian dan keterjaminan makanan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI MOHD SYahir BIN CHE
SULAIMAN [BACHOK]**

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN HAJI MOHD SYAHIR BIN CHE SULAIMAN [BACHOK] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan langkah baharu yang akan diperkenalkan oleh pihak Kerajaan untuk memastikan ketelusan dalam pemberian tender, kontrak dan pelaksanaan projek pembangunan di bawah RMKe-13 bagi mengelakkan ketirisan dan pembaziran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, proses perolehan Kerajaan dilaksanakan berteraskan kepada lima (5) prinsip utama iaitu akauntabiliti awam, diuruskan secara telus, memberi nilai faedah terbaik, mewujudkan saingen terbuka serta adil dan saksama termasuk melibatkan projek-projek besar dan strategik.

Kementerian Kewangan (MOF) akan membentangkan Rang Undang-undang Perolehan Kerajaan (RUU PK) bagi memperkasakan pelaksanaan perolehan Kerajaan diuruskan dengan telus dan terbuka serta mampu mengelakkan berlakunya salah guna kuasa, ketirisan, pembaziran dan penyelewengan.

Bagi menjawab persoalan berkaitan isu mengelakkan ketirisan dan pembaziran dalam pelaksanaan projek pembangunan Kerajaan di bawah RMKe-13, pada masa ini Kerajaan menetapkan semua Kementerian perlu memastikan pematuhan *Value At Entry* (VAE) yang ketat bagi memastikan kos projek yang lebih tepat dan mengelakkan kenaikan kos melalui *Notice of Change* (NOC) di masa hadapan. Selain itu, semasa permohonan projek, Kementerian juga perlu menyediakan *Logical Framework Matrix* (LFM) dan *Creativity Index* (CI) bagi menentukan kebolehlaksanaan projek. Kementerian juga perlu memastikan projek yang dimohon adalah sedia untuk dilaksanakan dan tidak mempunyai sebarang isu seperti isu tanah, setinggan dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS BIN
TANGAU [TUARAN]**

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS BIN TANGAU [TUARAN] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan langkah-langkah dan perancangan Kementerian bagi membantu murid-murid dan penduduk yang menggunakan jalan yang menghubungkan Kampung Pahu dan Kampung Wasai Kiulu. Jalan ini sering terputus akibat hujan lebat dan tanah runtuh mengakibatkan sekolah ditutup dan bekalan elektrik terputus.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini mengambil maklum akan keperluan mendesak bagi menaik taraf jalan-jalan perhubungan di kawasan pedalaman Sabah khususnya jalan yang menuju ke institusi awam yang penting seperti sekolah termasuk di Kampung Pahu dan Kampung Wasai, Kiulu, Sabah.

Untuk makluman Yang Berhormat, perancangan membina dan menaik taraf jalan luar bandar di semua negeri termasuk Sabah adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri menerusi Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) akan mengemukakan senarai permohonan projek jalan luar bandar mengikut keutamaan kepada Kementerian ini seterusnya diangkat ke Kementerian Ekonomi pada setiap *Rolling Plan* untuk kelulusan.

Berkenaan dengan jalan di Kampung Pahu, Kementerian ini telah mengemukakan permohonan projek Menaik taraf Jalan Sinulihan Pahu - Giuk Nadau - Nabalu, Tuaran, Sabah di bawah RP5, RMKe-12 Tahun 2025, tetapi tidak mendapat kelulusan. Kementerian ini akan mengemukakan semula permohonan ini di bawah RP1, RMKe-13 Tahun 2026 yang akan datang.

Manakala bagi jalan di Kampung Wasai, setakat ini Kementerian ini belum menerima cadangan projek ini untuk dimohon di bawah RP daripada Kerajaan Negeri Sabah. Tetapi Kementerian mendapat makluman bahawa jalan ini iaitu di bawah projek Naik Taraf Jalan Tomis Tiong Lokos Kotunuan Lama Wasai, Tuaran, Sabah (Fasa II) ada dalam perancangan JKR Sabah untuk dinaiktaraf pada masa akan datang.

Justeru ini, Kementerian ini memohon kerjasama Yang Berhormat agar dapat mengemukakan permohonan ini kepada UPEN Sabah supaya kedua-dua projek tersebut dapat diletakkan dalam senarai keutamaan Kerajaan Negeri Sabah untuk dimohon dalam RP yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah kerja-kerja baik pulih dan naik taraf Lebuhraya Pasir Gudang dapat disiapkan sepenuhnya dan berapa kos perbelanjaan yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek menaik taraf Lebuhraya Pasir Gudang (FT17) kepada 6 lorong 2 hala dengan piawaian U5 dengan jajaran sepanjang 27.7 km bagi menguraikan kesesakan lalulintas di kawasan Pasir Gudang dilaksanakan melalui 4 fasa iaitu Fasa 1, 2A, 2B dan 3. Pelaksanaan projek ini adalah secara berperingkat mengikut keutamaan, kelulusan agensi pusat dan keadaan kewangan semasa serta dilaksana secara konvensional perunding.

Dua fasa telah pun siap sepenuhnya iaitu Fasa 1 sepanjang 8.0 km, dari Kangkar Tebrau ke Plentong. Fasa 1 ini telah disiapkan pada 31 Mei 2016 dengan kos sebanyak RM150 juta. Manakala Fasa 2A sepanjang 7.7 km, dari Plentong ke Seri Alam/Taman Rinting telah siap pada 31 Oktober 2018 dengan kos sebanyak RM190 juta.

Fasa 2B yang melibatkan jajaran sepanjang 5.0 km bermula dari Persimpangan Bandar Seri Alam/Taman Rinting ke Persimpangan Pasir Gudang kini di peringkat pembinaan dengan kemajuan sehingga 31 Disember 2024 adalah sebanyak 35% sebenar berbanding 37% jadual. Projek ini dijangka siap pada 24 Februari 2026. Kos projek yang diluluskan sebanyak RM155 juta.

Bagi Fasa 3 pula, melibatkan jajaran sepanjang 7.0 km yang bermula dari Persimpangan Bertingkat Perling hingga ke Susur Naik Lebuhraya Utara Selatan telah diluluskan peruntukan di dalam *Rolling Plan 3* (RP3), RMKe-12 sebanyak RM301.56 juta. Fasa 3 kini di peringkat perolehan dan Surat Setuju Terima (SST) dijangka akan dikeluarkan pada April 2025.

Secara keseluruhannya, kos projek yang terlibat bagi menaiktaraf Lebuhraya Pasir Gudang FT17 adalah berjumlah RM796.56 juta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN HAJI MOHD SYahir BIN CHE SULAIMAN [BACHOK]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN HAJI MOHD SYAHIR BIN CHE SULAIMAN [BACHOK] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah Kerajaan telah mengadakan proses libat urus dengan segmen ketua isi rumah, pekerja, majikan dan peniaga di seluruh negara berhubung kaedah pelaksanaan subsidi petrol RON95 secara bersasar, serta apakah pandangan utama yang diambil kira oleh pihak Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Belanjawan 2025 pada 18 Oktober 2024 telah mengumumkan bahawa Kerajaan akan melaksanakan penyasaran subsidi RON95 pada pertengahan tahun 2025. Kerajaan juga komited dalam memastikan pelaksanaan penyasaran subsidi RON95 akan meliputi 85 peratus rakyat yang layak. Walau bagaimanapun, mekanisme pelaksanaan subsidi RON95 akan diperincikan oleh Kementerian Kewangan.

Bagi penyasaran subsidi RON95, akan dikenal pasti berdasarkan perbelanjaan asas kehidupan wajar (PAKW). Penggunaan PAKW sebagai instrumen peralihan daripada pengkelasan pendapatan kasar kepada pendapatan boleh guna bersih akan memastikan hanya mereka yang layak sahaja akan menerima bantuan. Kaedah ini merupakan penambahbaikan daripada kaedah yang digunakan sebelum ini, dengan mengambil kira faktor yang dapat memberi gambaran kedudukan sebenar kewangan isi rumah dengan mengenal pasti jumlah amaun sebenar yang boleh digunakan setelah ditolak semua potongan wajib, seperti cukai pendapatan, zakat dan caruman kepada KWSP/ PERKESO.

Kerajaan berpandangan penambahbaikan akan membolehkan penilaian yang lebih realistik terhadap kemampuan kewangan isi rumah dalam memenuhi keperluan kehidupan. Di samping itu, penggunaan pendapatan boleh guna bersih akan dapat mengurangkan ralat keciran dalam pengagihan bantuan (*inclusion and exclusion error*) dengan memastikan golongan yang benar-benar layak sahaja menerima bantuan.

Di samping itu, dalam proses penyediaan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13), pelbagai sesi libat urus (SLU) yang melibatkan kerajaan negeri, pihak industri, akademia, serta organisasi masayarakat sivil (CSO) telah diadakan. SLU ini telah membincangkan mengenai penyasaran subsidi RON 95, penggunaan PAKW dan sistem PADU.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN TAN KAR HING [GOPENG]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN TAN KAR HING [GOPENG] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan penguatkuasaan had enjin maksima 200 kuasa kuda bagi pembaharuan lesen vesel. Apakah rasional dasar ini, sebab ia dikuatkuasakan dan jumlah vesel terjejas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dasar pelesenan Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) menetapkan penguatkuasaan had enjin maksimum dua ratus (200) kuasa kuda adalah kepada tujuh (7) jenis vesel penangkapan ikan iaitu:

- (i) Sampan Enjin Sangkut (Zon A – Tradisional)
- (ii) Vesel Enjin Dalam (Zon A – Tradisional)
- (iii) Vesel Peralatan Komersial (Pukat Tunda, Pukat Jerut Ikan dan Pukat Jerut Bilis)
- (iv) Vesel Kenka Dua Bot (terdapat daerah Kerian, Perak sahaja)
- (v) Vesel SKL (sistem kultur laut untuk kerang dan siput sudu)
- (vi) Vesel SKL (sistem kultur laut / sangkar ikan)
- (vii) Vesel Siput Retak Seribu

2. Rasional dasar had kuasa kuda enjin vesel penangkapan ikan adalah untuk tujuan pengurusan sumber laut yang lebih lestari, keselamatan dan pengawalan impak alam sekitar.

3. Sebab-sebab penguatkuasaan had kuasa enjin termasuk adalah:

- (i) Pengurusan Sumber Laut: Mengurangkan tekanan terhadap populasi ikan dan memastikan aktiviti penangkapan ikan tidak menyebabkan overfishing (penangkapan ikan berlebihan);
- (ii) Keselamatan: Had kuasa enjin lebih kecil dan lebih mudah dikendalikan mengurangkan risiko kemalangan di laut
- (iii) Impak Alam Sekitar: Kuasa enjin yang lebih rendah boleh membantu mengurangkan penggunaan bahan api dan pelepasan gas rumah kaca, mengurangkan pencemaran laut dan melindungi ekosistem marin daripada pencemaran; dan

NO SOALAN : 70

- (iv) Keadilan Dalam Industri: Membantu pemain industri yang lebih kecil atau nelayan tradisional tidak terpinggir oleh pesaing besar yang menggunakan kapal yang lebih kuat dan lebih pantas.
4. Bagi vesel Pukat Kenka Dua Bot, operasi vesel tersebut adalah menggunakan dua (2) buah vesel. Muatan vesel Kenka Dua Bot adalah sepuluh (10) GRT ke bawah dan had maksimum kuasa kuda enjin adalah dua ratus (200) kuasa kuda. Had maksimum kuasa kuda enjin dua ratus (200) kuasa kuda tersebut adalah bersesuaian dengan muatan vesel berkenaan. Kombinasi dua (2) buah vesel dalam menjalankan operasi penangkapan ikan, telah menjadikan jumlah kuasa kuda enjin sebanyak empat ratus (400) kuasa kuda.
5. Berdasarkan rekod DOF, sebanyak 117 buah vesel Pukat Kenka Dua Bot di daerah Kerian, Perak yang terjejas disebabkan kuasa kuda enjinnya melebihi had yang dibenarkan dan menukar enjin melebihi dua ratus (200) kuasa kuda tanpa kebenaran DOF. Oleh yang demikian, pembaharuan lesen vesel tersebut akan dibuat setelah pemilik menukar enjin mengikut had yang ditetapkan iaitu maksimum dua ratus (200) kuasa kuda sahaja. Namun demikian, sekiranya pemilik vesel ingin mengekalkan enjin sedia ada, pemilik vesel perlu menukarkan peralatan Pukat Kenka Dua Bot kepada peralatan tradisi bergerak (seperti pukat hanyut, rawai atau bubu).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [SUNGAI SIPUT]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [SUNGAI SIPUT] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian dalam meningkatkan kesedaran dan pengawalan penyakit berjangkit di negara ini khususnya dalam menghadapi ancaman wabak baru yang muncul secara global.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kesedaran orang ramai mengenai ancaman penyakit berjangkit adalah penting dalam pengawalan wabak yang berkesan. Oleh yang demikian, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa mengambil pendekatan komprehensif terhadap komunikasi risiko dan penglibatan komuniti (*risk communication and community engagement - RCCE*) serta sentiasa telus berhubung situasi wabak bagi membolehkan orang ramai boleh mendapat akses kepada maklumat yang tepat mengenai perkembangan wabak (sekiranya ada).
2. KKM juga memantau sebarang kejadian wabak atau kejadian berkaitan kesihatan yang berlaku di dalam dan luar negara dengan:
 - (a) menjalankan kerjasama dengan pelbagai negara dan organisasi antarabangsa seperti ASEAN dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia bagi mendapatkan maklumat segera berkenaan kejadian wabak atau sebarang kejadian berkaitan kesihatan di negara lain yang berpotensi merebak merentas sempadan;
 - (b) meningkatkan kesiapsiagaan, saringan, dan pengendalian penyakit yang berpotensi menyebabkan wabak atau pandemik bagi memastikan negara selamat daripada ancaman sebarang penyakit berjangkit di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA);
 - (c) menjalankan surveyan berterusan bagi penyakit secara klinikal dan makmal sebagai sistem amaran awal untuk sebarang potensi kejadian wabak;
 - (d) memantau kejadian wabak atau kejadian berkaitan kesihatan di Malaysia melalui Event-based Surveillance yang dilaporkan kepada CPRC Kebangsaan.
3. Sebarang kejadian wabak akan diuruskan mengikut prosedur operasi standard (SOP) dan garis panduan wabak sedia ada.
4. Bagi memastikan tahap kesiapsiagaan anggota kesihatan, fasiliti dan negara berada pada tahap optimum, KKM menjalankan latihan simulasi berkaitan

NO SOALAN : 71

kesiapsiagaan dan respon terhadap wabak di peringkat kebangsaan dan negeri dari semasa ke semasa.

5. KKM memastikan akses kepada rawatan termasuk kemudahan seperti klinik dan hospital adalah berada pada tahap optimum bagi menghadapi sebarang kejadian wabak. KKM juga terus memperkuatkan kapasiti dan keupayaan makmal termasuk menjalankan kerjasama dengan makmal swasta dan universiti bagi melengkapkan keperluan perkhidmatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB DATUK LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan skandal kualiti kain kurang baik yang dibekalkan sebuah syarikat untuk pakaian seragam jururawat bernilai lebih RM98.3 juta, nyatakan syarikat pembekal yang terlibat, siasatan dan penemuan setakat ini dan adakah pembekal akan diganti demi memastikan kain yang berkualiti.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Tender Bekalan Pakaian Seragam (Kain) Untuk Penjawat Awam di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah dianugerahkan kepada Syarikat Peluang Kristal (M) Sdn. Bhd.
2. Siasatan telah dilaksanakan berdasarkan aduan yang diterima di mana sampel kain yang diterima telah pun dihantar ke makmal kimia yang diiktiraf. Seterusnya, perbandingan spesifikasi dibuat di antara laporan kimia sampel kain yang diterima dengan spesifikasi kain sepetimana ketetapan kontrak dan didapati ianya tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan.
3. Pihak Syarikat telah diminta untuk melaksanakan penggantian kain kepada Pusat Tanggungjawab di bawah KKM yang terlibat sebagai langkah penambahbaikan.
4. Peringatan juga telah dikemukakan secara bertulis pihak Syarikat memaklumkan bahawa penamatan Perjanjian boleh dilaksanakan sekiranya pihak Syarikat gagal mengambil tindakan sewajarnya selaras dengan ketetapan kontrak semasa yang sedang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE [BATANG SADONG]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE [BATANG SADONG] minta MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN menyatakan status pelaksanaan program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) ala Sekinchan yang dirancang untuk diperluaskan ke Sarawak dan Sabah. Selain itu, berapa jumlah peruntukan yang telah diluluskan dan disalurkan kepada Sarawak bagi tahun 2025 serta keluasan tanah yang terlibat dalam pelaksanaan projek ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) telah dilaksanakan di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Batang Lupar, Sarawak yang terletak di Blok C, Tanjung Bijat pada tahun 2021. Sehingga kini, jumlah kawasan usaha melibatkan 196 hektar dan penyertaan seramai 191 orang pesawah. Dua (2) buah syarikat peneraju telah mengambil bahagian dalam Program SMART SBB iaitu syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) dan syarikat Advansia Sarawak Sdn. Bhd. pada penghujung tahun 2021. Pelaksanaan program SMART SBB di Blok C telah membantu meningkatkan purata hasil padi di kawasan Batang Lupar di antara 4.0 hingga 5.5 tan metrik per hektar. Peningkatan ini disebabkan oleh penggunaan mekanisasi ladang serta penggunaan benih padi varieti moden MR297 yang diaplikasikan di kawasan tersebut.
2. Untuk makluman, Kementerian memang berhasrat untuk memperkenalkan program SMART SBB Ala Sekinchan di Sarawak dan sedang merancang memperkenalkan program galakan menggunakan teknologi jentanan di IADA Batang Lupar, melibatkan 100 hektar sebagai projek rintis. Namun, fokus utama adalah kepada rawatan tanah terlebih dahulu, memandangkan penggunaan teknologi jentanan masih baharu di Sarawak. Projek ini akan memberi manfaat kepada pesawah kecil melalui pengurusan kos penanaman lebih cekap, pengeluaran padi lebih bersasar, penyatuan tanah secara kontrak dan peningkatan pendapatan pesawah melalui peningkatan produktiviti hasil padi.
3. Di Sabah pula, program SMART SBB telah dilaksanakan di bawah seliaan IADA Kota Belud dan diterajui oleh BERNAS yang kini telah berkembang kepada 205 hektar yang melibatkan 9 kelompok tani. Khusus bagi kawasan yang menggunakan teknologi jentanan seperti Sekinchan, kawasan berkeluasan 27.81 hektar di Kampung Kesapang Tengah melibatkan 15 orang peserta telah dimulakan sebagai projek rintis SMART SBB Ala Sekinchan. Program ini telah dilancarkan pada Julai 2024. Melalui projek ini, pengurusan operasi serta aktiviti ladang dikawal selia secara terperinci mengikut garis panduan Jadual Kerja Ladang (JKL) yang telah disediakan. Pelaksanaan aktiviti ladang seperti kawalan rumpai, jadual pembajaan dan aktiviti kawalan serangga

NO SOALAN : 73

perosak juga dilaksanakan secara bersepada menggunakan dron pertanian. Dengan prestasi purata hasil 3.72 tan metrik per hektar bagi Musim 2/2024, pelaksanaan program ini telah berjaya meningkatkan hasil pengeluaran padi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN RIDUAN BIN RUBIN [TENOM]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN RIDUAN BIN RUBIN [TENOM] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan berapa jumlah Bumiputera Sabah dan Tenom khususnya yang terlibat dalam Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera (BEDP), Program eTRADE, Program Pembangunan Syarikat Peringkat Pertengahan (MTCDP) dan Program GlobPreneur yang bertujuan untuk meningkatkan kapasiti Bumiputera dalam meneroka pasaran eksport global.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, jumlah syarikat Bumiputera Sabah khususnya yang terlibat dalam Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera, Wanita dan Belia (BWYEDP), Program eTRADE, Program GlobPrenuer dan Program Pembangunan Syarikat Peringkat Pertengahan (PPSPP) adalah seperti berikut.
2. Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera (BEDP) yang diperkenalkan pada tahun 2004 telah diperluas untuk merangkumi usahawan wanita pada tahun 2005, dan syarikat milik belia pada tahun 2015. Lanjutan itu, program ini telah dijenamakan semula sebagai **Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera, Wanita dan Belia (Bumiputera, Women and Youth Exporters Development Programme - BWYEDP)**.
3. BWYEDP dirangka khusus untuk membangunkan keupayaan dan daya saing eksport syarikat-syarikat milikan Bumiputera, Wanita dan Belia yang majoritinya terdiri daripada syarikat perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Sejak program ini diperkenalkan pada tahun 2004, sebanyak 430 syarikat PMKS telah menerima manfaat inisiatif program ini dan sehingga 2024 telah menjana nilai jualan eksport sebanyak RM4.3 bilion termasuk daripada produk makanan.
4. Sepanjang tempoh tersebut, sejumlah lapan syarikat (Bumiputera dan bukan Bumiputera) dari Sabah telah **dibantu dalam meningkatkan kapasiti dan persediaan untuk mengeksport**. Sebanyak **lima** syarikat Bumiputera Sabah telah dibantu melalui BWYEDP, iaitu Santanmas Food Industries Sdn. Bhd., AFCL Bioscience Sdn. Bhd., Innoprise Wood Products Sdn. Bhd., Spark Prestige Sdn. Bhd. dan Pemborong Mangkab Enterprise Sdn. Bhd.

5. **Program eTRADE 2.0** merupakan salah satu inisiatif berterusan MATRADE sejak pelaksanaan RMKe-11 yang bertujuan untuk membantu syarikat-syarikat PMKS supaya meningkatkan keupayaan eksport menerusi penyenaraian dan pemasaran produk di platform e-Dagang antarabangsa untuk tujuan eksport. Program ini telah diperluaskan dengan meningkatkan had insentif bantuan dan kini dikenali sebagai eTRADE 2.0, di mana syarikat yang layak akan dipertimbangkan untuk menerima insentif sebanyak RM5,000 bagi penyenaraian di dalam platform eDagang antarabangsa dan RM20,000 bagi aktiviti pemasaran digital atau latihan berkaitan eDagang.
6. Sepanjang tempoh pelaksanaan eTRADE di bawah RMKe-12 dari tahun 2021 sehingga 2024, sejumlah **1,849 syarikat PMKS** telah dibantu melalui inisiatif program tersebut dan berjaya menjana jualan sebenar eksport berjumlah RM148.4 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **54 PMKS Bumiputera Sabah** telah dibantu di bawah program eTRADE.
7. PPSPP ialah program pembangunan pengeksport MATRADE yang bertujuan untuk menyokong pertumbuhan eksport Syarikat Peringkat Pertengahan (SPP) yang lebih berdaya tahan dan berdaya saing sebagai juara di peringkat serantau serta global. SPP di Malaysia ditakrifkan sebagai syarikat yang mempunyai pendapatan tahunan sebanyak RM50 juta hingga RM500 juta bagi sektor pembuatan, manakala bagi sektor perkhidmatan sebanyak RM20 juta hingga RM500 juta.
8. Sehingga Januari 2025, sebanyak 370 SPP daripada pelbagai sektor telah menyertai program ini sejak pelaksanaan PPSPP pada tahun 2014. SPP telah dibantu melalui program intervensi bersasar, inisiatif pembangunan pasaran yang diatur secara khusus dan penyertaan berterusan dalam aktiviti promosi eksport MATRADE.
9. Berdasarkan kajian pengesanan impak yang telah dilaksanakan pada tahun 2023, SPP di bawah program PPSPP telah mencatatkan jumlah pendapatan tahunan secara kumulatif sebanyak RM32.92 bilion pada tahun 2023, di mana 58 peratus atau RM19.15 bilion adalah daripada hasil yang dijana melalui eksport. Sebanyak **dua** syarikat Bumiputera Sabah

NO SOALAN : 74

telah dibantu di bawah program tersebut, iaitu BTC Maju Holdings Sdn. Bhd. dan Sedafiat Sdn. Bhd.

10. **Program GlobPreneur** merupakan inisiatif pemecutan eksport dan bimbingan kepada PMKS di negeri-negeri sasaran untuk mengurangkan jurang eksport dan bilangan pengeksport PMKS.

11. Untuk makluman, Program GlobPreneur ini telah diluluskan pada 17 Mac 2021 dan tamat pada tahun 2023. Sebanyak **lima syarikat Bumiputera** Sabah telah dibantu iaitu AR Food Sdn. Bhd., Beta Maju Sdn. Bhd., Everlasting MUS Sdn. Bhd., Rosmie Snack Industry Sdn. Bhd., dan Sirip Food Industries Sdn. Bhd.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK JONATHAN BIN YASIN [RANAU]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB DATUK JONATHAN BIN YASIN [RANAU] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan liputan jalur lebar mudah alih internet di banyak tempat di daerah Ranau masih belum memuaskan kerana banyak tempat masih sukar mendapat liputan. Apakah tindakan agresif di pihak Kementerian untuk meningkatkan lagi capaian jalur lebar di kawasan-kawasan jauh di pedalaman Ranau.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA), Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah menetapkan sasaran untuk menyediakan liputan 100% liputan internet di kawasan berpenduduk menjelang tahun 2025.

Setakat 31 Disember 2024, liputan internet dan komunikasi di kawasan berpenduduk di Parlimen Ranau telah mencapai 89.15%. Sebanyak 12 daripada 32 menara komunikasi baharu yang dirancang telah siap dibina, kesemua 165 buah menara siap dinaik taraf dan sebanyak 9,751 daripada 11,171 premis yang dirancang telah tersedia dengan capaian gentian optik.

Kesemua inisiatif ini akan siap secara berperingkat pada suku keempat tahun 2025. Sebagai tambahan, terdapat tujuh lokasi telah menikmati perkhidmatan internet menggunakan teknologi satelit *Broadband Wireless Access* (BWA) di Parlimen Ranau.

Sebagai langkah meningkatkan capaian jalur lebar di kawasan pedalaman termasuk di Parlimen Ranau, Kerajaan sedang merangka solusi penyediaan perkhidmatan internet bagi kawasan berpenduduk yang masih belum mendapat perkhidmatan internet melalui Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) Fasa 2.

Teknologi yang akan digunakan bagi pelaksanaan JENDELA Fasa 2 ini melibatkan *fit for purpose solution*, merangkumi pembinaan menara baharu dan juga penyediaan jalur lebar menggunakan teknologi satelit. MCMC juga sedang meneliti perkembangan teknologi baharu termasuk *direct to device* yang menggunakan teknologi satelit *Low Earth Orbit* (LEO) bagi penyediaan perkhidmatan internet yang boleh memberi manfaat kepada penduduk di luar bandar dan kawasan pedalaman. Lokasi awal kawasan sasaran pelaksanaan sedang dipertimbangkan.

Selain itu, Kerajaan melalui MCMC juga telah menerajui perkongsian Rangkaian Teras Pelbagai Pengendali (MOCN) 4G 6 Hala iaitu projek perintis industri dalam usaha berkongsi sumber rangkaian dan infrastruktur. Pelaksanaan projek ini membuktikan syarikat telekomunikasi boleh bekerjasama bagi meningkatkan kesalinghubungan terutamanya melibatkan kawasan kurang

NO SOALAN : 75

liputan internet terutamanya di kawasan terpencil.

Kerajaan juga turut melaksanakan penyediaan infrastruktur jalur lebar menggunakan kaedah *Point of Presence* (PoP) hab gentian optik. Sehingga 23 Januari 2025, sebanyak 67 PoP telah berjaya disiapkan sepenuhnya bagi Fasa 1 manakala 357 PoP daripada 636 PoP bagi Fasa 2 telah berjaya disiapkan di negeri Sabah dan menjadikan 44,996 premis telah tersedia dengan sambungan gentian optik untuk dilanggan oleh komuniti setempat. Daripada jumlah tersebut, satu PoP telah selesai dibina bagi Fasa 1 manakala 46 PoP daripada 61 PoP bagi Fasa 2 telah berjaya disiapkan di Parlimen Ranau menjadikan 4,893 premis telah tersedia dengan sambungan gentian optik untuk dilanggan oleh komuniti setempat di Parlimen Ranau. Baki PoP dijadualkan siap sepenuhnya pada akhir tahun 2025.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK SITI AMINAH BINTI ACHING [BEAUFORT]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB DATUK SITI AMINAH BINTI ACHING [BEAUFORT] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan usaha yang telah diambil oleh pihak Kementerian dalam memastikan Pengendali Rangkaian Mudah Alih (MNO) memastikan tahap kualiti perkhidmatan *mobile coverage* dapat ditingkatkan terutama di kawasan pedalaman seperti Parlimen Beaufort.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kualiti rangkaian di sesuatu kawasan boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti kesesakan rangkaian, gangguan frekuensi, liputan yang lemah dan lain-lain. Dalam usaha untuk meningkatkan kualiti liputan internet yang baik, Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) menjalankan audit kualiti secara berkala di seluruh negara bagi memastikan pematuhan berterusan oleh pemberi perkhidmatan terhadap Standard Mandatori Kualiti Perkhidmatan (MSQoS) yang telah ditetapkan.

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 662 ujian kualiti telah dijalankan di negeri Sabah dan ini termasuklah 28 di kawasan Parlimen Beaufort. Hasil audit telah dianalisis dan mendapati 10 lokasi telah merekodkan keputusan ketidakpatuhan terhadap Standard Mandatori. Arahan Suruhanjaya akan dikeluarkan terhadap mana-mana pemberi perkhidmatan yang gagal mematuhi Standard Mandatori. Mereka diwajibkan untuk mematuhi Arahan Suruhanjaya yang telah dikeluarkan dengan menambah baik kualiti perkhidmatan di kawasan yang terbabit. Senarai lokasi yang telah diaudit di Parlimen Beaufort adalah seperti berikut:

No.	Lokasi Audit	Tindakan Penambahbaikan
1.	Dewan Dato Syahbandar Makang Kuala Penyu	Tiada ketidakpatuhan
2.	Masjid Daerah Kuala Penyu	Tiada ketidakpatuhan
3.	Dewan Terbuka Kuala Penyu	Tiada ketidakpatuhan
4.	SJK(C) Chung Hwa Kuala Penyu	Pengoptimuman pemancar berdekatan
5.	Padang Pekan Kuala Penyu	Tiada ketidakpatuhan
6.	Dewan Serbaguna Awang Semuan Menumbok	Tiada ketidakpatuhan
7.	Padang Menumbok	Tiada ketidakpatuhan
8.	Pantai Mempakul Menumbok	Tiada ketidakpatuhan

NO SOALAN : 76

No.	Lokasi Audit	Tindakan Penambahbaikan
9.	Balai Polis Menumbok	Pengoptimuman pemancar berdekatan
10.	Dataran Bergandang Beaufort	Tiada ketidakpatuhan
11.	Dewan Pa Musa Beaufort	Tiada ketidakpatuhan
12.	Hospital Beaufort (X-Ray)	Tiada ketidakpatuhan
13.	Balai Polis Beaufort	Tiada ketidakpatuhan
14.	Giat Mara Limbawang-Beaufort	Tiada ketidakpatuhan
15.	Kolej Komuniti Beaufort	Tiada ketidakpatuhan
16.	Prima Woodford Beaufort	Pengoptimuman pemancar berdekatan serta pembinaan menara baru.
17.	Kampung Gulong-Gulongan Menumbok	Pengoptimuman pemancar berdekatan serta pembinaan menara baru.
18.	Kampung Manggis Menumbok	Perkongsian pemancar melalui inisiatif MOCN
19.	Kampung Sinapokan Menumbok	Perkongsian pemancar melalui inisiatif MOCN
20.	Kampung Kilugus Kuala Penyu	Pengoptimuman pemancar berdekatan
21.	Kampung Berangkok Kuala Penyu	Tiada ketidakpatuhan
22.	Kampung Parit Kuala Penyu	Perkongsian pemancar melalui inisiatif MOCN
23.	Pertubuhan Peladang Kuala Penyu	Pengoptimuman pemancar berdekatan
24.	Kampung Batu 4 Kiambor Kuala Penyu	Pengoptimuman pemancar berdekatan serta perkongsian pemancar melalui inisiatif MOCN
25.	PPS Dewan Kampung Bengkalalak Beaufort	Tiada ketidakpatuhan
26.	Kampung Pimping Beaufort	Tiada ketidakpatuhan
27.	Klinik Kesihatan Bongawan Papar	Tiada ketidakpatuhan
28.	Klinik Kesihatan Ulu Kemanis	Tiada ketidakpatuhan

NO SOALAN : 76

MCMC akan menjalankan pemeriksaan susulan untuk memastikan pematuhan dan penambahbaikan telah dilakukan oleh pihak pemberi perkhidmatan. Penalti serta tindakan undang-undang yang sewajarnya akan dikenakan kepada pemberi perkhidmatan sekiranya mereka gagal untuk menambah baik kualiti perkhidmatan.

Para pengguna adalah digalakkan untuk membuat aduan secara terus kepada pihak pemberi perkhidmatan sekiranya perkhidmatan yang disediakan adalah tidak memuaskan agar tindakan yang sewajarnya dapat diambil. Sekiranya aduan tersebut tidak dapat diselesaikan, aduan kepada MCMC juga boleh dilakukan di laman portal aduan MCMC di <https://aduan.mcmc.gov.my>. Para pengguna juga disarankan untuk memanfaatkan portal JENDELA Map (<https://jendela.my>) bagi mengemukakan maklumbalas liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar di kawasan mereka dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ [SEGAMAT]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ [SEGAMAT] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan pendekatan strategik oleh Kementerian untuk menggalakkan pembangunan belia di luar bandar melalui program-program inovatif yang menggabungkan pembangunan kemahiran kepimpinan, kesihatan mental dan sukan serta bagaimana program ini boleh menyelaraskan sumber dari sektor swasta, Kerajaan dan komuniti untuk mencipta lebih banyak peluang bagi belia di Segamat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sentiasa menitikberatkan aspek pembangunan generasi belia dalam usaha melahirkan belia yang sentiasa berdaya saing, bekerjasama, aktif dan sihat. Kementerian melalui Jabatan Belia dan Sukan Negara melaksanakan program pembangunan belia dengan kerjasama rakan strategik di pelbagai peringkat. Di kawasan Segamat, pelaksanaan program tersebut diselaraskan oleh Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor melalui Pejabat Belia dan Sukan Daerah Segamat dengan kerjasama pelbagai jabatan, agensi, NGO dan pertubuhan belia dalam komuniti setempat.

Bagi memastikan penglibatan belia aktif dalam agenda pembangunan Belia, pada tahun ini Kementerian ini melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor akan melaksanakan program pembangunan belia, sukan dan rakan muda di daerah Segamat bagi Tahun 2025 dengan sasaran penyertaan seramai 9,330 orang melibatkan peruntukan sebanyak RM101,435.00.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN LO SU FUI [TAWAU]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN LO SU FUI [TAWAU] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah dan tatakelola demi perlindungan pekerjaan dan berniaga warga tempatan daripada ancaman ekonomi serta mengutamakan sumber manusia dan alam domestik, sambil memastikan pelaburan asing yang mencatatkan nilai RM85.4 bilion di Malaysia FDI pada tahun 2024 dapat terus berkembang tanpa menjaskan keyakinan pelabur luar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa proaktif dalam melindungi hak dan kebajikan pekerja tempatan serta memastikan pasaran buruh sentiasa menyokong pembangunan ekonomi dan mengekalkan FDI ke Malaysia. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui jabatan dan agensi di bawahnya terlibat dalam pembangunan sumber manusia tempatan melalui program peningkatan latihan dan kemahiran semula (*upskilling & reskilling*). Pelaksanaan program latihan ini adalah dalam memastikan peningkatan kemahiran tenaga kerja tempatan sejajar dengan keperluan industri global.
- ii. KESUMA melalui Jabatan Tenaga Manusia (JTM) telah memperluaskan penawaran kursus peningkatan kemahiran (*upskilling*) dan latih semula (*reskilling*) bagi memastikan tenaga kerja sedia ada mampu memenuhi keperluan pasaran pekerjaan. Pada tahun 2024, JTM telah melatih 84,201 orang peserta.
- iii. Akademi Dalam Industri Perantisan Berintensif (yang dulu dikenali sebagai Sistem Latihan Dual Nasional - SLDN) dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) bertujuan bagi menangani isu *underemployment* dengan melatih tenaga kerja dalam bidang kemahiran tinggi yang mengikut keperluan industri. Tempoh Akademi Dalam Industri Perantisan Berintensif yang merupakan program keperluan khusus komuniti adalah selama 3 hingga 6 bulan (*micro credentials*). Program ini menggunakan pendekatan latihan dual nasional, menggabungkan teori di pusat latihan dengan praktikal di tempat kerja, serta memberi pensijilan berdasarkan kemahiran (SKM).

- iv. Selain itu, KESUMA turut melaksanakan program Akademi Dalam Industri (ADI) bagi tempoh 18 bulan yang mana peserta akan diterima masuk bekerja sambil belajar (*place and train*) di syarikat-syarikat yang terpilih. Dengan fokus kepada Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) dan kemahiran masa depan seperti automasi, data besar, dan teknologi pintar, ADI membantu mengurangkan ketidakpadanan antara kemahiran graduan dan keperluan pasaran kerja, meningkatkan kebolehpasaran graduan, serta menyokong pertumbuhan ekonomi melalui tenaga kerja berkemahiran tinggi.
- v. KESUMA turut mengadakan jalinan kerjasama dengan pemain industri untuk memastikan sistem pendidikan dan latihan teknikal memenuhi keperluan pasaran. KESUMA melalui TalentCorp telah pun menubuhkan MyMahir Future Skills Talent Council (FSTC). FSTC ini ditubuhkan berdasarkan sektor industri, dengan keanggotaan 60 peratus kapten industri untuk memastikan bakat negara memiliki kemahiran dan kompetensi yang diperlukan oleh industri serta menepati keperluan sektor ekonomi utama negara. Setakat ini, 10 FSTC telah diwujudkan. Jabatan dan agensi di bawah KESUMA seperti JPK, JTM, Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) dan NIOSH turut terlibat sama sebagai ahli MyMahir FSTC yang bertujuan untuk memudahkan cara pengurusan pembangunan bakat yang diperlukan, sementara FSTC menentukan program latihan dan memilih pusat latihan melalui sesi *pitching*.
- vi. KESUMA melalui PERKESO memainkan peranan dalam memastikan semua pekerja termasuk pekerja domestik di negara ini dilindungi di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4], Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789], Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [Akta 800] dan Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022 [Akta 789]. Melalui Akta-Akta yang ditadbir oleh PERKESO ini, para pencarum diberi jaminan rawatan perubatan percuma, kemudahan pemulihan jasmani atau vokasional serta faedah kewangan sekiranya mereka mengalami hilang upaya akibat

NO SOALAN : 78

dari kemalangan ataupun mengidap penyakit yang menyebabkan mereka kurang upaya untuk bekerja ataupun tidak upaya langsung untuk bekerja lagi.

Sehubungan itu, melalui pendekatan yang menyeluruh, Malaysia boleh mengekalkan momentum pertumbuhan FDI sambil melindungi pekerjaan, perniagaan, dan sumber domestik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN LO SU FUI [TAWAU]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN LO SU FUI [TAWAU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jaminan supaya waran perjawatan sebanyak 1,475 jawatan yang diluluskan di Hospital Tawau wajib dikekalkan dan diisi segera agar dapat menampung keperluan perkhidmatan 1 juta orang penduduk meliputi Parlimen Tawau, Kalabakan, Semporna dan Lahad Datu yang sistem perkhidmatan kesihatan sekarang dalam keadaan hampir runtuh.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terima kasih kepada YB Tawau atas pertanyaan berhubung pengekalan perjawatan dan pengisian kakitangan di Hospital Tawau. Seperti mana YB sedia maklum, Hospital Tawau merupakan hospital berpakar major yang sedang dinaik taraf perkhidmatannya secara berperingkat kepada hospital setara negeri selari dengan komitmen Kerajaan berhubung Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan (KKM) secara tepatnya telah mengagihkan sebanyak 1,358 perjawatan tambahan untuk menampung keperluan operasi blok baharu Hospital Tawau. Menerusi pertambahan jawatan ini, jumlah perjawatan di Hospital Tawau meningkat kepada 2,994 perjawatan berbanding 1,636 perjawatan pada tahun 2023.
3. Sehingga 31 Disember 2024, Hospital Tawau mempunyai 1,807 anggota yang terdiri daripada 1,614 pegawai lantikan tetap, 37 pegawai lantikan kontrak interim (mengisi perjawatan) dan 156 pegawai lantikan kontrak (contract of service tidak mengisi perjawatan). Keanggotaan petugas KKM di Hospital Tawau telah menunjukkan peningkatan sebanyak 25% berbanding 1,450 pengisian tahun 2019 (1,595 perjawatan).
4. Ahli Yang Berhormat, KKM komited untuk terus melaksanakan urusan pengisian kekosongan perjawatan di fasiliti KKM termasuk di Hospital Tawau menerusi inisiatif berikut:
 - (a) melaksanakan reformasi kesihatan (healthcare reform) melalui pemantapan tata kelola KKM secara keseluruhan melibatkan inisiatif seperti Rakan KKM dan juga memperkasakan penjadualan waktu bekerja anggotanya;
 - (b) menerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, KKM akan melaksanakan pengambilan seramai 3,228 jururawat dari kalangan graduan Diploma Kejururawatan daripada institusi pendidikan dalam negara bagi tujuan mengisi perjawatan tetap di KKM;
 - (c) pada tahun 2024, KKM telah melantik seramai 3,316 graduan perubatan sebagai pegawai perubatan siswazah (PPS). Bagi tahun 2025, KKM

NO SOALAN : 79

mensasarkan akan melantik seramai 3,000 PPS yang akan ditempatkan di 49 Hospital Latihan Siswazah (HLS) di seluruh negara; dan

(d) meningkatkan pengambilan pelatih separa perubatan di Institusi Latihan KKM (ILKKM) daripada 3,795 pelatih pada 2023 kepada 6,705 pelatih mulai tahun 2025.

5. Justeru, Kementerian Kesihatan berpandangan penyampaian perkhidmatan kesihatan di Hospital Tawau kini masih berada pada tahap yang baik. Penaiktarafan perkhidmatan yang telah dilaksanakan membolehkan perkhidmatan perubatan dapat diberikan secara lebih optimum kepada penduduk di Daerah Tawau dan sekitarnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia menukar cara mengukur inflasi kerana pengukuran melalui Consumer Price Index (CPI) sedia ada yang menyatakan purata inflasi untuk 10 tahun yang lepas di negara kita hanyalah sebanyak purata 2.0% setahun tidak mencerminkan hakikat sebenar yang dirasai oleh rakyat jelata.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pengiraan Indeks Harga Pengguna (IHP) oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) adalah berdasarkan kaedah yang digunakan mengikut standard antarabangsa dan garis panduan yang ditetapkan oleh International Labour Organisation (ILO) dan United Nations System of National Accounts (SNA). Bagi tujuan penyusunan IHP, kutipan harga dilakukan secara mingguan, bulanan dan suku tahunan yang meliputi 21,300 premis di seluruh Malaysia, meliputi kawasan Bandar dan Luar Bandar. Premis yang terpilih adalah premis yang menjadi tumpuan pengguna dan berstruktur tetap.

Kadar inflasi diukur berdasarkan IHP bagi menilai perubahan harga purata item di dalam bakul tetap barang dan perkhidmatan untuk satu tempoh masa tertentu. Bagi tempoh 10 tahun kebelakangan ini, inflasi telah merekodkan kadar yang sederhana, iaitu 1.9% setahun. Penyederhanaan ini, antaranya disebabkan oleh kejatuhan kadar inflasi ke paras negatif, iaitu -1.2% pada tahun 2020 yang berpunca daripada penutupan sementara ekonomi akibat pandemik COVID-19. Selain itu, pelbagai inisiatif Kerajaan yang telah dilaksanakan berjaya memastikan kedudukan inflasi negara kekal terkawal.

Terdapat banyak tanggapan bahawa kadar inflasi yang diterbitkan tidak mencerminkan realiti semasa. Walaupun data inflasi dihasilkan dengan menggunakan metodologi yang standard, terdapat faktor lain yang menyumbang kepada jurang persepsi antara angka rasmi dan pengalaman pengguna. Faktor ini antaranya, termasuk perbezaan di antara corak perbelanjaan individu mengikut negeri dan daerah. Secara umumnya, penyederhanaan inflasi dinilai berdasarkan peningkatan kadar harga barang dan perkhidmatan yang lebih perlahan dan bukannya disebabkan oleh penurunan paras harga.

Selain itu, golongan berpendapatan rendah cenderung berbelanja untuk keperluan asas seperti makanan. Jika harga barang di bawah kategori ini meningkat lebih tinggi daripada purata keseluruhan, golongan ini akan merasakan kesan inflasi yang lebih besar berbanding angka rasmi. Inflasi makanan bagi tempoh 10 tahun adalah 3.0% dan data ini adalah lebih tinggi berbanding kadar purata inflasi keseluruhan.

NO SOALAN : 80

Bagi mengatasi isu ini, DOSM juga telah menerbitkan indikator Kos Sara Hidup (KSH) pada November 2024 berdasarkan perincian demografi seperti isi rumah, saiz isi rumah, negeri dan daerah. Penerbitan ini boleh dijadikan sumber rujukan tambahan serta mencerminkan perubahan harga barang dan perkhidmatan utama yang memberi kesan kepada rakyat.

Sehubungan itu, buat masa ini, Kerajaan berpandangan tiada keperluan untuk menukar cara pengiraan IHP yang telahpun menggunakan standard antarabangsa. Walau bagaimanapun, Kerajaan mengambil maklum cadangan Ahli Yang Berhormat dan penelitian sewajarnya akan dibuat bergantung kepada keperluan semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN
BANDY [KALABAKAN]**

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN BANDY [KALABAKAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menambah bilangan klinik dan membaik pulih klinik sedia ada bagi menyediakan akses perkhidmatan kesihatan yang terbaik kepada para penduduk setempat di Parlimen Kalabakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, lima (5) daripada lapan (8) buah klinik kesihatan sedia ada di Parlimen Kalabakan telah dinaik taraf pada tahun 2023 dan 2024 menerusi peruntukan klinik daif.
2. Disamping itu juga, Kementerian bercadang untuk membina dua (2) buah klinik kesihatan baharu iaitu di Pulau Sebatik dan di Pekan Kalabakan. KK Pulau Sebatik dijangka dapat ditender pada tahun ini manakala bagi KK Kalabakan yang baharu pula, sebuah tapak telah dikenal pasti bagi tujuan perolehan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD [KEPALA BATAS]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD [KEPALA BATAS] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :

a. apakah pencapaian Agenda Nasional Malaysia Sihat berdasarkan teras yang diperkenalkan

b. sejauh manakah kempen Agenda Nasional Malaysia Sihat dijalankan dan memberi kesan kepada rakyat Malaysia khususnya di Parlimen Kepala Batas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) kini di akhir Fasa Kedua iaitu 2023 hingga 2025. Sebagai peneraju Teras 1 hingga Teras 3, Kementerian Kesihatan (KKM) telah berjaya melaksanakan pelbagai inisiatif ke arah meningkatkan literasi kesihatan rakyat melalui kempen media, aktiviti jangkau luar, Jelajah ANMS dan Sambutan Bulan Malaysia Sihat Sejahtera (BMSS). Penyertaan para sukarelawan turut diperingkatkan melalui MyCHAMPION termasuk Wellness Hub (WH) dan Wellness on Wheels (WoW) yang turut diberi keutamaan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan dapat dicapai oleh semua lapisan rakyat. Manakala, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah diberi tanggungjawab untuk menerajui Teras 4 bersama-sama KKM.
2. Di bawah **Teras 1**, sepanjang 2022 hingga 2024, sesi libat urus ANMS telah melibatkan 2,722 rakan strategik terdiri daripada Sektor Awam termasuk Kementerian (1,343), Swasta/Badan Berkanun/GLC (415) dan NGO (964). Garis Panduan Pelaksanaan Projek Promosi Kesihatan oleh NGO dan GLC 2022 disediakan sebagai rujukan rakan strategik untuk turut sama memastikan keberhasilan inisiatif ANMS.
3. Dasar Literasi Kesihatan Kebangsaan (DLKK) 2025-2040 dilancarkan pada 8 Oktober 2024 sebagai perancangan strategik kerajaan bagi usaha meningkatkan tahap celik kesihatan rakyat. Pada 30 September 2024, Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengedarkan Garis Panduan Gaya Hidup Aktif Penjawat Awam melalui Inisiatif *X-Break* dan Pembudayaan Sukan yang dibangunkan oleh KKM bersama-sama Kementerian Belia dan Sukan sebagai usaha memastikan penjawat awam kekal sihat, cergas dan produktif.
4. Inisiatif Putrajaya Sihat Sejahtera (PSS) 2024-2030 dilancarkan pada 28 September 2024 bermatlamat memastikan warga penjawat awam di Putrajaya sihat sejahtera. Seramai 9,207 penjawat awam di 23 buah kementerian berjaya disaring untuk dilibatkan dalam intervensi kesihatan PSS yang akan dilaksanakan pada tahun 2025. Kejayaan inisiatif ini nanti akan diperluaskan kepada semua penjawat awam di seluruh negara termasuk pekerja sektor korporat, swasta serta NGO.

NO SOALAN : 82

5. Kempen Pembudayaan Hidup Sihat (2022-2023) dan Kempen Promosi Kesihatan Nasional (2024) berjaya meningkatkan kesedaran rakyat mengenai budaya hidup sihat melalui pelbagai bahan promosi, media sosial, media konvensional, dan pengiklanan luar. Kempen ini dilaksanakan melalui platform digital dan konvensional serta turut melibatkan *Key Opinion Leaders* (KOL) pada tahun 2024. Manakala, saluran YouTube *MyHEALTH KKM* mencapai kejayaan dengan lebih 123,000 pelanggan (Silver Creator Award) pada tahun 2024.
6. BMSS yang disambut setiap tahun pada September melibatkan penyertaan 2,026,470 orang ramai dan 3.6 juta penyertaan secara digital dalam 2,517 sesi program yang berbentuk fizikal, atas talian serta hibrid (bagi tahun 2022-2024) sebagai solidariti terhadap pembudayaan hidup sihat.
7. Bermula Oktober 2024, melalui program HePiLI (*Health Promotion in Learning Institutions*), X-Break dilaksanakan di 3,490 sekolah rendah dan 885 sekolah menengah yang mempunyai Kelab Doktor Muda. Seterusnya, X-Break Institusi Pendidikan Peringkat Kebangsaan akan dilancarkan pada tahun 2025 sebagai perluasan ke semua sekolah lain di seluruh negara bagi memperkasa komuniti sekolah untuk membudayakan hidup sihat sebagai rutin harian. Manakala, HePiLI Go Digital @DELIMA dilancarkan pada 12 Oktober 2022 bagi meningkatkan tahap literasi kesihatan di kalangan komuniti sekolah melalui Portal DELIMA. Turut dicapai adalah Himpunan Virtual HePiLI 2023 (1,005,023 penyertaan Malaysia Book of Records), Kembara BMSS Sekolah 2023 (102 sekolah dan 33,820 murid), Kembara Sihat Sejahtera HePiLI Bersama Didi & Friends 2023-2024 (113,801 pengunjung) dan bina upaya Program Siswa Sihat/PROSIS 2024 (80 siswa IPG).
8. Di bawah **Teras 2**, bermula 2021 hingga November 2024, terdapat 33 buah WH beroperasi di seluruh negara bagi menyampaikan 13 pakej perkhidmatan secara komprehensif dan bersepada memfokuskan peningkatan kemahiran komuniti terhadap kesihatan melibatkan 1,218,442 klien.
9. Manakala, bermula 2022 hingga 2024, operasi WoW menggunakan 16 buah trak dan 6 buah WoW Zoomers (kenderaan pacuan empat roda) yang bergerak membawa perkhidmatan kesejahteraan kesihatan terus kepada komuniti melalui aktiviti jangka luar telah meliputi 2,714 lokaliti melibatkan 1,128,129 klien. Kedua-dua perkhidmatan ini akan dilaksanakan di kawasan Parlimen bermula tahun 2025.

NO SOALAN : 82

10. Di bawah **Teras 3**, intervensi pengurusan berat badan (IFitEr/ I Fit dan Eat Right) dilaksanakan kepada individu berlebihan berat badan dan obes. Bermula 2021 sehingga 2024, seramai 13,076 individu telah menyertai IFitEr.
11. Sehingga akhir 2024, seramai 17,187 individu telah mendaftar sebagai sukarelawan MyCHAMPION untuk membantu KKM memperkasa komuniti melalui aktiviti pembudayaan hidup sihat dan kelestarian persekitaran. Bermula Julai 2024, pendaftaran dipermudahkan secara digital melalui aplikasi MySejahtera. Sehingga 2024, seramai 5,074 MyCHAMPION telah dilatih dan melaksanakan sekurang-kurangnya 4 inisiatif ANMS.
12. Pemberian Geran Pasukan MyCHAMPION yang diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 24 April 2024 bertujuan menggalakkan sukarelawan MyCHAMPION proaktif dalam merancang dan melaksanakan projek dan aktiviti penjagaan kesihatan yang dapat dimanfaatkan bersesuaian dengan keperluan sebenar komuniti, bermula tahun 2025.
13. Melalui kelulusan Jemaah Menteri pada 2 Ogos 2023, KKM memperluaskan Inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan (NHSI) dan pada tahun 2024 telah melibatkan saringan seramai 1,861,490 bagi individu berumur 18 tahun dan ke atas.
14. Bagi menyokong Teras 4 di bawah KPKT, sukarelawan MyCHAMPION COMBI di bawah KKM berjaya melaksanakan pelbagai aktiviti untuk memperkasakan komuniti ke arah budaya hidup sihat dan kebersihan persekitaran. Sehingga 2024, ahli MyCHAMPION COMBI di seluruh negara berjumlah 32,949 orang di 2,633 lokaliti. Bagi tempoh 2023 hingga 2024, sebanyak 11,953 ahli komuniti telah berjaya diperkasa melalui aktiviti pendidikan kesihatan berkaitan kebersihan persekitaran. Selain itu, 182,062 daripada 477,956 rumah berpenghuni (2023) dan 159,118 daripada 444,448 rumah berpenghuni (2024) dalam lokaliti COMBI terlatih berjaya melaksanakan aktiviti cari dan musnah tempat berpotensi pembiasaan nyamuk, khususnya untuk pencegahan demam denggi.
15. Bagi **Parlimen Kepala Batas** yang berada di bawah **Daerah Seberang Perai Utara (SPU)**, inisiatif ANMS turut dilaksanakan secara bersasar kepada komuniti setempat seperti berikut:
 - (a) bermula 2020 hingga November 2024, perkhidmatan Wellness Hub (WH) SPU melibatkan 49,355 klien;

NO SOALAN : 82

- (b) Sehingga 2024, Program HePiLI meliputi 44 sekolah rendah dan 15 sekolah menengah yang mempunyai Kelab Doktor Muda;
- (c) Sehingga tahun 2024, 8 sesi program BMSS telah dilaksana dengan penyertaan 5,586 orang ramai;
- (d) bermula 2022 hingga 2024, operasi WoW kepada komuniti SPU melalui aktiviti jangkau luar telah meliputi 137 lokaliti melibatkan 343 klien; dan
- (e) Sehingga 2024, ahli MyCHAMPION COMBI di SPU berjumlah 244 orang di 29 lokaliti. Bagi tempoh 2023 hingga 2024, sebanyak 421 (2023) dan 35 rumah berpenghuni (2024) dalam lokaliti COMBI terlatih berjaya melaksanakan aktiviti cari dan musnah tempat berpotensi pemberian nyamuk.
16. Manakala, bagi pencapaian **ANMS Teras 4, KPKT** memfokuskan kepada pemantapan program sedia untuk meningkatkan kesedaran rakyat mengenai kebersihan persekitaran. Antara aktiviti dilaksana adalah:
- (a) Pertandingan Premis Makanan Bersih melibatkan 19 buah medan selera tahap kebersihan premis sehingga Gred A;
- (b) Kempen Tandas Awam Bersih Peringkat Kebangsaan melibatkan 25 tandas awam dibaik pulih;
- (c) Program Pengiktirafan Komuniti Sifar Sisa (KOSIS) melibatkan 17 PPR yang melaksana;
- (d) Projek Rawatan Sisa Makanan Menggunakan *Black Soldier Fly* (BSF) kerjasama dengan Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia bagi tempoh 30 Oktober 2023 hingga 31 Disember 2023;
- (e) Pelaksanaan 3 Projek Bandar Sihat bermula 2021 dan 5 Projek Bandar Sihat pada 2024-2025; dan
- (f) Lain-lain aktiviti kesedaran seperti *World Cleanup Day*, Program Sukarelawan Hero Kebersihan, Kempen Pembitaraan Amalan 3R dan Budaya Kebersihan, Program Sanitasi Awam, Kempen Membasmi Wabak dan Hotspot Denggi serta Program Rakan Taman.

NO SOALAN : 82

17. KKM secara berterusan memastikan seluruh rakyat tidak ketinggalan dalam **Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS)** ke arah pembudayaan hidup sihat dan kelestarian kesihatan persekitaran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' DR. ZULKAFPERI BIN HANAPI [TANJONG KARANG]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB DATO' DR. ZULKAFPERI BIN HANAPI [TANJONG KARANG] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan bentuk sokongan yang disediakan oleh Kerajaan kepada syarikat tempatan bagi berdaya saing dalam pelaburan teknologi hijau dalam negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) ingin menjelaskan bahawa antara hasrat dan aspirasi Kerajaan MADANI adalah untuk melahirkan **syarikat-syarikat tempatan yang berdaya maju**, termasuk bagi syarikat-syarikat yang berkecimpung di dalam **pelaburan teknologi hijau**.
2. Malahan, Kerajaan telah merangka **pendekatan dasar** yang bersifat **komprehensif dan bersasar**, yang dilaksanakan menerusi pendekatan keseluruhan negara (*Whole-of-Nation*). Sebagai contohnya, di bawah **Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara** (*National Energy Transition Roadmap - NETR*) dan **Pelan Induk Perindustrian Baharu** (*New Industrial Masterplan – NIMP*) 2030 yang telah dilancarkan pada tahun 2023, Kerajaan telah menetapkan sasaran yang jelas ke arah mencapai **sifar bersih seawal tahun 2050**. Kedua-dua Pelan tersebut adalah **saling melengkapi**, yang mana, Pelan Tindakan 3.2 di bawah Misi 3 (*Push for Net Zero*) di bawah NIMP 2030 mengenai peralihan kepada **Tenaga Boleh Baharu** (TBB) dan **tenaga bersih** adalah **selari dan berkait rapat** dengan inisiatif **Kecekapan Tenaga dan TBB** di bawah NETR.
3. Menjawab persoalan tentang pelaburan hijau, dimaklumkan bahawa dari perspektif MITI, pelaburan hijau bukan sahaja **lebih kompetitif**, malahan adalah selari dengan ‘trend’ global pada masa kini yang memberi penekanan terhadap aspek Persekutaran, Sosial dan Tadbir Urus (*Environmental, Social and Governance - ESG*). Sehubungan itu, menyedari peri pentingnya sumbangan pelaburan hijau kepada pertumbuhan ekonomi negara, Kerajaan turut memberi fokus terhadap **pemerkasaan strategi untuk menarik pelaburan hijau** dengan meluncurkan **Strategi Pelaburan Hijau** (*Green Investment Strategy - GIS*) pada **19 Ogos 2024**. Sebagai **pelengkap** kepada NETR dan NIMP 2030, GIS telah menetapkan sasaran untuk **menarik pelaburan hijau** bernilai **RM300 bilion** menjelang **tahun 2030**, menerusi tujuh teras yang dikenalpasti iaitu **Kecekapan Tenaga, Tenaga Boleh Baharu (TBB)**,

Hidrogen, Biotenaga, Mobiliti Hijau, Pemerangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon (Carbon Capture, Utilisation and Storage - CCUS), dan Ekonomi Kitaran.

4. Pelbagai **inisiatif** dalam bentuk pemberian **insentif** dan langkah bersasar telah dan sedang dilaksanakan bagi menyokong agenda **pertumbuhan hijau** negara dan menggalakkan pelaburan termasuk daripada **syarikat-syarikat tempatan** dalam **aktiviti hijau** dan mampan serta yang berkaitan **alam sekitar** supaya mereka kekal berdaya saing. Di antara **insentif/galakan cukai** yang telah diperkenalkan adalah seperti berikut:

- i. **Galakan Cukai Teknologi Hijau** yang disediakan oleh MITI, menerusi MIDA iaitu **Elaun Cukai Pelaburan Hijau** (*Green Investment Tax Allowance - GITA*) bagi kegunaan perniagaan, dan **Green Income Tax Exemption** (*GITE*) **Solar Leasing**. Di bawah **Belanjawan 2024**, insentif cukai ini telah ditambah baik dengan pendekatan sistem '**tiering**' dan dilanjutkan sehingga **31 Disember 2026**. Skop insentif juga telah diperluaskan kepada **aktiviti hidrogen hijau, stesen penggecasan kenderaan elektrik** dan **penjanaan tenaga daripada sumber boleh baharu**, iaitu tenaga angin. Kesemua usaha ini bertujuan melonjakkan pelaburan dari kalangan syarikat-syarikat baharu dan sedia ada untuk **beralih ke arah ekonomi rendah karbon**; dan
- ii. Bagi projek teknologi hijau untuk kegunaan sendiri pula, Kerajaan melalui **Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation** (**MGTC**) juga menawarkan **Elaun Cukai Pelaburan Hijau** (*Green Investment Tax Allowance - GITA*) bagi pelaburan dalam **aset teknologi hijau yang layak, Bangunan Hijau** dan **Sistem Penyimpanan Tenaga Bateri** (*Battery Energy Storage System - BESS*), serta **sistem TBB** seperti solar, biojisim, biogas dan aset kecekapan tenaga.

5. Selain insentif/galakan cukai, Kerajaan turut menyedia dan melaksanakan beberapa inisiatif seperti berikut:

- i. **Dana Pemacu Pelaburan Domestik** (*Domestic Investment Accelerator Fund - DIAF*), khusus kepada **syarikat tempatan**, bagi menggalakkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (**PKS**) dan Syarikat Peringkat

Pertengahan (*Mid-Tier Companies - MTC*) dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan terpilih untuk **beralih kepada amalan ESG**. Dana ini, yang dikendalikan oleh MIDA, diberikan secara **padanan** dengan jumlah maksimum yang boleh dituntut sebanyak **RM500,000** bagi setiap syarikat. Pemberian dana ini merupakan langkah strategik Kerajaan bagi memastikan PKS dan MTC Malaysia **kekal relevan dan kompetitif** dalam **rantaian bekalan global** serta berpeluang menjadi sebahagian daripada **ekosistem** untuk projek pelaburan lestari;

- ii. **Pembentukan Perniagaan Lestari dan Hijau (Sustainable and Green Biz Financing – SGBF)** melalui *Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF)* yang telah diperkenalkan di bawah Perbelanjaan Pembangunan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) yang **berjumlah RM100 juta** untuk mendorong syarikat-syarikat tempatan terutamanya **PKS** di dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan untuk meningkatkan **penggunaan teknologi hijau** dan **kecekapan tenaga**. SGBF juga bertujuan untuk mempermudah pembangunan infrastruktur dan kemudahan yang diperlukan bagi **mengurangkan penggunaan sumber karbon** dan memastikan “**Matlamat Pembangunan Lestari**” (*Sustainable Development Goals – SDG*) negara dapat dicapai. SGBF disediakan untuk syarikat yang telah **beroperasi sekurang-kurangnya enam (6) bulan** dengan had pembiayaan di antara **RM100 ribu hingga RM10 juta** bagi pembelian **aset tetap serta modal kerja** dengan kadar pembiayaan serendah dua peratus setahun;
- iii. MITI juga sedang mempergiat beberapa inisiatif berkaitan **taman perindustrian** yang **lebih mampan** serta menarik **pelaburan berteknologi hijau** melalui beberapa inisiatif seperti berikut:

- **Mentransformasi taman perindustrian** sedia ada kepada Taman Perindustrian Eko (*Eco-Industrial Park - EIP*). Rangka kerja elemen EIP ini **sedang dibangunkan** oleh SIRIM di mana **jaringan simbiosis (symbiosis network)** bakal diperkenalkan agar syarikat-syarikat yang beroperasi di taman perindustrian dapat **mengoptimumkan penggunaan semula bahan buangan atau produk sampingan**. Ini seterusnya dapat menyokong ketersediaan

jangka panjang syarikat ke arah pembangunan yang lebih **inklusif dan lestari**;

- Meningkatkan pelaburan yang berkaitan projek **teknologi hijau** seperti projek **hab hidrogen hijau dan taman perindustrian hijau**. Sebagai **contoh**, MIDA sedang dalam peringkat akhir penyediaan **Standard Penarafan Bintang** untuk **taman-taman perindustrian**. Standard ini akan digunakan sebagai **asas penanda aras prestasi, meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti serta menarik pelaburan**; dan
 - **Bank Negara Malaysia** dengan kerjasama MITI dan MIDA juga sedang melaksanakan **inisiatif Greening the Industrial Parks** yang turut mengambil kira **elemen pembiayaan hijau** atau *green financing*. Ini merupakan salah satu usaha dalam menggalakkan taman-taman perindustrian sedia ada **beralih kepada aspek lestari dan hijau**.
- iv. Kerajaan juga menyediakan **pembiayaan khusus** melalui agensi seperti **MGTC** dan **Bank Pembangunan Malaysia Berhad** iaitu **Dana Teknologi Hijau (Green Technology Financing Scheme, GTFS)**. GTFS merupakan program pembiayaan yang membantu syarikat mendapatkan **modal untuk projek teknologi hijau** dengan kadar faedah yang lebih rendah. Ianya memberikan kelebihan kepada syarikat tempatan untuk meneroka dan melaksanakan **inovasi hijau** tanpa tekanan kewangan yang besar; dan
- v. Bagi meningkatkan daya saing syarikat tempatan di persada antarabangsa, MIDA juga **menghubungkan syarikat multinasional** (*multinational companies* - MNC) dan **syarikat luar negara** dengan **syarikat tempatan** melalui inisiatif seperti program jangkauan (**outreach programmes**), program pengembangan vendor, seminar, mesyuarat meja bulat dan dialog. MIDA turut menyediakan platform pemedanan aktiviti perniagaan (**business matching**) di antara **syarikat tempatan dan luar negara**, serta merancang dan menyelaraskan hubungan dengan syarikat tempatan yang berpotensi untuk membuat pelaburan dalam **aktiviti**

bernilai tambah, berteknologi tinggi dan berasaskan inovasi teknologi hijau.

6. MITI menerusi MIDA sentiasa **komited** dan **proaktif** dalam memberi **sokongan** kepada syarikat tempatan untuk terus meningkatkan daya saing dan dalam masa yang sama, **menggalakkan pelaburan** dalam **sektor** teknologi hijau. Hasrat dan usaha berterusan ini dilaksana ke arah memacu ekonomi yang berasaskan **kesejahteraan terangkum** dan menjadikan Malaysia **kekal** sebagai **destinasi pelaburan yang terpilih**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI [LUBOK ANTU]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI [LUBOK ANTU] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adalah dijangkakan bahawa rasionalisasi subsidi RON95 akan dilaksanakan pada tahun 2025 maka apakah implikasi kenaikan ini kepada Indeks Harga Pengguna (IHP) kumpulan makanan dan minuman serta kumpulan pengangkutan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Belanjawan 2025 pada 18 Oktober 2024 telah mengumumkan bahawa Kerajaan akan melaksanakan subsidi RON95 pada pertengahan tahun 2025. Kerajaan juga komited dalam memastikan pelaksanaan penyasaran subsidi RON95 akan meliputi 85 peratus rakyat yang layak menerima subsidi. Langkah melaksanakan penyasaran subsidi dan bantuan sosial bertujuan untuk memastikan kedudukan fiskal yang lebih kukuh, sekaligus meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam dan pembangunan sosioekonomi yang mampan.

Pengiraan inflasi pula adalah berdasarkan Indeks Harga Pengguna (IHP) yang mengukur perubahan harga bakul barang dan perkhidmatan yang dibeli oleh pengguna dalam negara. Bakul ini mengandungi sebanyak 573 item barang dan perkhidmatan yang dipilih serta dikelaskan mengikut 13 kumpulan utama dengan wajaran tertentu, berdasarkan perbelanjaan bagi setiap kumpulan tersebut. Kadar inflasi Malaysia menyederhana serta kekal berada pada atau di bawah 2% sejak Julai 2023. Pada bulan Disember 2024, kadar inflasi terus menyederhana dan merekodkan 1.7%, manakala inflasi keseluruhan bagi tahun yang sama ialah sebanyak 1.8%.

Sebarang kenaikan harga di pam bagi RON95 dijangka akan memberi kesan kepada kadar inflasi, terutamanya melibatkan kumpulan Makanan dan kumpulan Pengangkutan. Kenaikan harga petrol secara tidak langsung akan turut meningkatkan kos logistik dan pengedaran bahan makanan, sekaligus memberi kesan kepada harga bahan makanan. Selain itu, pengguna kenderaan persendirian turut akan menerima kesan di atas kenaikan harga RON95.

Namun, dijangka kesan tersebut tidak begitu ketara memandangkan 85 peratus rakyat masih menikmati subsidi bagi RON95. Jangkaan ini berdasarkan kepada unjuran rasmi yang diterbitkan dalam Belanjawan 2025, iaitu peningkatan kadar inflasi dijangka hanya di antara 2.0% hingga 3.5%. Selain itu, Kerajaan turut mengunjurkan inflasi secara keseluruhannya kekal terkawal berikutan pemulihan dalam bekalan global serta penyederhanaan harga komoditi global.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO ANYI NGAU [BARAM]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB DATO ANYI NGAU [BARAM] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan peruntukan tahunan perkhidmatan '*flying doctor*' di Sarawak dan Sabah sejak tahun 2022-2025 serta perkhidmatan ambulans di pedalaman Sarawak amnya dan Baram khasnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi tujuan meningkatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia menyediakan Perkhidmatan Klinik Bergerak kepada masyarakat yang tinggal jauh dari klinik statik. Perkhidmatan Klinik Bergerak ini dilaksanakan melalui lawatan secara berjadual oleh pasukan dari klinik kesihatan / Pejabat Kesihatan Daerah menggunakan pengangkutan darat, air atau udara. Pemilihan mod pengangkutan ini adalah bergantung kepada jaringan pengangkutan yang bersesuaian untuk sampai ke lokasi.
2. Bagi pasukan Perkhidmatan Klinik Bergerak yang menggunakan pengangkutan udara, pasukan ini juga dikenali sebagai Pasukan Doktor Udara (Flying Doctor Service - FDS). Di Kementerian Kesihatan Malaysia, FDS ini dilaksanakan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah dan Jabatan Kesihatan Negeri Perak. Bagi Sarawak, FDS dilaksanakan dari tiga base (dengan izin) penerbangan iaitu di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, Lapangan Terbang Sibu dan Lapangan Terbang Miri. Manakala bagi Sabah, penerbangan adalah dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu.
3. Pada tahun 2024, sebanyak RM16.18 juta peruntukan khusus telah disalurkan untuk Perkhidmatan Klinik Bergerak. Daripada keseluruhan peruntukan Perkhidmatan Klinik Bergerak, sebanyak RM12.38 juta (76.5%) adalah untuk sewaan helikopter atau perkhidmatan penerbangan bagi FDS. Daripada jumlah tersebut:
 - (a) Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak telah diperuntukkan sebanyak RM8.30 juta;
 - (b) Jabatan Kesihatan Negeri Sabah RM2.13 juta; dan
 - (c) Jabatan Kesihatan Negeri Perak RM1.96 juta.

NO SOALAN : 85

4. Pecahan mengikut tahun dari tahun 2022 hingga 2024 bagi negeri Sabah dan Sarawak ialah:

PERBELANJAAN	FDS JKN Sarawak (sewaan 3 helikopter <i>twin engine</i>) (RM)	FDS JKN Sabah (sewaan 1 helikopter <i>single engine</i>) (RM)
2022	8,242,390.00	2,126,400.00
2023	7,702,080.00	2,126,400.00
2024	8,295,640.00	2,126,400.00
PURATA	8,080,036.67	2,126,400.00

5. Bagi mengendalikan kes-kes kecemasan di pedalaman pula, kerajaan juga menyediakan perkhidmatan ambulans yang ditempatkan di klinik-klinik kesihatan di pedalaman. Sehingga tahun 2024, sebanyak 77 unit ambulans pelbagai jenis termasuk van dan 4WD, telah ditempatkan di klinik-klinik kesihatan di pedalaman Sarawak. Bagi kawasan Parlimen Baram pula, sebanyak lima (5) buah klinik mempunyai ambulans jenis 4WD iaitu ditempatkan di KK Long Banga, KK Lio Mato, KK Long San, KK Long Lama dan KK Long Jekitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN CHA KEE CHIN [RASAH] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan status terkini Reformasi Industri Padi dan Beras Negara yang telah bermula pada Oktober 2024 dengan memberikan pencerahan khusus tentang mekanisme larangan mencampur beras putih tempatan dan beras putih import dan bagaimana penguatkuasanya di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, KPKM telah merombak strategi melalui pelaksanaan reformasi menyeluruh dalam industri padi dan beras secara berfasa sejak Oktober 2024 yang bertujuan untuk meningkatkan daya saing industri, memperkuat kebijakan pesawah serta menjamin bekalan beras negara.
2. Bagi memastikan langkah reformasi ini mencapai matlamat yang diharatkannya, kemajuan pelaksanaan langkah reformasi ini perlu dilaporkan dari semasa ke semasa kepada Pasukan Petugas Khas Reformasi Sektor Awam (STAR) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN). Pada masa ini, sebanyak tiga (3) langkah reformasi fasa pertama sedang dilaksanakan dan mendapat kerjasama yang baik dari pemegang taruh yang terlibat. Perincian status terkini pelaksanaan langkah reformasi fasa pertama adalah seperti berikut:
 - (i) Pertama: Pemantapan tatakelola melalui pengasingan kuasa melibatkan Bahagian Pembangunan Industri Padi (PIP), Kawalselia Padi Beras (KPB) dan wakil Kerajaan dalam Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) telah selesai dilaksanakan dengan pelantikan individu yang berbeza bagi ketiga-tiga portfolio;
 - (ii) Kedua: Mewujudkan peraturan baharu larangan percampuran beras putih tempatan dengan beras putih import. Susulan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Keterjaminan Makanan Negara (JKKMN) Bilangan 2 Tahun 2024 yang dipengerusikan YAB Perdana Menteri pada 17 Disember 2024 yang lalu, KPKM juga telah diminta mengkaji mekanisme untuk mengawal percampuran BPT dan BPI serta simulasi harga bagi kategori beras campuran secara komprehensif untuk pertimbangan Jemaah Menteri. Untuk makluman, mekanisme bagi mengawal percampuran merupakan sebahagian daripada syor yang dikemukakan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sebagai kaedah penyelesaian masalah bekalan beras;
 - (iii) Ketiga: Penggabungan penguatkuasa di bawah KPKM bagi memperkuat kawal selia sektor agromakanan. KPKM sedang

NO SOALAN : 86

memuktamadkan kertas untuk pertimbangan dan kelulusan Jemaah Menteri dalam masa terdekat; dan

- (iv) Keempat: Reformasi pentadbiran Lembaga Pertubuhan Peladang dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) sedang giat dilaksanakan.
3. Berhubung perincian mengenai larangan percampuran beras putih tempatan dengan beras putih import yang dimohon oleh Ahli Yang Berhormat ini, ia sedang dimuktamadkan dan akan dimaklumkan setelah mendapat persetujuan oleh Kerajaan.
4. Untuk makluman juga, KPKM turut membuat penilaian jangka pendek, sederhana dan panjang sekiranya langkah-langkah tersebut dilaksanakan bagi memastikan industri padi dan beras terus mampan dan berdaya saing. Justeru, KPKM memerlukan sedikit masa lagi sebelum satu penyelesaian tuntas dapat diumumkan kepada semua pihak. Adalah diharapkan, segala usaha yang sedang dilaksanakan mendapat sokongan dari semua pihak demi kebaikan serta masa depan industri padi dan beras negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kementerian bercadang menyediakan peruntukan khas untuk membina rumah ganti bagi mangsa kebakaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Program Perumahan Rakyat Sejahtera (PPRS) mensasarkan Ketua Isi Rumah miskin dan miskin tegar yang berada di kawasan luar bandar dan bertujuan untuk menyediakan tempat kediaman yang lebih selamat dan selesa kepada golongan berkenaan. Keutamaan diberikan kepada warga emas, Orang Kurang Upaya (OKU), ibu/bapa tunggal yang mempunyai tanggungan ramai dan mangsa bencana yang berskala kecil.

Buat masa ini, bantuan kepada mangsa bencana diberikan dalam skala kecil dengan menggunakan peruntukan dan kuota tahunan sedia ada. Sebarang peruntukan khusus berkaitan bencana adalah tertakluk kepada kelulusan Kementerian Kewangan dan Kementerian Ekonomi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' ADNAN BIN ABU HASSAN [KUALA PILAH]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB DATO' ADNAN BIN ABU HASSAN [KUALA PILAH] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah usahasama strategik atau hasil pelaburan jangka masa panjang yang berjaya disepakati susulan daripada lawatan kerja Perdana Menteri ke Emiriah Arab Bersatu (UAE) baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Pertama sekali, lawatan kerja YAB Perdana Menteri ke UAE telah mencatat kejayaan melalui pemeteraian Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Malaysia-UAE (*Malaysia-UAE Comprehensive Economic Partnership Agreement - MY-UAE CEPA*) yang telah ditandatangani oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri bagi pihak Malaysia dan Menteri Negara bagi Perdagangan Luar UAE dan disaksikan oleh YAB Perdana Menteri dan YAM Sheikh Mohammed bin Zayed Al Nahyan, Presiden UAE merangkap Pemerintah Abu Dhabi.
2. Untuk makluman, kejayaan menamatkan rundingan MY-UAE CEPA dalam masa kurang lebih 11 bulan menjadikan MY-UAE CEPA rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (*Free Trade Agreement – FTA*) Malaysia yang terpantas, dan merupakan FTA pertama Malaysia dengan negara-negara Majlis Kerjasama Teluk (*Gulf Cooperation Council – GCC*). Dengan penguatkuasaan MY-UAE CEPA, Malaysia **menyasarkan peningkatan jumlah perdagangan dua hala sebanyak 60 peratus dalam tempoh lima tahun.**
3. Di samping itu, usaha dan komitmen kedua-dua negara adalah jelas untuk meningkatkan kerjasama ekonomi dua hala ke tahap yang lebih tinggi dan komprehensif, meliputi bidang kerjasama konvensional FTA, serta bidang baharu seperti kerjasama dalam ekonomi Islam, yang pertama sekali diperkenalkan dalam mana-mana FTA Malaysia. Justeru, MY-UAE CEPA dijangka menjadi pemangkin kepada peningkatan prestasi perdagangan dua hala Malaysia-UAE, rantau GCC, serta rantau Timur Tengah dan Afrika Utara (*Middle East and North Africa – MENA*).
4. Selain itu, YAB Perdana Menteri juga telah mengadakan mesyuarat bersemuka dengan sebuah syarikat tenaga boleh baharu iaitu *Abu Dhabi Future Energy Company PJSC (MASDAR)* dan dua syarikat Dana Kekayaan Berdaulat UAE iaitu *Abu Dhabi Investment Authority (ADIA)* dan *Mubadala Investment Company (Mubadala)* yang telah menyatakan

hasrat untuk berkolaborasi dan melabur di Malaysia dalam bidang/projek berpotensi seperti dalam sektor tenaga hijau, Grid Kuasa ASEAN, pusat data, perbuatan termaju, semikonduktor, transformasi Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), dan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ).

5. Pertemuan dengan Mubadala juga telah membincangkan hal-hal berkaitan pengeluaran gas asli cecair (*liquefied natural gas - LNG*) dan pembangunan infrastruktur berkaitan gas, serta pembangunan rantai nilai seperti hidrogen biru dan penangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon (*carbon capture, utilisation and storage - CCUS*).
6. Kunjungan hormat YAB Perdana Menteri ke atas YAM Presiden UAE merangkap pemerintah Abu Dhabi, serta YM Sheikh Mohammed bin Rashid Al-Maktoum, Naib Presiden UAE merangkap pemerintah Dubai, turut memperkuuh komitmen kedua-dua negara terhadap kerjasama strategik yang dirancang. Kerjasama ini dijangka memberi impak positif kepada pembangunan ekonomi dalam jangka pendek dan panjang, di samping memanfaatkan kepakaran yang ditawarkan oleh UAE.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK DR. AHMAD MARZUK BIN
SHAARY [PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB DATUK DR. AHMAD MARZUK BIN SHAARY [PENGKALAN CHEPA] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan inisiatif yang dirangka oleh PLAN Malaysia dalam merancang pembangunan infrastruktur EV dan sejauh mana kerangka tersebut diterima oleh PBT.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan MADANI sentiasa kreatif dan inovatif bagi memastikan Malaysia sebagai **negara rendah karbon melalui perancangan infrastruktur EV** dapat mengurangkan pencemaran udara dan kesan negatif terhadap kesihatan manusia sekaligus dapat meningkatkan kualiti hidup rakyat bagi mencapai hasrat bandar yang mampan dan berdaya huni. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) telah menyediakan **Garis Panduan Perancangan Petak Pengecasan Kenderaan Elektrik (Electric Vehicle Charging Bay) (GPP EVCB)**. GPP EVCB ini telah diluluskan dalam Mesyuarat **Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN)** yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 18 Oktober 2023 dan diterima pakai di 11 negeri dan dua (2) Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Perbadanan Putrajaya dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

GPP EVCB membantu Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan semua pihak yang terlibat dalam merancang, mereka bentuk dan mengawal pembangunan khususnya **penyediaan pelan pembangunan dan pertimbangan terhadap permohonan Kebenaran Merancang (KM) serta permit pembinaan** bagi EVCB serta untuk mengurangkan birokrasi yang menjelaskan tempoh kelulusan pembinaan infrastruktur pengecasan supaya sasaran pembangunan **10,000 EVCB dapat dicapai menjelang 2025**.

GPP ini mengandungi dua (2) skop utama iaitu:

1. Garis panduan perancangan dan reka bentuk EVCB yang telah merangkumi keperluan Garis Panduan Keselamatan Kebakaran Bagi *Electric Vehicle Charging Bay (EVCB)* di Premis yang disediakan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM); dan
2. Prosedur permohonan dan kelulusan pemajuan EVCB selaras dengan Manual OSC 3.0 Plus oleh KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT).

GPP ini merangkumi panduan perancangan dan reka bentuk bagi penyediaan EVCB di **pembangunan sedia ada dan pembangunan baharu**, mengikut jenis peranti pengecasan, iaitu peranti **jenis arus ganti (alternating current - AC)** atau **peranti jenis arus terus (direct current - DC)**, yang mematuhi ketetapan *Guide on Electric Vehicle Charging System (EVCS), 2021* oleh Suruhanjaya Tenaga (ST).

Kepentingan garis panduan perancangan dan prosedur permohonan pemajuan EVCB adalah supaya pihak PBT **mempunyai proses dan prosedur yang seragam, mudah dan selaras** bagi mempercepatkan proses penyediaan infrastruktur EVCB yang lengkap, agar dapat mengembangkan penggunaan EV di negara ini. Merujuk kepada **Malaysia Electric Vehicle Charging Network (MEVnet)** yang dibangunkan oleh PLANMalaysia dengan kerjasama MGTC, sehingga 31 Oktober 2024, sebanyak **3,354 EVCB telah dibina di seluruh negara**.

Secara kesimpulannya, Kerajaan MADANI akan sentiasa bersama-sama PBN dan PBT memainkan peranan memastikan perancangan secara holistik bagi pelaksanaan pembangunan infrastruktur EV agar kemampuan pembangunan dapat direalisasikan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI UTAMA HASNI BIN
MOHAMMAD [SIMPANG RENGGAM]**

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB DATUK SERI UTAMA HASNI BIN MOHAMMAD [SIMPANG RENGGAM] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan bagaimana strategi pelaburan hijau Malaysia disesuaikan dengan standard ESG dan tuntutan rantai bekalan hijau global serta sejauh mana Kerajaan bersedia memenuhi keperluan ini pada skala lebih besar.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kerajaan sentiasa komited untuk menjadikan Malaysia **sebagai destinasi pelaburan utama** di rantau ini melalui pelbagai usaha berterusan untuk menarik lebih banyak pelaburan berkualiti tinggi. Di samping itu, Kerajaan juga komited untuk membantu para pelabur khususnya Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dalam memenuhi standard Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dan tuntutan rantaian bekalan hijau global.
2. Dalam memastikan Malaysia dapat menarik lebih banyak pelaburan hijau, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) telah mengumumkan **Strategi Pelaburan Hijau (GIS)** pada **19 Ogos 2024** dengan sasaran untuk menarik pelaburan hijau bernilai **RM305 bilion** menjelang **2030** dalam **tujuh low-carbon Levers** yang dikenalpasti iaitu **Kecekapan Tenaga, Tenaga Boleh Baharu, Hidrogen, Biotenaga, Mobiliti Hijau, Pemerangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon (CCUS)** dan **Ekonomi Kitaran**. Sepanjang tempoh **Januari sehingga September 2024**, MIDA telah meluluskan **681 projek** berkaitan pelaburan hijau dengan nilai pelaburan sebanyak **RM8.7 bilion**.
3. Pada 2 Oktober 2023, MITI telah melancarkan Rangka Kerja Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus Industri Kebangsaan (i-ESG) bagi sektor pembuatan. Pelaksanaan Rangka Kerja i-ESG akan meningkatkan **ketersediaan** industri ke arah pematuhan ESG dan ianya dijangka mampu menyelaraskan keperluan standard ESG untuk disesuaikan dengan tuntutan rantaian bekalan hijau global. Rangka kerja i-ESG ini merupakan **pelan tindakan 3.1.4** di bawah **Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 20230)** dan **menyokong** program-program peralihan di bawah **Misi 3 –Push for Net Zero**.
4. Melangkah ke hadapan, Kerajaan telah mengambil pendekatan reformasi terhadap mekanisme pemberian insentif cukai dengan

memperkenalkan **Kerangka Insentif Pelaburan Baharu (New Investment Incentive Framework)** bagi menambah baik amalan mekanisme sedia ada yang menawarkan insentif pelaburan berteraskan berasaskan produk atau aktiviti tertentu. Kerangka insentif pelaburan baharu juga akan menumpukan kepada **aktiviti bernilai tinggi** dan menyumbang kesan limpahan ekonomi termasuk pelaburan berlandaskan ESG. Selain itu, kerajaan juga komited untuk memperkenalkan **cukai karbon** menjelang tahun 2026 terutama bagi sektor *hard-to-abate* iaitu besi dan keluli selaras dengan Pelan Tindakan yang digariskan di dalam NIMP 2030. Ini menunjukkan komitmen Kerajaan untuk memenuhi keperluan amalan hijau dan ESG global pada skala lebih besar di masa hadapan.

5. Kerajaan juga telah menyediakan beberapa inisiatif sedia ada dalam bentuk **galakan** cukai dan geran padanan yang boleh dimanfaatkan oleh para pelabur untuk mengadaptasi elemen ESG dan tuntutan rantai bekalan hijau global seperti berikut:

- i. **Galakan Cukai Teknologi Hijau** di mana galakan ini telah ditambahbaik dengan pendekatan **sistem tiering** serta dilanjutkan sehingga 31 Disember 2026. Projek pelaburan untuk mengadaptasi teknologi hijau seperti teknologi **Tenaga Boleh Baharu (TBB)**, **Peralatan Cekap Tenaga** boleh dipertimbangkan galakan Elaun Cukai Pelaburan ke atas perbelanjaan modal bagi aktiviti hijau yang layak;
- ii. **Dana Pemacu Pelaburan Domestik (Domestic Investment Accelerator Fund – DIAF) ESG** khusus bagi PMKS dan syarikat pertengahan (MTC) bagi membantu syarikat mendapatkan persijilan atau verifikasi dalam mengadaptasi ESG; dan
- iii. **Galakan Cukai bagi syarikat yang menjalankan aktiviti yang digalakkan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan (PIA), 1986** boleh dipertimbangkan insentif galakan cukai seperti **Galakan Taraf Perintis (Pioneer Status - PS)** iaitu **pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% atau 100%** daripada pendapatan berkanun bagi **tempoh 5 atau 10 tahun**; atau **Elaun Cukai**

Pelaburan (Investment Tax Allowance - ITA) iaitu **elaun sebanyak 60% atau 100%** daripada jumlah perbelanjaan modal yang layak yang dibuat oleh syarikat dalam **tempoh 5 atau 10 tahun**. Syarikat boleh membuat penolakan bagi elaun ini bagi 70% atau 100% daripada pendapatan berkanunnya untuk setiap tahun taksiran. Antara aktiviti berkaitan **pelaburan hijau** yang boleh dipertimbangkan adalah **penghasilan produk bernilai tambah tinggi menggunakan sumber biojisim, aktiviti perkilangan berkaitan sisa kitar semula, pemasangan kenderaan cekap tenaga (EEV) temasuklah kenderaan elektrik dan pemasangan peralatan pengecasan kenderaan elektrik.**

6. Secara keseluruhannya, inisiatif-inisiatif Kerajaan yang berkaitan dengan ESG ini **memainkan** peranan penting dalam memacu pelaburan yang berasaskan prinsip ESG, sambil meningkatkan persepsi global terhadap industri dan perniagaan di Malaysia yang menekankan aspek kemampanan. Langkah ini bukan sahaja dapat meningkatkan kualiti pelaburan, tetapi juga memberi kesan positif kepada pertumbuhan ekonomi negara secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE [TEBRAU]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE [TEBRAU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kenaikan kos rawatan hospital swasta amat melampau, bagaimana Kementerian akan mengambil langkah untuk tangani isu ini dan adakah Kementerian sedia untuk mengawal selia caj perubatan hospital swasta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, kos rawatan di hospital swasta adalah terdiri daripada fi hospital dan fi profesional. Fi profesional yang terdiri daripada fi perundingan dan fi tatacara dikawal selia oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berdasarkan Jadual Ketiga Belas, Perintah Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) (Pindaan 2013) yang berkuatkuasa sejak tahun 2006. Jadual ini memperuntukkan harga siling atau had maksimum bagi fi profesional pengamal perubatan dan pergigian swasta.
2. Walau bagaimanapun, fi hospital yang antara lainnya terdiri daripada caj perkhidmatan kejururawatan, caj peralatan perubatan, caj alat pakai buang (jarum, picagari, gauze dan lain lain), caj ujian makmal tidak dikawal selia oleh KKM.
3. Beberapa kekangan dalam mengawal selia fi hospital telah dikenal pasti yang mana antaranya adalah kos operasi hospital seperti kos sewaan dan penyelenggaraan fasiliti yang berbeza mengikut saiz, jenis perkhidmatan yang ditawarkan dan lokasi hospital. Selain itu, kos peralatan perubatan, kos alat pakai buang seperti jarum, picagari dan gauze, serta kos ujian makmal juga sukar untuk ditetapkan kerana ia bergantung kepada harga pasaran.
4. Namun begitu, bagi memastikan kos rawatan di hospital swasta tidak meningkat dengan sewenang-wenangnya, KKM telah mengambil langkah-langkah berikut:
 - i. Memastikan hospital mengadakan prosedur ketidakpuasan hati (grievance procedure) ke atas semua aduan;
 - ii. Memastikan ketidakpuasan hati atau aduan daripada pelbagai pihak mengenai fi disemak dan disiasat;
 - iii. Memastikan hospital swasta serta pengamal perubatan dan pergigian swasta mematuhi fi profesional seperti yang termaktub di dalam Jadual Ketiga Belas; dan

NO SOALAN : 91

- iv. Membolehkan pesakit mendapat maklumat mengenai anggaran caj yang akan dikenakan sebelum rawatan dimulakan melalui financial counselling oleh hospital swasta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN LEE CHEAN CHUNG [PETALING JAYA]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN LEE CHEAN CHUNG [PETALING JAYA] minta MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI menyatakan bagaimana insentif yang ditetapkan hanya dikhususkan untuk pelaburan *High Growth High Value*, serta apakah mekanisme pemantauan supaya industri terus menaik taraf produktiviti mereka selepas pelupusan insentif mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan melalui Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dan agensinya iaitu Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) sentiasa **komited** di dalam memastikan pendekatan dasar dan galakan adalah **fokus** untuk **menarik pelaburan berkualiti dan berteknologi tinggi**, khususnya pelaburan **High Growth High Value (HGHV)**. Komitmen ini adalah sejajar dengan **teras** yang ditetapkan di dalam Aspirasi Pelaburan Nasional (**New Investment Aspirations - NIA**) yang memberi penekanan kepada aspek-aspek berikut:

- i. Meningkatkan **kompleksiti ekonomi**;
- ii. Menjana **peluang pekerjaan** bernilai tinggi;
- iii. Memperluaskan **hubungan domestik**;
- iv. Membangunkan **kluster ekonomi baharu** dan memperkasakan ekonomi sedia ada;
- v. Memperluaskan **keterangkuman**; *dan*
- vi. Menerapkan amalan baik **Environmental, Social, and Governance (ESG)**.

2. Kerajaan melihat bahawa pelaburan yang berkualiti dan berteknologi tinggi serta **berasaskan kemahiran dan inovasi** akan memberi **pelbagai manfaat kepada negara**, termasuk dari segi pertumbuhan **ekonomi, pembangunan industri** dan peningkatan taraf hidup rakyat. **Kesan limpahan ekonomi** yang disumbangkan oleh projek-projek pelaburan, terutamanya projek HGHV dalam pelbagai aspek, antaranya adalah seperti berikut:

- i. Sumbangan langsung terhadap **pertumbuhan ekonomi negara** memandangkan pelaburan juga merupakan salah satu komponen langsung bagi **Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)**;

- ii. **Peluang pekerjaan baharu yang berkualiti tinggi** akan dapat meningkatkan taraf hidup rakyat dengan **gaji** yang lebih **kompetitif**;
 - iii. **Peluang perniagaan baharu** bagi vendor-vendor tempatan dalam membekalkan bahan mentah, mesin dan peralatan serta perkhidmatan berkaitan pelaburan (*manufacturing-related services*);
 - iv. **Pembangunan ekosistem industri tempatan** terutama apabila pelaburan yang dibawa masuk merupakan **pelengkap** bagi sesebuah **rantaian bekalan**;
 - v. **Pemindahan kemahiran** bagi **membangunkan bakat tempatan** melalui kerjasama antara **industri dan institusi pengajian tinggi** bagi melatih rakyat tempatan dengan kemahiran yang diperlukan oleh industri seperti program latihan industri (*internship*); and
 - vi. **Peluang perniagaan** kepada penduduk setempat. Penubuhan sesebuah projek pengilangan berskala besar secara tidak langsung akan membuka peluang perniagaan kepada peniaga-peniaga kecil di kawasan tersebut seperti aktiviti pembekalan, peruncitan, logistik dan lain-lain.
3. Selain itu, **usaha proaktif** dalam **menarik pelaburan berkualiti** turut dilaksana menerusi **pendekatan reformasi** terhadap **mekanisme pemberian insentif cukai**, misalnya menerusi:

i. Kerangka Insentif Pelaburan Baharu (*New Investment Incentive Framework - NIIF*)

Sebagaimana yang telah diumumkan di dalam **Belanjawan 2025**, NIIF akan dilaksanakan pada **suku ketiga 2025**. Berbanding amalan atau mekanisme sedia ada yang menawarkan insentif pelaburan berteraskan/berasaskan produk atau aktiviti tertentu, NIIF memberi tumpuan kepada **aktiviti bernilai tinggi** dan **kesan limpahan ekonomi** bagi cadangan pelaburan yang dikemukakan. **Mekanisme baharu** ini akan dapat **memastikan kadar insentif yang lebih baik** diberikan kepada pelaburan yang bersifat **HGHV**; and

ii. **Pendekatan Keberhasilan (*Outcome-based Approach*) bagi Industri yang Disasarkan**

Semasa **Belanjawan 2024**, Kerajaan telah memperkenal dan menambahbaik insentif cukai dengan menggunakan pendekatan keberhasilan (*outcome-based approach*) bagi industri yang disasarkan. Antara galakan cukai yang telah diperkenalkan menggunakan pendekatan keberhasilan ini adalah **Galakan Cukai Teknologi Hijau** dan **Galakan Pelaburan Semula** di bawah Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (*New Industrial Master Plan – NIMP*) 2030.

4. Dalam usaha menggalakkan pelaburan HGV, MIDA turut menyediakan insentif berbentuk galakan cukai melalui **Elaun Modal Automasi (Automation Capital Allowance – Automation CA)** bagi penggunaan **automasi dan adaptasi Industri 4.0** di kalangan syarikat-syarikat di dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Insentif ini membolehkan syarikat menuntut sebanyak **200%** iaitu **sehingga RM10 juta** bagi perbelanjaan yang layak tersebut. Insentif ini telah diperkenalkan melalui Belanjawan 2015 dan telah dilanjutkan sehingga tahun 2027.
5. Selain itu, bagi menggalakkan syarikat atau industri untuk meningkatkan penggunaan teknologi dan automasi sekaligus meningkatkan produktiviti, YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Belanjawan 2025 juga telah memaklumkan bahawa Kerajaan akan melaksanakan **Mekanisme Levi Pelbagai Peringkat (Multi-tier Levy Mechanism - MTLM)** pada awal tahun 2025. Setelah dilaksanakan kelak, **levi yang dikutip menerusi MTLM ini akan disalurkan semula kepada pihak industri** untuk aktiviti yang berkaitan tersebut, yang mana ianya juga akan dapat **mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing** dan seterusnya bakal menyumbang kepada **peningkatan daya saing Malaysia di peringkat global**.

MEKANISME PEMANTAUAN BAGI PENINGKATAN PRODUKTIVITI

6. Menjawab persoalan mengenai **mekanisme pemantauan** supaya **industri** terus menaik taraf atau **meningkatkan produktiviti** selepas pelupusan insentif, MIDA selaku Agensi Penggalakan Pelaburan utama negara sentiasa mengadakan **sesi libat urus bersama syarikat** dalam menggalakkan pelaksanaan aktiviti **pembesaran dan pelbagai** selepas tamat tempoh insentif yang ditawarkan.
7. MITI dan MIDA juga sedang menjalankan kajian untuk menambahbaik **Akta Penyelaras Perindustrian (Industrial Coordination Act - ICA), 1975**. Kajian semula akta ini adalah sebagai salah satu inisiatif untuk **memantau perkembangan** sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitan perkilangan, serta memastikan **pertumbuhan** yang lebih **teratur dan relevan** dengan perkembangan dan tren di peringkat **serantau dan global**.
8. Melangkah ke hadapan, Kerajaan akan terus melipatgandakan usaha dalam memperkenalkan **reformasi polisi** bagi meningkatkan lagi **keyakinan para pelabur** serta **mengukuhkan kedudukan** Malaysia sebagai **destinasi pelaburan pilihan**. Segala usaha yang telah dilaksanakan akan sentiasa ditambahbaik mengikut keperluan dan maklum balas daripada semua pemegang taruh berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN LEE CHEAN CHUNG [PETALING JAYA]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN LEE CHEAN CHUNG [PETALING JAYA] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan adakah terdapat perancangan Kementerian untuk membina sebuah balai bomba di Taman Medan memandangkan terdapat lot/tanah rizab sedia ada untuk pembinaan tersebut dan apakah pelan mitigasi untuk menangani risiko keselamatan di Taman Medan yang berada jauh dari balai bomba yang lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ingin menzahirkan ucapan ribuan terima kasih di atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat berhubung isu pembinaan balai bomba di Taman Medan dalam memastikan aspek keselamatan dapat terus dipertingkatkan kepada masyarakat setempat. Tidak dinafikan bahawa **Kerajaan MADANI** yang mentadbir negara pada masa kini, sentiasa fokus dan komited untuk memastikan **tiada jurang dalam penyampaian perkhidmatan Kerajaan**, malah ia merentas kepelbagaian geografi penduduk selaras dengan prinsip **Leave No One Behind**. Ia juga selari dengan hasrat Kerajaan sedia ada melalui **Kerangka Strategik Malaysia MADANI** di bawah strategi **Meningkatkan Keselamatan Negara (Teras Strategik 3)**.

Pada masa kini, Kementerian masih belum mempunyai perancangan membina Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) baharu memandangkan kawasan Taman Medan berada di bawah jagaan **BBP Jalan Penchala, Petaling Jaya** dengan jarak **7.7km** yang mengambil masa **13 minit** untuk tiba. Selain itu, kawasan Taman Medan juga mendapat khidmat kebombaan dari **tiga (3) buah BBP berdekatan** yang bertindak sebagai balai bantuan sekiranya berlaku insiden iaitu :

BIL	BBP BANTUAN	JARAK (KM)	MASA (MINIT)
1	BBP Subang Jaya	6.1	11
2	BBP Petaling Jaya	7.4	12
3	BBP Puchong	10	17

Merujuk kepada isu pembinaan BBP baharu di Taman Medan, Kementerian melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sedia maklum berhubung penyediaan sebuah tapak tanah yang dirizabkan dengan keluasan 0.5 ekar di kawasan tersebut. Namun begitu, Kementerian berpandangan bahawa keluasan tersebut tidak bersesuaian bagi pembinaan BBP baharu berdasarkan **Garis Panduan dan Peraturan bagi Perancangan Bangunan oleh Kementerian Ekonomi** yang telah memperuntukkan sekurang-kurangnya **keluasan tapak adalah 1.5 ekar**. Untuk makluman Tuan yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat juga, KPKT sekali lagi ingin menegaskan bahawa sebarang pembinaan projek BBP baharu akan diberi keutamaan kepada tapak tanah yang disediakan secara percuma atau dengan kadar premium nominal oleh kerajaan negeri atau pemaju perumahan.

Berhubung dengan pelan mitigasi bagi menangani risiko keselamatan di Taman Medan, Kementerian melalui JBPM berpandangan bahawa aktiviti kesukarelawanan dalam komuniti hendaklah terus diperkasa selain kajian berterusan bagi pewujudan BBP baharu. Antara program berasaskan komuniti yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. meningkatkan penubuhan **Pasukan Bomba Sukarela (PBS)**. Sehingga kini terdapat sebanyak **38 pasukan** yang aktif telah ditubuhkan di seluruh **negeri Selangor** dengan keahlian seramai **739 orang ahli**;
2. memperkasakan penubuhan **Bomba Komuniti** yang kini terdapat sebanyak **212 pasukan** dengan keahlian seramai **3,206 orang** di negeri Selangor. Ahli-ahli Bomba Komuniti ini akan diberikan kefahaman tentang pencegahan kebakaran, latihan kebombaan dan peralatan asas mengawal kebakaran seperti alat pemadam api; dan
3. melaksanakan **kempen kesedaran keselamatan kebakaran** termasuk **Program 1 Rumah 1 Alat Pemadam Api (1RAPI)** yang kini mencatatkan penyertaan seramai **17,052 orang** melalui pelaksanaan **59 program** bagi tahun 2024 dan **Program Sedia Urus Isi Rumah (SUR)** pula merekodkan **55 program** dengan penglibatan komuniti seramai **1,513 orang**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN LEE CHUAN HOW [IPOH TIMOR]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN LEE CHUAN HOW [IPOH TIMOR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan dasar Kementerian sekarang berkaitan pemindahan (*decantering*) pesakit yang memerlukan rawatan dan penjagaan luka yang kronik, khususnya melalui pewujudan unit rawatan luka bergerak ke rumah pesakit yang menggunakan teknologi dan kaedah rawatan baharu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pesakit yang mengalami luka kronik, seperti ulser diabetik, ulser tekanan, atau luka vaskular, memerlukan penjagaan yang lebih intensif dan berterusan untuk mencegah komplikasi, termasuk jangkitan dan kerosakan tisu lebih lanjut. Justeru, kaedah moden penjagaan luka menggunakan pendekatan dan teknik terkini dalam pengurusan luka, dapat mempercepatkan penyembuhan, mencegah jangkitan, dan mengurangkan kesakitan serta komplikasi yang mungkin timbul. Kaedah-kaedah ini berasaskan penyelidikan dan bukti saintifik untuk memberikan rawatan yang lebih efektif dan selamat. Kaedah moden ini sering melibatkan penggunaan bahan dan teknologi terkini, serta pendekatan yang lebih holistik dan berfokuskan pesakit.
2. Sehubungan itu, Dasar Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menetapkan agar semua klinik kesihatan (KK) menyediakan perkhidmatan penjagaan luka yang sistematik dan berkualiti secara holistik. Ini bertujuan untuk mempercepatkan proses penyembuhan luka yang sempurna, sekaligus mengurangkan kadar morbiditi dan mortaliti. Rawatan berterusan penting untuk memastikan bahawa penjagaan kesihatan pesakit tidak terganggu walaupun mereka dipindahkan dari satu fasiliti ke fasiliti lain. Pendekatan ini melibatkan kerjasama antara hospital, klinik, dan pusat penjagaan kesihatan bagi memastikan kesinambungan dalam rawatan pesakit.
3. Pemindahan pesakit secara *step down care* ke Klinik Kesihatan ini memberi peluang untuk mengurangkan kesesakan di hospital, sekaligus meningkatkan kualiti hidup pesakit dengan memberikan rawatan secara holistik dan lebih efisien di persekitaran rumah mereka sendiri (*bring care nearer to home*). Perawatan luka yang tidak menyeluruh akan mendedahkan pesakit kepada komplikasi terutama sekali jangkitan kuman, seterusnya meningkatkan risiko kadar morbiditi dan mortaliti.
4. Perkhidmatan Penjagaan Luka secara moden telah dimulakan di klinik kesihatan sejak 2018 di Klinik Kesihatan yang mempunyai Pakar Perubatan Keluarga dan diperluaskan secara berfasa di semua fasiliti kesihatan primer. Sehingga Disember 2024, sebanyak 859 fasiliti kesihatan primer telah menyediakan perkhidmatan penjagaan luka secara moden.

NO SOALAN : 94

5. Selain dari rawatan luka di klinik kesihatan, rawatan di rumah juga diberikan bagi kes-kes domisiliari. Sehingga kini terdapat 441 klinik kesihatan di seluruh Malaysia menjalankan perkhidmatan perawatan domisiliari (PPD).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM [GUA MUSANG]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM [GUA MUSANG] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13) bagi menjamin kebajikan peneroka Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) yang hampir keseluruhan warga peneroka tergolong dalam kategori B40 sekarang ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ingin menegaskan bahawa agenda memperkasakan golongan peneroka adalah salah satu keutamaan dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13). Dalam konteks ini, kementerian melalui KESEDAR telah merangka pelbagai inisiatif strategik di bawah RMKe-13 dengan fokus kepada tiga strategi utama, iaitu pemerkasaan ekonomi, pembangunan infrastruktur dan peningkatan kemahiran.

Pemerkasaan Ekonomi

Bagi meningkatkan pendapatan dan daya tahan ekonomi warga peneroka, dalam RMKe-13 KESEDAR terus menyediakan Insentif Tanam Semula sebanyak RM1,000.00 sebulan kepada peneroka yang mana ladang masih belum diserahkan. Manakala, bagi 1,517 peneroka yang telah diserahkan pengurusan ladang sendiri mampu mendapatkan purata hasil sebanyak antara RM3 ribu hingga RM5 ribu sebulan.

Pembangunan Infrastruktur

KESEDAR juga menitikberatkan kesejahteraan peneroka dengan penambahbaikan infrastruktur asas seperti bekalan air bersih, elektrik, jalan raya, dan sambungan internet. Selain itu, KESEDAR juga menyediakan penempatan baharu untuk peneroka generasi kedua sebagai langkah untuk meningkatkan kualiti hidup peneroka kawasan KESEDAR sebagaimana berikut :-

- i. Projek Pemajuan Kawasan (PPK). KESEDAR sedang membangunkan 91 Unit PPRS di RKT Paloh untuk generasi kedua dalam kategori E-Kasih. Projek ini sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada awal tahun 2026.

- ii. Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) Paloh 2. Projek ini menyediakan lot-lot rumah mampu milik sebanyak 100 lot dan dijangka dapat disiapkan seawal tahun 2027. Status projek berkenaan masih dalam peringkat pelaksanaan.
- iii. Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) Sungai Asap. Projek ini menyediakan lot-lot rumah mampu milik sebanyak 100 lot dan juga dijangka dapat disiapkan seawal tahun 2027. Status projek berkenaan masih dalam peringkat pelaksanaan.

Latihan Kemahiran dan Pendidikan

Sebagai usaha memperkasakan tenaga kerja peneroka, beberapa program seperti Program Peningkatan Pendapatan (PPP), Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) dan Program Sokongan Perniagaan (PSP) diperluaskan pelaksanaan sebagai usaha memperkuuhkan ekonomi nilai tambah melalui aktiviti berasaskan perniagaan serta kemahiran teknikal dan perkhidmatan. Program peningkatan motivasi diri dan peningkatan pendapatan turut dijadikan keutamaan bagi memastikan kebajikan peneroka mampu menikmati kehidupan yang lebih sempurna.

Kementerian ingin memberi jaminan bahawa pelaksanaan setiap inisiatif akan dipantau secara rapi bagi memastikan keberkesanan dan ketelusan. Kami percaya, dengan kerjasama erat antara agensi pelaksana, dan warga peneroka sendiri, matlamat untuk memperkasakan komuniti KESEDAR dapat direalisasikan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD
RAMLI [DUNGUN]**

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan perancangan Kementerian untuk meningkatkan latihan kemahiran dan pendidikan vokasional di Parlimen Dungun bagi menyediakan tenaga kerja yang lebih berkemahiran dan meningkatkan kebolehpasaran belia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

KESUMA melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) komited dalam memperkasakan TVET serta memperluaskan latihan kemahiran melalui perancangan yang menyeluruh di seluruh negara, termasuk di Dungun, Terengganu. Untuk makluman Yang Berhormat Dungun, terdapat sembilan (9) buah Pusat Bertauliah yang aktif menawarkan program latihan kemahiran di daerah tersebut, antaranya ialah Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Kemasik, GiatMara Dungun, Kolej Vokasional Dungun, serta lima (5) buah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) di bawah Kementerian Pendidikan yang turut menawarkan latihan kemahiran dengan kapasiti latihan adalah melebihi 1100 orang pelatih. Institusi-institusi ini menawarkan pelbagai program latihan TVET dalam bidang seperti hospitaliti, kecantikan, pastri, kimpalan, produksi filem serta video. Selain itu, Kampus Satelit CIAST yang terletak di IKBN Kemasik turut berperanan sebagai pusat latihan khusus untuk melatih para pengajar-pengajar TVET, dengan kapasiti latihan seramai 25 orang pengajar pada satu-satu masa.

Di samping itu, usaha memperluaskan latihan kemahiran turut diperkuuhkan melalui inisiatif Akademi Dalam Industri (ADI). KESUMA amat menggalakkan peningkatan penglibatan syarikat-syarikat untuk menyertai program ini, seperti yang telah dilaksanakan oleh 67 syarikat sedia ada di daerah Dungun, termasuk Indah Sari Automobil Sdn. Bhd., Ketengah Jaya Sdn. Bhd., Watson Personal Care Sdn. Bhd., Permodalan YPK Sdn. Bhd. (Cawangan Dungun) dan seumpamanya. Akademi Dalam Industri (ADI) merupakan inisiatif Kerajaan Madani yang berteraskan konsep latihan kerja sebenar di industri, di mana 70 peratus daripada keseluruhan tempoh latihan dijalankan terus di tempat kerja. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kemahiran praktikal para pelajar malah juga memberi kelebihan dari segi penempatan pekerjaan selepas tamat latihan.

NO SOALAN : 96

Dalam hal yang sama, Jabatan Tenaga Manusia di bawah KESUMA terus proaktif dalam memperkasakan pembangunan modal insan melalui program TVET. Untuk Makluman Dewan Yang Mulia, di Negeri Terengganu, terdapat tiga (3) buah Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM), iaitu ADTEC Kemaman, ILP Kuala Terengganu, dan ILP Marang. Sepanjang tahun 2024, ketiga-tiga institusi ini telah berjaya melatih seramai 15,483 orang pelatih. Kadar kebolehpasaran graduan ILJTM di Terengganu juga amat membanggakan, dengan mencapai 96.5% pada tahun 2024. Daripada jumlah ini, ILP Kuala Terengganu mencatatkan kadar kebolehpasaran tertinggi, iaitu 99.2%.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG]

TARIKH : 5 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status Tabung Amanah Penyakit Jarang Jumpa.

- a. jumlah dana terkini dan berapa penerima yang telah bermanfaat sejak penubuhan tabung sehingga kini
- b. insentif bagi penderma dan adakah rancangan untuk membuat penamaikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Tabung Amanah Penyakit Jarang Jumpa telah diwujudkan pada bulan Julai 2022 dengan tujuan untuk membantu pesakit mendapatkan perkhidmatan perawatan kesihatan yang sewajarnya terutama daripada segi penyediaan ubat ubatan. Secara umumnya pesakit yang mengidap penyakit jarang jumpa ini memerlukan perawatan untuk tempoh yang lama, mungkin seumur hidup dengan kos ubatan yang tidak murah. Sejak ditubuhkan, tabung ini telah mengutip dana sebanyak RM105 ribu yang diterima daripada sumbangan pertubuhan bukan kerajaan.
2. Pada tahun 2024, sebahagian daripada dana tersebut telah dibelanjakan bagi tujuan pembelian bekalan perubatan pakai buang (*consumables gastrostomy button*) dan *non-invasive glucose monitoring sensor* untuk pesakit. Selain daripada itu, dana juga digunakan bagi membiayai kos penyumberluaran ujian genetik. Seramai 50 orang pesakit penyakit jarang jumpa telah mendapat manfaat daripada ini.
3. Penderma tabung ini menikmati insentif pengecualiaan cukai bersamaan dengan amaun sebenar kepada semua pertubuhan, syarikat korporat dan juga individu perseorangan yang sudi menyumbang. Langkah ini bertujuan untuk menggalakkan lebih banyak pihak menyumbang, sekali gus membantu meringankan beban kos rawatan penyakit yang dihadapi oleh pesakit.

Sekian, terima kasih.